- Dalam kalangan graduan lulusan Ijazah Pertama yang tidak bekerja, sebahagian besar (45.8%) mengharapkan gaji antara RM1501 – RM2000, 23.9 peratus mengharapkan RM2001 – RM2500. Bagi graduan lulusan Diploma dan sijil pula, gaji yang dipinta oleh majoriti (44 – 56 %) ialah dalam selang RM1001 – RM1500

## GRADUAN MELANJUTKAN PENGAJIAN

- Secara keseluruhannya 20.1 peratus responden menyatakan mereka sedang melanjutkan pengajian.
- Sebab utama graduan melanjutkan pengajian adalah untuk meningkat tahap kelayakan akademik (34.2%), diikuti untuk meningkatkan prospek kerjaya (28.9%).
- Dalam kalangan yang melanjutkan pengajian 52.5 peratus adalah graduan perempuan dan 62.4

peratus terdiri daripada keluarga berpendapatan bulanan RM2000 ke bawah.

- Kebanyakan graduan yang melanjutkan pengajian adalah terdiri daripada graduan lulusan bidang Teknikal (41.5%) diikuti graduan Sastera & Sains Sosial (30.2%) dan 46.1 peratus mempunyai pencapaian akademik dalam selang PNGK 3.00 – 3.49.
- Daripada keseluruhan graduan yang melanjutkan pengajian, 78.9 peratus menyatakan program pengajian yang sedang diikuti berkaitan dengan pengajian sebelumnya.

## PENGLIBATAN DALAM AKTIVITI KO-KURIKULUM (KO-K)

- Daripada perspektif responden, sekitar 34 – 37 peratus menyatakan mereka aktif atau sangat aktif dalam aktiviti persatuan dan kelab, dan terdapat antara 24 – 27 peratus yang menyatakan tidak aktif atau sangat tidak aktif.
- Penglibatan graduan dalam aktiviti sukan agak rendah sedikit berbanding aktiviti KO-K lain, 27 peratus menyatakan mereka dalam kategori aktif atau sangat aktif dan 39 peratus dalam kategori tidak aktif atau sangat tidak aktif.
- Secara keseluruhan, graduan lelaki didapati lebih aktif berbanding perempuan dalam ketiga-tiga aktiviti KO-K, iaitu persatuan (38.9%), kelab (36.0%) dan sukan (34.2%).
- Graduan bidang pengajian Pendidikan didapati lebih aktif berbanding graduan bidang lain dalam aktiviti kelab (36.6%) dan persatuan (41.4%).
- Graduan dalam bidang pengajian Teknikal didapati lebih aktif sedikit berbanding bidang lain dalam aktiviti sukan, iaitu penyertaannya sebanyak 31.7 peratus, Pendidikan (29.5%), ICT (27.6%), Sains (23.4%), dan Sastera & Sains Sosial (23.6%).
- Secara umumnya, penglibatan dalam aktiviti KO-K dan pencapaian akademik (PNGK) tidak menunjukkan ada perhubungan yang kuat.

- Penglibatan dalam aktiviti sukan mengikut jenis IPT menunjukkan peratus yang aktif dan sangat aktif adalah antara 24 – 41 peratus dengan graduan Kolej Komuniti menyatakan peratus penglibatan tertinggi.
- Data kajian ini menunjukkan tiada perbezaan yang ketara dari sudut peratusan yang bekerja mahupun pendapatan bulanan (bagi yang bekerja) antara graduan yang menyatakan sangat aktif, sederhana atau kurang aktif dalam aktiviti kokurikulum.
- Secara umum, 51.1 peratus daripada keseluruhan responden beranggapan bahawa pelajar yang aktif dalam KO-K lazimnya lebih mudah untuk mendapat pekerjaan. Namun demikian terdapat 16.1 peratus berpendapat sebaliknya dan sekitar 32.8 peratus pula kurang pasti sama ada KO-K membantu atau tidak dalam mendapatkan pekerjaan.

### PENGLIBATAN DALAM LATIHAN INDUSTRI (LI)

- Sebanyak 75 peratus responden melaporkan pernah turut serta dalam program LI semasa di IPT.
- Peratus penyertaan pelajar dalam program LI didapati meningkat daripada tahun ke tahun mengikut tamat pengajian. Peratus graduan kohort 1970 – 1999 yang mengikuti latihan industri semasa di IPT ialah 50.3 peratus, 61.7 peratus bagi graduan 2006 dan 85.4 peratus bagi kohort 2008.
- Majoriti (iaitu 60.1%) responden menjalani program LI selama 4 – 6 bulan, 38.4 peratus selama 1 – 3 bulan dan hanya 1.5 peratus yang menjalani LI melebihi 6 bulan. Hampir 54 peratus responden menyatakan mereka menerima elaun semasa menjalani LI.
- Kebanyakan graduan dalam bidang Sains (81.7%) mengikuti LI bagi tempoh 1 – 3 bulan, manakala tempoh lazim bagi graduan bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi (75.4%) dan bidang Teknikal (74.6%) ialah 4 – 6 bulan. Bagi graduan

bidang Sastera & Sains Sosial, hampir 52.7 peratus menjalankan LI bagi tempoh 4-6 bulan dan 46.4 peratus lagi bagi tempoh 1-3 bulan.

- Sebahagian besar (47.5%) graduan bidang Sastera & Sains Sosial menjalani LI dalam sektor swasta tempatan dan 28.4 peratus dalam sektor kerajaan. Graduan bidang Sains pula, kebanyakannya (51.1%) menjalani LI di sektor kerajaan dan 25.5 peratus di sektor swasta tempatan.
- Bagi graduan bidang Teknikal, 62 peratus menjalani LI di sektor swasta tempatan dan 16.5 peratus di sektor kerajaan. Hampir 47 peratus graduan dalam bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi menjalani LI dalam sektor swasta tempatan dan 31 peratus dalam sektor kerajaan.
- Perbandingan pendapatan bulanan dalam kalangan responden Ijazah Pertama tidak menunjukkan perbezaan yang begitu ketara antara responden yang pernah dan tidak pernah mengikut LI
- Bagaimanapun bagi peringkat Diploma, khususnya kohort 2006, diperhatikan dalam kalangan responden yang mempunyai pendapatan bulanan RM2001 ke atas, peratus yang pernah menghadiri LI adalah 18.7 peratus berbanding 12.6 peratus bagi keseluruhan responden Diploma 2006.

### PENGLIBATAN DALAM SKIM LATIHAN GRADUAN MENGANGGUR (SLG)

- Daripada 13,810 graduan yang mendaftar dalam sistem kajian Susulan KPT (SKPG II), 866 atau 6.3 peratus memaklumkan pernah menghadiri skim latihan berkaitan siswazah menganggur (SLG), 6.4 peratus sedang mengikuti program berkenaan dan selainnya telah tamat latihan yang diikuti.
- Kebanyakan graduan (55.1%) yang terlibat dengan SLG mengikuti program bagi tempoh 4 – 6 bulan, 16 peratus mengikuti program 10 – 12 bulan dan 15.6 peratus untuk tempoh 1 – 3 bulan.
- Peratus graduan perempuan yang mengikuti SLG adalah 62.1 peratus berbanding lelaki 37.9 peratus.

- Sebahagian besar daripada responden yang mengikuti SLG adalah mereka bermastautin di Negeri Selangor (17.7%), diikuti Terengganu (14.7%), Kelantan (8.9%), Kedah (8.8%) dan Johor (8.3%).
- Graduan lulusan bidang Sastera & Sains Sosial merupakan peratus tertinggi (35%) yang menyertai program SLG, diikuti lulusan bidang Teknikal (27.9%), ICT (18.9%) dan Pendidikan (2.9%).
- Penyertaan dalam program SLG adalah tinggi dalam kalangan graduan peringkat Ijazah Pertama iaitu sebanyak 68.2 peratus, diikuti responden Diploma (27.9%).
- Secara umumnya daripada aspek status pekerjaan, kedudukan responden yang menyertai SLG tidak jauh berbeza daripada status keseluruhan responden. Malahan peratus yang tidak bekerja dalam kalangan responden SLG didapati lebih tinggi (29%) berbanding peratus keseluruhan responden yang tidak bekerja (20.8%).
- Majoriti (53.1%) graduan yang pernah mengikuti program SLG mempunyai pekerjaan bertaraf tetap, 30.6 peratus bekerja secara kontrak dan 13.4 peratus bertaraf sementara.
- Data kajian ini menunjukkan kumpulan yang pernah mengikuti SLG tidak mempunyai kelebihan dari sudut peratus yang bekerja ataupun dari sudut pendapatan bulanan. Bagi peringkat Ijazah Pertama, peratus yang mendapat pendapatan RM2001 ke atas adalah 45.6 peratus bagi graduan 2007 berbanding 36.6 peratus bagi kumpulan sama yang pernah mengikuti SLG. Bagi peringkat Diploma 2007 juga menyaksikan peratus yang berpendapatan bulanan RM1501 ke atas adalah lebih rendah dalam kumpulan yang pernah mengikuti SLG berbanding keseluruhan Diploma 2007.
- Dari sudut kesedaran tentang kewujudan program SLG, 62 peratus responden yang tidak mengikuti program SLG menyatakan mereka tidak tahu tentang kewujudan skim berkenaan. Di samping itu terdapat 38 peratus yang menyatakan mereka tahu tetapi tidak berminat untuk mengikutinya.
- Dalam kalangan graduan yang tidak pernah menyertai skim SLG, 60 peratus beranggapan bahawa skim seperti ini dapat membantu graduan dalam mendapatkan pekerjaan. Sebaliknya dalam kalangan yang pernah mengikuti SLG hanya 47.5 peratus menyatakan skim SLG yang diikuti membantu mereka mendapatkan pekerjaan.

### PROFIL DAN PEKERJAAN GRADUAN ORANG KURANG/KELAINAN UPAYA (OKU)

- Seramai 50 orang graduan OKU yang mendaftar dalam kajian susulan 2008, majoritinya terdiri daripada graduan kohort 2006 hingga 2008, 80 peratus berbangsa Melayu, 66 peratus responden adalah lelaki, 48 peratus lulusan Ijazah Pertama dan 26 peratus Diploma.
- Responden lulusan bidang Sastera & Sains Sosial mewakili 40 peratus, 36 peratus lulusan bidang Teknikal, bidang Pendidikan (8%), ICT (6%) dan Sains (6%).
- Responden OKU membiayai pengajian mereka dengan pelbagai cara dengan PTPTN (47%) merupakan pembiaya utama, diikuti 17 peratus secara persendirian dan 14 peratus oleh KPT.
- Kebanyakan keluarga responden OKU terdiri daripada kalangan yang berpendapatan rendah, 56 peratus daripada keluarga berpendapatan kurang daripada RM1500 sebulan dan hanya 34 peratus yang mempunyai pendapatan bulanan keluarga lebih daripada RM2500.
- Status pekerjaan responden OKU menunjukkan 56 peratus bekerja sepenuh masa, 6.1 peratus bekerja separuh masa dan 28 peratus tidak bekerja.
- Kaedah utama yang digunakan oleh kebanyakan graduan OKU bagi mendapatkan pekerjaan ialah melalui kenalan rapat, iaitu ahli keluarga dan rakan.
- Prospek pekerjaan bagi graduan OKU yang mempunyai ketidakupayaan fizikal lebih baik sedikit (69.7 peratus bekerja) daripada kumpulan



graduan OKU penglihatan (25%) dan OKU pendengaran (66.7%).

- Lebih 50 peratus responden OKU yang bekerja berjaya mendapat pekerjaan pertama mereka dalam tempoh 3 bulan selepas tamat pengajian.
- Majoriti (71%) responden OKU mempunyai pekerjaan bertaraf tetap, 19 peratus bertaraf sementara dan 7 peratus bekerja secara kontrak.
- Kebanyakannya bekerja dalam sektor swasta tempatan (39%) dan diikuti oleh sektor kerajaan (35%).
- Dari sudut pendapatan bulanan, 15 peratus mempunyai pendapatan bulanan kurang daripada RM1500, 20 peratus dalam selang pendapatan RM1501 – RM2500 dan 19 peratus antara RM2501 – RM3000 sebulan.

**BAB 1**

*Pengenalan*

TINGGI MALAYSIA

## 1.0 LATAR BELAKANG

Sejak tahun 2006, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) telah menjalankan kajian pengesanan terhadap graduan baru yang dikeluarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) melalui satu sistem atas talian yang dikenali sebagai Sistem Kajian Pengesanan Graduan I (SKPG I). Kajian ini bertujuan meninjau status pekerjaan graduan sejeurus selepas mereka menamatkan pengajian. Kajian dijalankan bersempena musim konvokesyen IPT masing-masing. Usaha ini merupakan satu daripada inisiatif KPT bagi memastikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) negara dapat berperanan melahirkan graduan berketrampilan mengikut bidang dan kemahiran yang diperlukan oleh dunia pekerjaan yang sentiasa berubah-ubah.

Kajian berkenaan telah memberi banyak manfaat dalam membekal maklumat yang sangat berharga kepada KPT dan IPT terutamanya mengenai pelbagai aspek pekerjaan graduan baru dan juga penerimaan industri terhadap graduan yang dilahirkan oleh IPT. Di atas kejayaan pelaksanaan SKPG I dan impak yang diperolehi, pihak KPT telah mengambil langkah setapak ke hadapan dengan membangunkan satu lagi sistem yang dikenali sebagai Sistem Kajian Pengesanan Graduan Susulan (SKPG II). Kajian susulan ini bertujuan meninjau tahap status pekerjaan dan kebolehdapatan kerja graduan dalam jangka waktu yang lebih panjang, iaitu melebihi enam bulan setelah tamat pengajian.

Kajian Pengesanan Graduan Susulan telah dilancarkan pada 24 November 2008 oleh Y.A.B. Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Kajian yang dijalankan secara atas talian ini telah berjaya mendapat respons yang tinggi. Sehingga 31 Januari 2009 jumlah graduan yang memberi respons ialah seramai 19,182 orang. Kajian ini terbuka kepada semua graduan yang memegang sijil pasca SPM, Diploma dan ke atas, berumur 18-64 tahun yang sedang aktif mencari pekerjaan. Bagaimanapun, fokus utama kaji selidik ini ialah

terhadap graduan yang telah memberi respons kepada kajian SKPG I, iaitu graduan yang tamat pengajian pada tahun 2006, 2007 dan sebahagian daripada graduan tahun 2008. Rekod graduan berkenaan sudah terdapat dalam pangkalan data SKPG I.

### 1.1 OBJEKTIF DAN SKOP KAJIAN

Objektif utama kajian ialah khususnya untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang status pekerjaan dan tahap kebolehdapatan kerja graduan yang tamat pengajian sejak tahun 2006 dan umumnya bagi mendaftar dan mendapat gambaran tentang graduan yang sedang aktif mencari pekerjaan.

Fokus kajian ialah untuk:

- i. mendapat data berkaitan status pekerjaan terkini graduan 2006, 2007 dan graduan 2008 yang sudah tamat pengajian melebihi enam bulan;
- ii. mengumpul data mengenai guna tenaga graduan, butiran berkaitan pekerjaan, pengalaman kerja dan majikan mereka;
- iii. mengenal pasti dengan lebih mendalam profil graduan menganggur dan yang melanjutkan pengajian;
- iv. memahami hubung kait program Latihan Industri (LI), Skim Latihan Graduan (SLG) dan aktiviti kokurikulum (Ko-K) dengan kebolehdapatan kerja;
- v. meninjau persepsi graduan terhadap pekerjaan semasa.

### 1.2 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian ini dipaparkan dalam laman web [www.mohe.gov.my/kspgv](http://www.mohe.gov.my/kspgv). Struktur soalan terdiri daripada 5 bahagian seperti yang terdapat dalam Lampiran 1. Bahagian A ialah berkaitan maklumat latar belakang responden seperti nama, nombor kad pengenalan, jantina, alamat, nama program pengajian, bidang pengajian, jurusan dan penaja pengajian. Dalam bahagian ini, responden juga dipohon memaklumkan

tentang penglibatan dalam aktiviti Ko-K dan LI yang pernah mereka ikuti semasa di IPT. Dalam Bahagian B pula responden diminta menyatakan maklumat tentang pengajian lanjutan yang diikuti setelah tamat pengajian. Mereka juga diminta memberi pandangan dan memaklumkan sama ada mereka pernah mengikuti sebarang program anjuran kerajaan berkaitan Skim Latihan Siswazah Menganggur. Di akhir Bahagian B responden diminta menyatakan status pekerjaan, sama ada bekerja sepenuh masa, separuh masa, menunggu penempatan pekerjaan, tidak bekerja kerana melanjutkan pengajian atau tidak bekerja.

Bagi responden yang bekerja (Bahagian C), mereka diminta memberi butiran berkaitan pelbagai aspek pekerjaan sekarang, seperti jawatan, jenis pekerjaan, majikan dan pendapatan bulanan mereka. Bahagian ini juga mencakupi soalan berkaitan pengalaman pekerjaan responden dan maklumat perniagaan bagi responden yang menyatakan bekerja sendiri atau bekerja dengan keluarga. Di penghujung bahagian ini, responden diminta memberi penilaian terhadap keupayaan diri dalam menjalankan tugas dan tahap kepuasan di tempat bekerja.

Bahagian D tertumpu kepada soalan bagi responden yang menyatakan mereka tidak bekerja. Mereka diminta menyatakan sebab tidak bekerja, kekerapan menghadiri temuduga, pilihan pekerjaan dan cara mereka mencari pekerjaan.

Bahagian F merupakan bahagian umum yang mengumpul maklumat tentang status perkahwinan,

pendapatan bulanan keluarga dan jenis ketidakupayaan bagi graduan kurang upaya.

Bagi memastikan ketepatan instrumen yang dibangun dan respons yang diterima menepati keperluan KPT, satu jawatankuasa yang terdiri daripada pakar dalam pelbagai bidang telah ditubuhkan bagi membangunkan soal selidik ini. Di samping itu, kajian rintis juga telah dijalankan untuk memastikan soalan mudah difahami dan tidak menimbulkan keraguan dalam pentafsiran dan analisis.

### 1.3 PELAKSANAAN KAJIAN

Untuk mendapat kadar respons yang baik, beberapa kaedah telah digunakan. Bagi graduan yang telah memberi respons kepada SKPG I khususnya, iaitu graduan tahun 2006, 2007 dan sebahagian daripada 2008, kaedah emel dan sistem pesanan ringkas (sms) telah digunakan. Emel dan sms telah dihantar kepada setiap graduan yang berkenaan (berdasarkan rekod yang terdapat dalam pangkalan data SKPG I) dan mereka dipelawa untuk memberi respons kepada kajian.

Dalam usaha memastikan maklumat berkaitan kajian ini sampai kepada kumpulan sasaran, hebahan telah dibuat menerusi pelbagai cara, iaitu melalui media cetak (*Utusan Malaysia*, *Kosmo*, *New Straits Times*, *Berita Harian*, *Harian Metro* dan *The Star*) dan risalah edaran. Promosi kajian juga dibuat secara meluas melalui laman web, radio dan televisyen. Bagi menggalakkan lagi penyertaan graduan dalam kajian ini, beberapa hadiah insentif telah disediakan untuk responden bertuah yang dipilih secara rawak.



**BAB 2**

*Profil Responden*

TINGGI MALAYSIA

## 2.0 PENDAHULUAN

Penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela dan dijalankan secara atas talian. Seperti kajian atas talian lain, sesiapa juga yang mempunyai akses kepada internet boleh mencapainya dan menjawab soalan yang dipaparkan. Dengan itu, cabaran utama dalam menjalankan kajian seperti ini ialah memastikan kumpulan yang disasarkan mendapat maklumat tentang kajian ini dan bilangan responden yang memberi respons mencukupi untuk mewakili populasi kajian. Cabaran kedua ialah berkaitan kesahihan responden. Oleh itu, perkara ini telah diberi perhatian khusus dari awal perancangan kajian sehinggalah ke tahap pelaksanaannya.

Melalui SKPG I, KPT telah mempunyai satu rekod yang sah berkaitan graduan IPT yang berkonvokesyen mulai tahun 2006. Rekod graduan seperti nama, nombor kad pengenalan, jantina, keturunan, nombor matrik, tarikh tamat pengajian, bidang pengajian, jurusan pengajian dan pencapaian akademik telah diperolehi daripada IPT yang berkenaan. Justeru itu, pangkalan data yang sedia ada telah dijadikan rujukan utama bagi menentukan kesahihan identiti dan data asas yang dikemukakan oleh responden. Dengan itu, tahap kesahihan maklumat responden yang terdiri daripada graduan 2006 hingga 2008 didapati amat tinggi dan kumpulan ini juga merupakan fokus utama kajian ini.

Bagaimanapun bagi responden graduan IPT sebelum tahun 2006, proses penyemakannya agak rumit kerana rekod yang ada di KPT belum begitu lengkap. Justeru itu, bagi maklumat atau identiti responden yang diragui dan tidak ada dalam simpanan KPT, semakan perlu dibuat terus dengan IPT yang berkenaan. Bagi responden lulusan daripada institusi luar negara pula, semakan adalah berdasarkan dokumen yang dibekalkan oleh responden itu sendiri. Oleh yang demikian, satu syarat telah dikenakan, iaitu bagi melayakkan seseorang responden mendapat hadiah insentif, beliau perlu mengemukakan bukti dokumen sah seperti kelulusan pengajian. Sehingga kini,

pemenang hadiah bertuah telah dapat mengemukakan bukti dokumen ijazah masing-masing semasa menuntut hadiah tersebut.

## 2.1 RESPONDEN KAJIAN SUSULAN (SKPG II)

Bermula dari tarikh sistem dibuka, iaitu pada 24 November, 2008 sehingga 31 Januari, 2009 terdapat seramai 19,182 responden yang telah menjawab soalan kajian. Bagaimanapun setelah data dibersihkan, iaitu mengambil kira graduan yang telah tamat pengajian sekurang kurangnya selama enam bulan, serta responden yang tidak memaklumkan tahun konvokesyen dan tidak dapat mengesahkan kelulusan dianggap sebagai data tidak sah. Sehubungan itu, baki bilangan responden yang digunakan untuk tujuan penganalisan ialah 13,810 sahaja. Responden yang memberi respon selepas 31 Januari 2009, iaitu melepasi tempoh kajian juga tidak diambil kira dalam analisis.

Sebahagian besar data responden yang digugurkan ialah terdiri daripada mereka yang belum sampai enam bulan tamat pengajian. Ini adalah kerana kumpulan berkenaan tidak termasuk dalam sampel sasaran kajian.

## 2.2 RESPONDEN MENGIKUT TAHUN KONVOKESYEN

Taburan responden mengikut tahun konvokesyen adalah seperti dalam Jadual 2.1. Sebahagian besar graduan yang mendaftar adalah dalam kalangan mereka yang menghadiri konvokesyen dalam tempoh tiga tahun yang lepas iaitu dari tahun 2006 hingga 2008. Graduan 2007 mewakili peratus tertinggi (39%) diikuti graduan 2006 (26.2%) dan graduan 2008 sebanyak 22.4 peratus. Terdapat juga sekumpulan kecil yang telahpun menamatkan pengajian sebelum tahun 2000. Bagaimanapun bilangannya adalah kecil, mewakili hanya 1.1 peratus daripada keseluruhan responden.

**Jadual 2.1:** Taburan Responden Mengikut Tahun Konvokesyen

Tahun Konvokesyen	Bil. Responden	Peratus
1970 - 1999	155	1.1
2000 - 2004	979	7.1
2005	583	4.2
2006	3,616	26.2
2007	5,386	39.0
2008	3,091	22.4
<b>Jumlah</b>	<b>13,810</b>	<b>100</b>


### 2.3 CORAK PENYERTAAN RESPONDEN

Bagi memahami corak respons yang diterima dan juga bagi mengetahui bilangan optimum responden yang mungkin diperolehi melalui kaedah yang digunakan, sistem juga merekod masa responden mula dan tamat menjawab soal selidik. Daripada rekod penyertaan, diperhatikan bilangan responden yang memberi

respons berubah-ubah mengikut waktu, hari dan minggu. Rajah 2.1 menunjukkan corak penyertaan mengikut minggu, bermula dari minggu pertama hingga minggu ke-14 sistem dibuka. Dapat dilihat respons yang diterima dalam minggu pertama hingga minggu ke-3 agak mendatar dan mula meningkat pada minggu ke-4 dan memuncak pada minggu ke-6.

Setelah diteliti dengan lebih mendalam, didapati kaedah penyebaran maklumat kepada graduan sangat mempengaruhi kadar respons. Penyebaran melalui akhbar, televisyen dan radio yang dibuat secara meluas seminggu sebelum kajian dijalankan, didapati tidak memberi sambutan begitu menggalakkan pada tiga minggu pertama, responsnya agak mendatar. Walau bagaimanapun, respons mula meningkat apabila pelawaan menyertai kajian dibuat melalui sms dan emel, yang dimulakan pada penghujung minggu ke-3 hingga akhir minggu ke-5.

Pada minggu ke-10 satu usaha dijalankan sekali lagi melalui emel bagi mengingatkan graduan 2006 hingga 2008 yang masih belum memberi respons.

**Rajah 2.1 :** Bilangan Responden Mengikut Minggu



Bagaimanapun usaha ini tidak membawa kepada peningkatan kadar respons yang ketara seperti sebelumnya. Ini mungkin menunjukkan bahawa bilangan graduan yang bersedia memberi respons hampir mencapai tahap optimum.

#### 2.4 PERBANDINGAN DATA KAJIAN PENGESANAN GRADUAN KONVOKEYEN (SKPG I) DAN DATA KAJIAN PENGESANAN GRADUAN SUSULAN (SKPG II)

Beberapa ujian statistik juga telah dijalankan bagi menentukan data responden yang diterima dapat mewakili populasi graduan sebenar dan tidak *bias*. Untuk tujuan tersebut, taburan responden kajian susulan yang diperolehi dibandingkan dengan pangkalan data populasi SKPG I, 2006 hingga 2008.


Jadual 2.2 menunjukkan taburan data populasi (data SKPG I) dan data Kajian Pengesanan Graduan

Susulan 2008 (SKPG II) mengikut peringkat pengajian bagi tahun 2006 hingga 2008. Kedua-dua kumpulan data menunjukkan corak taburan yang hampir serupa. Oleh itu data yang diperolehi melalui SKPG II (sampel) dapat mewakili populasi (data SKPG I) dengan baik. Keadaan ini dapat dilihat dengan lebih jelas dalam Rajah 2.2 yang mana graf taburan populasi dan sampel menunjukkan corak yang serupa. Sampel data susulan hampir 4 peratus daripada keseluruhan populasi data SKPG I. Peratus responden tertinggi masih merupakan kumpulan Ijazah Pertama, diikuti lulusan Diploma.

Seterusnya bagi menentukan bilangan responden yang diterima mencukupi bagi mewakili populasi, satu pengiraan saiz sampel dijalankan dengan menggunakan kaedah pensampelan seperti yang diterangkan secara terperinci dalam Lampiran A. Hasil ujian statistik ini mendapati bilangan responden yang diterima adalah memadai bagi mewakili populasi.

**Jadual 2.2:** Taburan Data Populasi (SKPG I) dan Data Kajian Susulan (SKPG II) Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	Responden SKPG I 2006 - 2008		Responden SKPG II dalam kalangan graduan 2006 – 2008	
	Bil.	Peratus	Bil.	Peratus
Ph.D	941	0.3	14	0.1
Sarjana	16,192	4.7	401	3.3
Diploma Lulusan Ijazah	2,930	0.9	32	0.3
Ijazah Pertama	150,072	43.8	5,731	47.4
Diploma Lanjutan	3,956	1.2	15	0.1
Diploma	113,682	33.2	4,015	33.2
Sijil	54,335	15.9	1,865	15.4
Profesional	370	0.1	10	0.1
<b>Jumlah</b>	<b>342,478</b>	<b>100</b>	<b>12,083</b>	<b>100</b>

**Rajah 2.2 :** Peratus Taburan Responden SKPG I dan SKPG II, Graduan 2006-2008

## 2.5 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Profil graduan yang mendaftar ke dalam sistem SKPG II dilihat daripada dua sudut. Pertama dilihat dari sudut umum, iaitu mengikut tahun konvokesyen, latar belakang demografi seperti jantina, umur, pendapatan bulanan keluarga dan negeri bermastautin. Seterusnya, dilihat daripada sudut latar belakang akademik yang termasuk peringkat pengajian, bidang pengajian utama, pencapaian akademik dan penaja pengajian.

Secara keseluruhannya 57.8 peratus daripada responden SKPG II 2008 adalah terdiri daripada graduan IPTA, 25.8 peratus daripada Politeknik, 11.6 peratus daripada IPTS dan 4 peratus daripada Kolej Komuniti. Terdapat sekumpulan kecil responden lepasan luar negara dan IPG yang mendaftar, iaitu masing-masing seramai 96 (0.7%) dan 23 (0.2%) orang (Jadual 2.3).

**Jadual 2.3:** Taburan Responden Mengikut Jenis IPT

IPT	Bil.	Peratus
IPTA	7,978	57.8
IPTS	1,603	11.6
Politeknik	3,558	25.8
Kolej Komuniti	552	4.0
Institusi Luar Negara	96	0.7
IPG	23	0.2
<b>*Jumlah Besar</b>	<b>13,810</b>	<b>100</b>

Nota : \*Dibundarkan kepada 100 peratus.

Jadual 2.4 menunjukkan taburan responden mengikut tahun konvokesyen dan jenis IPT. Diperhatikan peratus responden IPTA adalah tertinggi bagi setiap tahun atau kohort tahun konvokesyen melainkan bagi tahun konvokesyen 2008. Bagi tahun konvokesyen 2008, bilangan responden daripada Politeknik adalah tertinggi. Ini adalah kerana kebanyakan graduan IPTA dan IPTS yang berkonvokesyen pada tahun 2008 belum cukup tempoh enam bulan tamat pengajian pada 24 November tahun 2008, iaitu tarikh kajian mula dijalankan. Bagaimanapun kebanyakan Politeknik telah mengadakan majlis konvokesyen pada awal tahun, iaitu sebelum bulan Mei 2008.

Secara keseluruhannya, penyertaan daripada graduan lulusan luar negara, graduan 2005 dan sebelumnya, dan graduan IPG adalah rendah. Ini mungkin kerana graduan daripada kumpulan ini tidak ramai yang aktif mencari pekerjaan. Ingin dimaklumkan juga, pelawaan kepada kumpulan ini dibuat melalui media massa dan ditujukan kepada mereka yang aktif mencari pekerjaan sahaja. Strategi yang berbeza telah digunakan kepada kumpulan graduan 2006 – 2008 yang berada dalam SKPG I, iaitu setiap individu telah dipelawa menyertai kajian melalui emel dan sms.

**Jadual 2.4:** Peratus Taburan Responden Mengikut IPT dan Tahun Konvokesyen

IPT	Tahun Konvokesyen					
	1970 - 1999 n=155	2000 - 2004 n=979	2005 n=583	2006 n=3,616	2007 n=5,386	2008 n=3,091
IPTA	55.5	68.8	64.8	82.5	57.5	24.7
IPTS	19.4	17.0	21.3	9.8	13.4	6.6
Politeknik	10.3	11.4	9.6	6.6	25.1	57.9
Kolej Komuniti	-	0.8	2.6	0.7	3.3	10.5
Institusi Luar Negara	14.8	1.9	1.5	0.4	0.4	0.2
IPG	-	0.1	0.2	-	0.3	0.1
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota : \*Dibundarkan kepada 100 peratus.

Bilangan graduan IPTA yang mendaftar ditunjukkan dalam Jadual 2.5. Secara keseluruhannya, graduan UiTM adalah kumpulan yang terbesar, iaitu seramai 2,284 orang diikuti oleh UUM dan UTM. Bagaimanapun respons daripada graduan UM, UPM dan UIAM adalah didapati agak rendah berbanding keluarannya. Taburan responden mengikut tahun

konvokesyen juga menunjukkan graduan UiTM mencatat peratus tertinggi yang mendaftar bagi setiap kumpulan tahun kecuali bagi tahun 2008. Peratusan bagi tahun 2008 menunjukkan bilangan responden daripada UUM adalah tertinggi, ini mungkin kerana UUM telah menjalankan satu sesi konvokesyen yang besar pada bulan Mac, 2008.

**Jadual 2.5:** Peratus Taburan Responden Mengikut IPTA dan Tahun Konvokesyen

IPTA	1970-2004 n=760	2005 n=378	2006 n=2,982	2007 n=3,096	2008 n=762	Jumlah 7,996	Peratus
UM	8.2	7.7	8.1	1.9	0.3	397	5.0
UKM	6.3	9.5	8.0	12.5	-	711	8.9
UPM	16.2	11.9	9.6	3.6	-	564	7.1
UIAM	2.0	3.4	3.5	2.1	-	201	2.5
UiTM	25.9	21.2	27.0	30.2	34.8	2,284	28.6
USM	7.8	9.3	8.4	10.8	4.3	710	8.9
UTM	9.9	10.8	8.4	12.1	17.2	871	10.9
UUM	15.1	15.6	8.5	6.2	38.7	921	11.5
UNIMAS	1.8	2.1	1.9	4.3	-	212	2.7
UMS	4.3	3.7	3.5	2.7	-	234	2.9
UPSI	-	-	2.0	2.8	4.1	179	2.2
UTHM	0.9	1.3	4.9	1.1	-	192	2.4
UMT	0.8	2.6	2.9	1.9	-	160	2.0
UTeM	0.1	-	2.3	4.1	-	197	2.5
USIM	0.1	0.5	0.3	1.1	-	46	0.6
UMP	-	-	0.5	1.4	0.3	60	0.8
UniMAP	-	-	0.3	1.2	-	45	0.6
UDM	0.5	0.3	-	0.1	0.4	12	0.2
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>7,996</b>	<b>100</b>

Nota : \*Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 2.5.1 Taburan Responden Mengikut Tahun Konvokesyen Dan Peringkat Pengajian

Sebahagian besar daripada responden mendaftar merupakan lulusan Ijazah Pertama (48.4%), diikuti graduan Diploma (32.8%) dan Sijil (14.7%). Beberapa kumpulan lain yang turut mendaftar

termasuk Diploma Lanjutan dan Diploma Lulusan Ijazah, Profesional dan Ph.D. Pecahan pendaftaran mengikut peringkat pengajian dan tahun konvokesyen yang dipaparkan dalam Jadual 2.6 menunjukkan bilangan terbesar responden adalah graduan peringkat Ijazah Pertama dan Diploma bagi setiap kumpulan tahun, kecuali bagi tahun 2008.

**Jadual 2.6:** Peratus Taburan Responden Mengikut Peringkat Pengajian dan Tahun Konvokesyen

Peringkat Pengajian	Tahun Konvokesyen						Jumlah n=13,810	Peratus
	1970 - 1994 n=155	2000 - 2004 n=979	2005 n=583	2006 n=3,616	2007 n=5,386	2008 n=3,091		
Ph.D	-	0.1	0.3	0.2	0.1	-	17	0.1
Sarjana	5.2	3.8	3.8	4.9	3.3	1.5	468	3.4
Ijazah Pertama	41.9	56.0	57.1	67.7	48.8	21.3	6,682	48.4
Diploma	36.1	30.3	27.6	22.9	33.8	44.3	4,532	32.8
Diploma Lulusan Ijazah	1.9	0.1	0.2	0.03	0.1	0.8	37	0.3
Diploma Lanjutan	-	0.2	0.5	0.1	0.2	0.1	20	0.1
Sijil	12.3	9.2	10.1	4.2	13.5	31.9	2,035	14.7
Profesional	2.6	0.3	0.3	0.1	0.1	0.1	19	0.1
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>13,810</b>	<b>100</b>

### 2.5.2 Responden Mengikut Bidang Pengajian Utama

Pecahan mengikut bidang pengajian utama menunjukkan peratus responden dalam bidang Sastera & Sains Sosial dan Teknikal adalah hampir sama, iaitu sekitar 35 peratus. Lulusan Teknologi Maklumat & Komunikasi yang mendaftar ialah seramai 1,785 orang, mewakili 13.3 peratus daripada keseluruhan responden. Manakala graduan lulusan Sains pula adalah seramai 1,628 orang (Jadual 2.7 dan Rajah 2.3).


**Jadual 2.7:** Peratus Taburan Responden Mengikut Bidang Pengajian Utama

Bidang Pengajian Utama	Peratus * n = 13,398
Sastera & Sains Sosial	35.3
Teknikal	35.1
Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)	13.3
Sains	12.2
Pendidikan	4.2
<b>**Jumlah (%)</b>	<b>100</b>

Nota: \*412 tidak memaklumkan.

\*\*Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Rajah 2.3 :** Peratus Taburan Responden Mengikut Bidang Pengajian Utama



### 2.5.3 Latar Belakang Sosioekonomi Responden

Profil sosioekonomi responden yang dibincangkan dalam bahagian ini merangkumi latar belakang pendidikan, jantina, bangsa, status perkahwinan, pendapatan bulanan keluarga, negeri bermastautin dan penaja pengajian.

#### 2.5.3.1 Responden Mengikut Jantina dan Bangsa

Taburan responden mengikut tahun konvokesyen dan jantina dipamerkan dalam

Jadual 2.8. Bilangan responden perempuan keseluruhannya ialah 7,716 orang iaitu mewakili 55.9 peratus responden dan graduan lelaki pula ialah 6,094 orang atau 44.1 peratus. Secara keseluruhannya bilangan responden perempuan melebihi responden lelaki melainkan bagi kumpulan tahun konvokesyen tahun 1970 hingga 1999. Nisbah ini sejajar dengan rekod data graduan IPT yang menunjukkan bilangan pelajar perempuan mula melebihi lelaki sekitar awal tahun 2000.

**Jadual 2.8:** Peratus Taburan Responden Mengikut Tahun Konvokesyen dan Jantina

Tahun Konvo	Lelaki n = 6094	Perempuan n = 7,716	Jumlah Keseluruhan	
			Bil.	%
1970 - 1999	68.4	31.6	155	100
2000 - 2004	39.1	60.9	979	100
2005	41.9	58.1	583	100
2006	42.9	57.1	3616	100
2007	42.9	57.1	5386	100
2008	48.4	51.0	3091	100
<b>Jumlah (%)</b>	<b>44.1</b>	<b>55.9</b>	<b>13,810</b>	<b>100</b>

Responden mengikut jantina dan bangsa dipaparkan dalam Jadual 2.9. Dapat dilihat sebahagian besar graduan yang mendaftar adalah terdiri daripada kaum Melayu, diikuti Cina dan kaum lain.

**Jadual 2.9:** Peratus Taburan Responden Mengikut Jantina dan Bangsa

Bangsa	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
	n = 6,094	n = 7,716
Melayu	83.8	86.1
Cina	9.6	7.0
India	2.3	2.1
Lain-lain	4.2	4.8
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \*Dibundarkan kepada 100 peratus.

Jadual 2.10 menunjukkan taburan responden mengikut jantina dan peringkat pengajian. Umumnya, bagi peringkat Diploma, Ijazah Pertama dan Sarjana, majoriti responden adalah terdiri daripada graduan perempuan.

### 2.5.3.2 Responden Mengikut Status Perkahwinan dan Pendapatan Bulanan Keluarga

Majoriti responden masih bujang dan hanya 18.6 peratus sudah berkahwin dan 0.3 peratus bercerai/balu/duda. Peratus responden yang berkahwin dalam

**Jadual 2.10:** Peratus Taburan Responden Mengikut Peringkat Pengajian dan Jantina

Peringkat Pengajian	Jantina	
	Lelaki	Perempuan
	n = 6,094	n = 7,716
Ph.D	0.2	0.1
Sarjana	3.1	3.6
Diploma Lepas Ijazah	0.3	0.2
Ijazah Pertama	40.5	54.6
Diploma Lanjutan	0.2	0.1
Diploma	36.0	30.3
Sijil	19.5	11.0
Profesional	0.2	0.1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

kalangan graduan perempuan ialah 19.8 peratus berbanding lelaki sebanyak 17.0 peratus (Jadual 2.11).

Jadual 2.12 mempamerkan taburan pendapatan bulanan keluarga responden mengikut jantina. Dapat diperhatikan 25.4 peratus responden berada dalam golongan keluarga berpendapatan RM1000 ke bawah dan bilangan responden perempuan dalam kelompok pendapatan ini lebih sedikit daripada lelaki. Tidak banyak perbezaan antara responden perempuan dan lelaki bagi kumpulan kumpulan pendapatan yang lain.

**Jadual 2.11:** Peratus Taburan Status Perkahwinan Responden Mengikut Jantina

Status Perkahwinan	Jantina		Jumlah n = 13,810
	Lelaki	Perempuan	
	n = 6,094	n = 7,716	
Bujang	82.8	79.8	81.1
Berkahwin	17.0	19.8	18.6
Bercerai/berpisah/ balu/duda	0.2	0.4	0.3
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**Jadual 2.12:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan Keluarga Responden Mengikut Jantina

Pendapatan Bulanan Keluarga	Jantina		Keseluruhan
	Lelaki	Perempuan	
	n =6,094	n = 7,716	13,810
RM500 ke bawah	7.1	6.8	6.9
RM501 - RM1000	16.9	19.7	18.5
RM1001 - RM1500	17.4	17.4	17.4
RM1501 - RM2000	14.5	13.6	14.0
RM2001 - RM2500	12.3	12.2	12.2
RM2501 - RM3000	10.8	10.9	10.9
RM3001 - RM5000	12.9	12.2	12.5
RM5001 ke atas	8.1	7.2	7.6
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Taburan pendapatan bulanan keluarga mengikut status perkahwinan dipaparkan dalam Jadual 2.13. Diperhatikan peratus responden berstatus bujang dan juga bercerai/balu/duda adalah lebih tinggi

bagi kumpulan pendapatan keluarga RM2000 dan ke bawah. Sebaliknya bagi kumpulan pendapatan RM2001 dan ke atas, peratus responden yang berkahwin adalah umumnya lebih tinggi.

**Jadual 2.13:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan Keluarga Mengikut Status Perkahwinan

Pendapatan Bulanan Keluarga	Status Perkahwinan		
	Bujang n=11,337	Berkahwin n=2,628	Bercerai/berpisah/ balu/duda n=42
RM500 ke bawah	8.1	1.8	7.1
RM501 - RM1000	21.5	5.7	19.0
RM1001 - RM1500	18.9	11.0	9.5
RM1501 - RM2000	14.5	11.6	14.3
RM2001 - RM2500	12.2	12.3	14.3
RM2501 - RM3000	10.0	14.6	7.1
RM3001 - RM5000	9.4	25.6	14.3
RM5001 ke atas	5.4	17.2	14.3
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

#### 2.5.4 Taburan Responden Mengikut Negeri Bermastautin

Data dalam Jadual 2.14 menunjukkan graduan yang bermastautin di negeri Selangor merupakan kumpulan terbesar yang terlibat dalam kajian ini, iaitu

mewakili 19.7 peratus diikuti negeri Johor (11.5%) dan Perak (10.3%). Manakala bilangan terendah adalah responden yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Labuan (0.2%) dan Putrajaya (0.7%), Sabah (2.9%) dan Sarawak (3.7%).

**Jadual 2.14:** Peratus Taburan Responden Mengikut Negeri Bermastautin dan Tahun Konvokesyen

Negeri Bermastautin	Tahun Konvokesyen					
	1970 - 1999 n=155	2000 - 2004 n=978	2005 n=583	2006 n=3,611	2007 n=5,372	2008 n=3,087
Johor	9.7	11.1	9.8	11.6	12.0	11.3
Kedah	5.2	7.2	11.5	8.4	9.5	12.3
Kelantan	3.9	5.7	7.9	8.1	8.4	7.8
Melaka	6.5	4.1	3.3	3.0	4.0	4.9
Negeri Sembilan	3.9	3.6	4.3	4.9	4.2	5.0
Pahang	3.9	5.1	5.3	5.5	5.9	7.0
Pulau Pinang	5.8	4.7	5.1	5.9	5.4	6.4
Perak	6.5	7.6	6.7	8.7	11.1	12.5
Perlis	-	1.3	1.0	1.1	1.4	1.5
Selangor	37.4	28.0	24.2	21.9	18.4	15.1
Terengganu	3.9	3.5	5.8	3.8	5.7	5.1
Sabah	0.6	3.8	3.1	2.9	2.8	2.8
Sarawak	0.6	4.3	2.9	4.2	4.3	2.3
WP Kuala Lumpur	11.0	8.2	7.7	8.8	6.2	5.2
WP Labuan	-	0.2	-	0.4	0.2	0.2
WP Putrajaya	1.3	1.6	1.4	0.6	0.6	0.7
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 2.5.5 Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik

Ditinjau dari sudut pencapaian akademik, majoriti responden adalah dalam selang PNGK 3.00 – 3.49 dan terdiri daripada

graduan yang tamat pengajian pada tahun 2006 hingga 2008. Sebaliknya bagi kumpulan yang tamat pengajian pada tahun 2005 dan sebelumnya, didapati peratus tertinggi adalah dalam selang PNGK 2.50 – 2.99 (Jadual 2.15).

**Jadual 2.15:** Peratus Taburan Pencapaian Akademik Responden Mengikut Tahun Konvokesyen

PNGK	1970 - 1999 n = 96	2000 - 2004 n = 849	2005 n = 519	2006 n=3,504	2007 n = 5,240	2008 n=3,016	* Jumlah n=13,224
2.00-2.49	32.3	20.6	18.7	10.6	6.6	3.3	8.5
2.50-2.99	41.7	51.9	45.5	37.2	35.8	30.0	36.3
3.00-3.49	21.9	23.7	29.3	39.6	43.5	49.7	41.9
3.50-4.00	4.2	3.8	6.6	12.6	14.1	17.0	13.3
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>


Nota: \*Seramai 586 responden tidak memaklumkan PNGK



Rajah 2.4 menunjukkan taburan responden mengikut penaja pengajian. Majoriti responden, iaitu 60 peratus yang mendaftar adalah terdiri daripada mereka yang telah mendapat tajaan PTPTN

dan 10 peratus terdiri daripada mereka yang membiayai pengajian secara sendiri. Selainnya telah mendapat tajaan daripada pelbagai agensi seperti MARA, KPT, KPM dan Kerajaan Negeri/Yayasan Negeri.

**Rajah 2.4 :** Peratus Taburan Responden Mengikut Penaja Pengajian



## 2.6 STATUS PEKERJAAN RESPONDEN

Status pekerjaan responden adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.16. Daripada keseluruhan responden yang mendaftar dalam sistem kajian ini, 63.9 peratus memaklumkan telah bekerja, 20.8 peratus tidak bekerja, 16.6 peratus sedang menyambung pengajian dan 1.7 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan. Dapat dilihat, umumnya peratus responden

yang bekerja meningkat dengan tempoh mereka berada dalam pasaran pekerjaan. Bagi graduan 2006 yang sudah menamatkan pengajian sekitar 2 tahun, peratus yang bekerja ialah 73.4 peratus berbanding 61.7 peratus bagi graduan 2007 dan 54.2 peratus bagi graduan 2008. Corak sebaliknya dilihat dalam kalangan graduan tidak bekerja, iaitu peratus yang tidak bekerja menurun apabila tempoh tamat pengajian meningkat.

**Jadual 2.16:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Responden Mengikut Tahun Konvokesyen

Status Pekerjaan	1970 - 1999 n=155	2000 - 2004 n=979	2005 n=582	2006 n=3,614	2007 n=5,380	2008 n=3,089	* Jumlah	
							Bil.	%
Bekerja	64.6	70.5	65.8	73.4	61.7	54.2	8,818	63.9
Menunggu Penempatan Pekerjaan	0.6	0.7	1.4	2.3	2.0	0.8	236	1.7
Menyambung Pengajian	2.6	1.9	5.3	10.1	16.8	17.7	1,871	13.6
Tidak Bekerja	32.3	26.9	27.5	14.1	19.5	27.3	2,874	20.8
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>13,799</b>	<b>100</b>

Nota: \*11 responden tidak memaklumkan status pekerjaan.

Status pekerjaan graduan mengikut IPT ditunjukkan dalam Jadual 2.17. Peratus responden yang tidak bekerja dalam kalangan responden IPTA ialah 18.0 peratus, 23.1 peratus bagi Politeknik, 26.1 peratus bagi IPTS dan 31.4 peratus bagi Kolej Komuniti.

Pecahan mengikut jantina (Jadual 2.18), menunjukkan peratus graduan lelaki yang bekerja adalah lebih tinggi sedikit berbanding graduan perempuan, iaitu masing-masing 66.2 peratus dan 62.1 peratus.

**Jadual 2.17:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Mengikut IPT

Status Pekerjaan	IPTA n = 7,972	IPTS n = 1,601	Politeknik n=3,556	Kolej Komuniti n = 551
Bekerja	69.6	62.1	55.2	41.9
Menunggu Penempatan Pekerjaan	2.6	0.4	0.5	0.5
Menyambung Pengajian	9.8	11.3	21.3	26.1
Tidak Bekerja	18.0	26.1	23.1	31.4
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \*Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Jadual 2.18:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Mengikut Jantina

Status Pekerjaan	Lelaki		Perempuan	
	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja	4,030	66.2	4,788	62.1
Menunggu Penempatan Pekerjaan	87	1.4	149	1.9
Menyambung Pengajian	882	14.5	989	12.8
Tidak Bekerja	1,092	17.9	1,782	23.1
<b>Jumlah (%)</b>	<b>6,091</b>	<b>100</b>	<b>7,708</b>	<b>100</b>

Jadual 2.19 menunjukkan taburan responden mengikut taraf pekerjaan dan tahun konvokesyen. Majoriti (66.5%) responden terdiri daripada yang mempunyai pekerjaan tetap, diikuti 20.6 peratus bekerja secara kontrak dan 10.5 peratus bekerja

bertaraf tetap. Corak yang hampir sama dapat dilihat bagi setiap tahun konvokesyen, iaitu Tahun 2006 menunjukkan peratus tertinggi (73.4%) responden mempunyai pekerjaan tetap, manakala hanya 55 peratus bagi graduan 2008.

**Jadual 2.19:** Peratus Taburan Taraf Pekerjaan Mengikut Tahun Konvokesyen

Taraf Pekerjaan	1970 - 2004 n=790	2005 n=383	2006 n=2,650	2007 n=3,314	2008 n=1,672	*Jumlah	
						Bil.	Peratus
Tetap	65.3	60.1	73.4	67.7	55.0	5,854	66.5
Kontrak	18.0	24.5	17.6	20.3	26.1	1,811	20.6
Sementara	10.9	9.9	7.1	10.2	16.6	928	10.5
Bekerja Sendiri	3.7	3.4	1.3	1.0	1.3	132	1.5
Bekerja Dengan Keluarga	2.2	2.1	0.6	0.8	1.1	84	1.0
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>8,809</b>	<b>100</b>

Nota: \*9 responden tidak memaklumkan sektor pekerjaan

Bagi sektor pekerjaan pula, sebahagian besar (40%) menyatakan bekerja di sektor swasta tempatan diikuti 26.8 peratus di sektor kerajaan dan 3.8 peratus

mempunyai perusahaan sendiri/perniagaan sendiri (Jadual 2.20).

**Jadual 2.20:** Peratus Taburan Sektor Pekerjaan Mengikut Tahun Konvokesyen

Sektor Pekerjaan	1970-2004 n=790	2005 n=383	2006 n=2,650	2007 n=3,314	2008 n=1,672	*Jumlah n = 8,809
Kerajaan	27.3	20.1	29.4	26.8	23.8	26.8
Badan berkanun	7.8	11.7	7.4	9.3	6.5	8.2
Swasta (Multinasional/asing)	9.5	11.5	15.4	14.1	11.7	13.5
Swasta (tempatan)	41.8	45.2	36.5	38.6	46.3	40.0
Swasta-bukan tempatan	2.2	2.1	1.8	2.2	2.8	2.2
Perusahaan sendiri/perniagaan sendiri	6.6	5.2	2.5	3.5	5.0	3.8
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	3.8	3.4	6.3	4.7	2.9	4.7
Organisasi Bukan Kerajaan (NGO)	1.0	0.8	0.6	0.9	1.1	0.9
<b>**Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \*9 responden tidak memaklumkan sektor pekerjaan

\*\* Dibundarkan kepada 100 peratus

Dapat diperhatikan dari Jadual 2.21, majoriti graduan yang mendaftar untuk kajian ini ialah dalam golongan berpendapatan bulanan RM2000 dan kurang, iaitu sebanyak 60.7 peratus manakala 10.7 peratus dalam kumpulan pendapatan lebih daripada RM3000. Terdapat juga sekumpulan kecil (3%) mencatatkan pendapatan RM 500 dan kurang.

Taburan mengikut tahun konvokesyen menunjukkan peratus tertinggi graduan adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan bulanan antara RM1001 – RM1500, kecuali bagi graduan tahun konvokesyen 2006. Bagi kumpulan ini kebanyakan graduan (21.4%) mempunyai pendapatan antara RM2001 – RM2500. Bagi responden 2008 pula hampir 5 peratus didapati menerima pendapatan RM500 ke bawah.

**Jadual 2.21:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan Mengikut Tahun Konvokesyen

Pendapatan Bulanan	1970 - 2004 n=790	2005 n=383	2006 n=2,650	2007 n=3,314	2008 n=1,672	*Jumlah (%) n = 8,809
RM500 ke bawah	2.9	3.9	1.5	1.9	4.8	2.5
RM501 - RM1000	19.4	17.0	8.8	14.2	29.5	16.1
RM1001 - RM1500	30.0	32.6	15.6	24.2	33.1	24.2
RM1501 - RM2000	17.0	16.7	16.3	20.1	17.0	17.9
RM2001 - RM2500	10.0	13.1	21.4	19.3	9.3	16.9
RM2501 - RM3000	7.7	9.7	18.3	11.3	4.3	11.7
RM3001 - RM5000	10.4	6.8	15.7	7.4	1.9	9.1
RM5001 - RM10,000	2.0	0.3	2.0	1.4	0.1	1.3
RM10,001 ke atas	0.6	-	0.4	0.3	0.1	0.3
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \*9 responden tidak memaklumkan pendapatan bulanan keluarga

**BAB 3**

*Status Pekerjaan Graduan  
2006 dan 2007*

TINGGI MALAYSIA

### 3.0 PENDAHULUAN

Bab ini membicarakan tentang status pekerjaan graduan dan yang berkaitan dengannya. Fokus perbincangan tertumpu kepada responden yang terdiri daripada graduan yang tamat pengajian pada tahun 2006 dan 2007. Antara perkara yang diperincikan ialah bagaimanakah perubahan dalam pendapatan, kedudukan status, taraf dan sektor pekerjaan graduan 2006 dan 2007 terkini (iaitu pada tahun 2008) berbanding semasa konvokesyen dahulu. Dalam masa yang sama bab ini juga meninjau beberapa aspek berkaitan corak pekerjaan semasa graduan, seperti peratus yang bekerja separuh masa, masa yang diambil bagi mendapat pekerjaan pertama, kekerapan bertukar pekerjaan, peratus yang mempunyai kerja sampingan dan sebab-sebab menjalankan kerja sampingan. Di akhir bab ini juga akan dimuatkan pandangan graduan bekerja terhadap kerelevanan bidang pengajian dengan pekerjaan sekarang. Perbincangan ditumpukan kepada graduan Ijazah Pertama dan Diploma pada masa konvokesyen (SKPG I) dan kedudukan mereka pada tahun 2008, iaitu semasa kajian susulan dijalankan (SKPG II).

Umumnya kajian SKPG I memberi gambaran status pekerjaan dalam tempoh yang singkat (iaitu selepas 3 hingga 6 bulan tamat pengajian) dan SKPG II pula memberi tempoh masa melebihi enam bulan. Bagi graduan 2006 yang turut serta dalam SKPG II, mereka telah berada sekurang-kurangnya dua tahun dalam pasaran pekerjaan dan graduan 2007 pula telah berada di dalam pasaran kerja lebih daripada satu tahun. Perbandingan seperti ini diharap dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang dinamik guna tenaga graduan negara yang baru tamat pengajian, iaitu selepas satu dan selepas dua tahun tamat pengajian. Melalui kajian yang berterusan seperti ini, diharap kita bukan sahaja akan dapat memahami tahap penggunaan

modal insan peringkat tertiar secara lebih mendalam tetapi juga akan dapat mengetahui tentang bagaimana graduan membangun kerjaya masing-masing, dinamik dan kepantasan perubahan yang berlaku dalam alam pekerjaan graduan.

### 3.1 STATUS PEKERJAAN GRADUAN 2006 DAN 2007

Status pekerjaan graduan kohort 2006 dan 2007 yang memberi respons kepada kajian SKPG II dipaparkan dalam Jadual 3.1. Bagi graduan Diploma 2006, peratus yang bekerja sepenuh masa ialah 50 peratus dan bagi Diploma 2007 ialah 47.9 peratus. Graduan lepasan Ijazah Pertama yang bekerja ialah 75 peratus bagi kohort 2006 dan 64.9 peratus bagi 2007. Terdapat sekitar 4 – 6 peratus dalam kalangan graduan 2006 dan 2007 yang bekerja separuh masa. Rajah 3.1 menunjukkan peratus yang bekerja separuh masa dan sepenuh masa dalam kalangan graduan Diploma dan Ijazah Pertama yang memberi respons sebagai bekerja.

Untuk melihat perubahan terhadap status pekerjaan, di dalam Jadual 3.2 dipaparkan status pekerjaan graduan 2006 dan 2007 dan kajian semasa majlis konvokesyen (SKPG I) dijalankan dahulu. Dapat diperhatikan status graduan (semua peringkat pengajian) 2006 yang tidak bekerja semasa konvokesyen ialah 30.7 peratus, dan setelah kira-kira dua tahun tamat pengajian, peratus yang belum bekerja menurun kepada 14.1 peratus, iaitu penurunan sebanyak 16.6 peratus. Bagi graduan 2007 pula peratus yang tidak bekerja semasa konvokesyen ialah 26.5 peratus dan menurun kepada 19.5 peratus pada tahun 2008. Rajah 3.2 memaparkan perubahan yang lebih jelas tentang status graduan pada tahun 2008 berbanding semasa konvokesyen dahulu.

**Jadual 3.1:** Peratus Taburan Mengikut Status Pekerjaan Graduan 2006 dan 2007 pada Tahun 2008


Status Pekerjaan Sekarang (2008)	Diploma				Ijazah Pertama			
	2006		2007		2006		2007	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Bekerja Sepenuh Masa	413	50.0	871	47.8	1,836	75.0	1,705	64.9
Bekerja Separuh Masa	48	5.8	87	4.8	102	4.2	161	6.1
Menunggu Penempatan	4	0.5	7	0.4	77	3.1	97	3.7
Tidak Bekerja kerana Melanjutkan Pengajian	176	21.3	517	28.4	164	6.7	218	8.3
Tidak Bekerja	185	22.4	338	18.6	268	11.0	445	16.9
<b>Jumlah</b>	<b>826</b>	<b>100</b>	<b>1,820</b>	<b>100</b>	<b>2,447</b>	<b>100</b>	<b>2,626</b>	<b>100</b>

**Rajah 3.1 :** Peratus Taburan Graduan 2006 dan 2007 Bekerja Separuh Masa berbanding Sepenuh Masa**Jadual 3.2:** Peratus Taburan Mengikut Status Pekerjaan Graduan 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 berbanding Semasa Konvokesyen (SKPG I)

Status Pekerjaan	Graduan 2006		Graduan 2007	
	Status Semasa KONVO	Status Sekarang (2008)	Status Semasa KONVO	Status Sekarang (2008)
Bekerja & dll <sup>1</sup>	69.3	85.9	73.5	80.5
Tidak Bekerja	30.7	14.1	26.5	19.5
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

<sup>1</sup> dll = dan lain-lain termasuk melanjutkan pengajian, menunggu penempatan dan meningkat kemahiran

**Rajah 3.2 :** Peratus Taburan Mengikut Status Pekerjaan Graduan 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 berbanding Semasa Konvokesyen (SKPG 1)



Jadual 3.3 menunjukkan status pekerjaan graduan 2006 dan 2007 pada tahun 2008 berbanding semasa konvokesyen mengikut peringkat pengajian. Bagi setiap peringkat pengajian (melainkan bagi peringkat Diploma dan Sijil) terdapat peningkatan dalam status yang bekerja dan sebaliknya penurunan dalam peratus bagi yang tidak bekerja. Bagi peringkat Ph.D, peratus yang tidak bekerja menurun ke tahap sifar bagi graduan 2006 dan juga graduan 2007. Peringkat Sarjana pula, kadar tidak bekerja bagi graduan 2006 menurun daripada 10.4 peratus kepada 3.4 peratus, dan bagi tahun 2007 kadarnya menurun daripada 9.8 peratus kepada 6.1 peratus.

Kumpulan Ijazah Pertama menyaksikan peratus penurunan yang lebih tinggi dalam kalangan yang tidak bekerja, iaitu bagi graduan 2006, peratus tidak bekerja menurun daripada 36.4 peratus kepada 11.0 peratus. Bagi kohort 2007 pula, kadar tidak bekerja menurun daripada 29.7 peratus kepada 16.9 peratus, iaitu menurun sebanyak 12.6 peratus. Graduan peringkat Diploma Lanjutan juga menunjukkan penurunan yang ketara, iaitu daripada 31.9 peratus kepada sifar bagi kohort 2006, dan 27.2 peratus kepada 10 peratus bagi

kohort 2007. Bagi lulusan Diploma dan Sijil, coraknya agak berlainan, iaitu tidak kelihatan perbezaan yang signifikan bagi kohort 2006. Sementara bagi kohort 2007, iaitu terdapat penurunan yang kecil, iaitu 3.4 peratus dalam status pekerjaan terkini berbanding semasa konvokesyen. Mungkin kumpulan ini lebih bergantung kepada sektor industri tempatan sebagai pembekal pekerjaan, iaitu satu sektor yang relatifnya kurang stabil berbanding sektor kerajaan atau swasta (Multinasional/Asing).

### 3.2 SEKTOR PEKERJAAN GRADUAN 2006 DAN 2007

Jadual 3.4 memaparkan perbandingan dapatan kajian SKPG I dan SKPG II mengenai sektor pekerjaan graduan 2006 dan 2007. Data menunjukkan terdapat pergerakan yang ketara bagi graduan 2006 dan juga bagi graduan 2007. Bagi sektor Kerajaan terdapat anjakan sebanyak 5 peratus bagi graduan 2006, daripada 24.4 peratus semasa konvokesyen kepada 29.4 peratus pada tahun 2008. Bagi kohort 2007 terdapat peningkatan daripada 23.4 peratus kepada 26.8 peratus, iaitu peranjakan sebanyak 3.4 peratus.

**Jadual 3.3:** Peratus Taburan Mengikut Status Pekerjaan Graduan 2006 dan 2007 Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	Graduan 2006						Graduan 2007					
	Status Semasa KONVO			Status Sekarang (2008)			Status Semasa KONVO			Status Sekarang (2008)		
	Bekerja & dll	Tidak Bekerja	Jum	Bekerja & dll	Tidak Bekerja	Jum	Bekerja & dll	Tidak Bekerja	Jum	Bekerja & dll	Tidak Bekerja	Jum
Ph.D.	92.3	7.7	100	100	-	100	96.2	3.8	100	100	-	100
Sarjana	89.6	10.4	100	96.6	3.4	100	90.2	9.8	100	93.9	6.1	100
Diploma Lepas Ijazah	95.8	4.2	100	100	-	100	95.9	4.1	100	100	-	100
Ijazah Pertama	63.6	36.4	100	89.0	11.0	100	70.3	29.7	100	83.1	16.9	100
Diploma Lanjutan	68.1	31.9	100	100	-	100	72.8	27.2	100	90.0	10.0	100
Diploma	77.2	22.8	100	77.6	22.4	100	78	22.0	100	81.4	18.6	100
Sijil	67.9	32.1	100	66.0	34.0	100	65.5	34.5	100	65.6	34.4	100



Peningkatan ini juga dilihat bagi sektor badan berkanun yang menunjukkan peningkatan sebanyak 2.8 peratus bagi kohort 2006 dan 4.8 peratus bagi kohort 2007. Dalam masa yang sama sektor swasta multinasional/asing, swasta tempatan dan perusahaan sendiri menyaksikan penurunan yang setimpal. Ini memberi gambaran terdapat pergerakan daripada sektor swasta multinasional/asing, swasta tempatan


dan perusahaan sendiri ke sektor kerajaan dan badan berkanun. Pergerakan ini mungkin terdapat ramai graduan yang beranggapan sektor kerajaan dan sektor badan berkanun memberi jaminan dan suasana kerja yang lebih baik. Rajah 3.3 menunjukkan dengan lebih jelas lagi perubahan ini bagi kohort 2006 dan juga kohort 2007 dalam semua sektor pekerjaan.

**Jadual 3.4:** Peratus Taburan Mengikut Sektor Pekerjaan Graduan 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 berbanding Semasa Konvokesyen

Sektor Pekerjaan	Graduan 2006		Graduan 2007	
	Kedudukan Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)	Kedudukan Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)
Kerajaan	24.4	29.4	23.4	26.8
Badan Berkanun	4.6	7.4	4.5	9.3
Swasta Multinasional/asing	21.1	17.2	19.9	16.3
Swasta Tempatan	43.8	36.5	45.6	38.6
Perusahaan Sendiri	5.4	2.5	5.3	3.5
Lain-lain	0.7	6.9	1.3	5.6
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Rajah 3.3 :** Peratus Taburan Mengikut Sektor Pekerjaan Graduan 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 berbanding Semasa Konvokesyen



Jadual 3.5 memperincikan lagi sektor pekerjaan graduan mengikut peringkat Ijazah Pertama dan Diploma 2006 dan 2007. Diperhatikan graduan Diploma menunjukkan peratus perubahan yang jauh lebih besar berbanding pemegang Ijazah Pertama, iaitu bagi sektor kerajaan terdapat peningkatan sebanyak 9.9 peratus dalam kalangan graduan Diploma 2006 berbanding 2.5 peratus bagi Ijazah Pertama. Sementara bagi kohort 2007 pula, peningkatan dalam sektor ini ialah 9.1 peratus bagi graduan Diploma dan 4.1 peratus bagi Ijazah Pertama. Keadaan sebaliknya dilihat bagi sektor swasta, iaitu penyertaan graduan

Diploma dalam sektor swasta multinasional bagi kohort 2007 berkurangan sekitar 4 peratus dan sebanyak 9.2 peratus bagi kohort 2006. Manakala bagi graduan Ijazah Pertama, peratus penurunannya ialah sebanyak 5 peratus bagi kohort 2007 dan 3.4 peratus bagi kohort 2006. Lebih separuh (50.5%) daripada graduan Diploma 2006 bekerja di sektor Swasta Tempatan dalam kajian Konvokesyen dan menurun kepada 45.1 peratus dalam Kajian Susulan. Bagi kohort 2007 pula peratusnya menurun daripada 51.8 peratus kepada 42.4 peratus.

**Jadual 3.5:** Peratus Taburan Mengikut Sektor Pekerjaan Graduan 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 dan Semasa Konvo (Ijazah Pertama dan Diploma)

Sektor Pekerjaan	Graduan 2006				Graduan 2007			
	Ijazah Pertama		Diploma		Ijazah Pertama		Diploma	
	Kedudukan Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)	Kedudukan Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)	Kedudukan Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)	Kedudukan Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)
Kerajaan	28.5	31.0	12.4	22.3	24.1	28.2	14.3	23.4
Badan Berkanun	3.8	6.7	4.5	8.9	3.7	8.6	5.1	9.3
Swasta Multinasional/Asing	21.5	18.1	24.2	15.0	22.6	17.6	20.1	16.2
Swasta Tempatan	41.9	34.7	50.5	45.1	44.7	37.3	51.8	42.4
Perusahaan Sendiri	3.7	2.1	7.5	3.9	3.6	2.4	7.5	4.5
Lain-lain	0.6	7.4	0.9	4.8	1.3	5.9	1.3	4.3
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

### 3.3 TARAF PEKERJAAN GRADUAN 2006 DAN 2007


Jadual 3.6 dan Rajah 3.4 menunjukkan taraf pekerjaan terkini keseluruhan responden (dalam kalangan graduan 2006 dan 2007) pada tahun 2008 berbanding semasa konvokesyen. Dapat diperhatikan perubahan yang paling ketara berlaku ialah bagi taraf pekerjaan tetap dan sementara. Bagi taraf tetap terdapat

peningkatan sebanyak 10 peratus bagi graduan 2006 dan 7 peratus bagi graduan 2007. Dalam masa yang sama taraf sementara menurun sebanyak 8.9 peratus bagi kohort 2006 dan 6.9 peratus bagi kohort 2007. Taraf yang bekerja dengan keluarga dan bekerja sendiri juga menyaksikan sedikit penurunan bagi kedua-dua kumpulan graduan. Bagaimanapun bagi taraf pekerjaan kontrak, peratus perubahannya adalah kecil, iaitu di bawah satu peratus.

**Jadual 3.6:** Peratus Taburan Mengikut Taraf Pekerjaan Graduan 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 dan Semasa Konvo

Taraf Pekerjaan	Graduan 2006		Graduan 2007	
	Kedudukan Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)	Kedudukan Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)
Tetap	63.4	73.4	60.6	67.7
Kontrak	18.2	17.6	19.5	20.3
Sementara	16.0	7.1	17.1	10.2
Bekerja Sendiri	1.3	1.3	1.5	1.0
Bekerja Dengan Keluarga	1.1	0.6	1.3	0.8
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**Rajah 3.4:** Peratus Taburan Mengikut Taraf Pekerjaan Graduan 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 berbanding Kedudukan Semasa Konvo



Jadual 3.7 menunjukkan taraf pekerjaan semasa konvokesyen dan pada tahun 2008 bagi peringkat Ijazah Pertama dan Diploma. Dapat dilihat kedudukan bagi kohort Ijazah Pertama 2006 yang berada dalam jawatan tetap pada tahun 2008 adalah lebih tinggi, iaitu 74.3 peratus berbanding 66.4 peratus semasa konvokesyen. Begitu juga bagi graduan Diploma 2006, peratus berjawatan tetap pada tahun 2008 adalah lebih tinggi (65.5%) berbanding 56.8 peratus semasa

konvokesyen. Dapat diperhatikan, bagi graduan Diploma kohort 2007, peratus peningkatan dalam jawatan tetap adalah lebih tinggi (4.3%) berbanding Ijazah Pertama (2.4%). Data daripada jadual ini juga menunjukkan peratus penurunan yang ketara dalam kalangan yang bekerja sementara bagi graduan Ijazah Pertama dan juga graduan peringkat Diploma. Bagi taraf pekerjaan lain, perubahannya adalah kecil.

**Jadual 3.7:** Peratus Taburan Mengikut Taraf Pekerjaan Graduan (Ijazah Pertama & Diploma) 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 berbanding Semasa Konvo

Taraf Pekerjaan	Ijazah Pertama				Diploma			
	2006		2007		2006		2007	
	Semasa KONVO	Sekarang (2008)	Semasa KONVO	Sekarang (2008)	Semasa KONVO	Sekarang (2008)	Semasa KONVO	Sekarang (2008)
Tetap	66.4	74.3	62.3	65.7	56.8	65.5	54.9	69.2
Kontrak	18.4	17.5	20.2	23.1	19.9	22.1	21.6	18.5
Sementara	13.6	6.7	15.4	9.7	20.2	9.5	20.0	10.5
Bekerja Sendiri	1.0	1.1	1.2	0.9	1.7	2.0	1.5	1.1
Bekerja Dengan Keluarga	0.6	0.5	0.8	0.6	1.5	0.9	1.9	0.6
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 3.4 PENDAPATAN BULANAN GRADUAN 2006 DAN 2007

Jadual 3.8 memaparkan pendapatan bulanan graduan 2006 dan 2007 pada tahun 2008 dan semasa konvokesyen. Bagi kohort 2006, peratus yang mempunyai pendapatan RM1500 ke bawah menurun daripada 51.3 peratus kepada 25.9 peratus, dan bagi kohort 2007 pula berkurangan daripada 50 peratus kepada 40.3 peratus. Bagi kumpulan pendapatan yang lebih tinggi, iaitu RM2001 dan ke atas pula, didapati peratus graduan 2006 meningkat daripada 26.6 peratus kepada 57.8 peratus dan graduan 2007 meningkat daripada 28.9 peratus kepada 39.6 peratus. Rajah 3.5a dan Rajah 3.5b menunjukkan perbandingan yang lebih jelas bagi setiap kumpulan pendapatan bagi kohort 2006 dan 2007.

Jadual 3.9 menunjukkan peratus taburan pendapatan bulanan graduan Ijazah Pertama dan Diploma kohort 2006 dan 2007. Dapat diperhatikan

bagi graduan Ijazah Pertama, peratus yang mendapat pendapatan bulanan melebihi RM2000 meningkat secara signifikan, iaitu daripada 29.2 peratus kepada 65.7 peratus bagi kohort 2006, dan daripada 32.1 peratus kepada 55.6 peratus bagi kohort 2007. Diperhatikan juga dalam masa yang sama peratus pendapatan bulanan graduan Ijazah pertama dalam selang RM1500 – RM2000 dan dalam selang pendapatan yang lebih rendah, menurun dengan ketara terutamanya bagi kohort 2006 (Rajah 3.5a).

Bagi lulusan Diploma (Rajah 3.5b) pula peningkatan peratus berlaku dengan ketara bagi selang pendapatan RM1501 – RM2000 dan dalam selang pendapatan yang lebih tinggi, iaitu terdapat peningkatan daripada 17.8 peratus semasa konvokesyen kepada 47.8 bagi graduan 2006, dan daripada 18.1 peratus kepada 37.7 peratus bagi graduan 2007. Ini boleh ditafsirkan kebanyakan graduan mengambil masa kira-kira satu tahun selepas menamatkan pengajian bagi mendapat pendapatan yang setara dengan kelulusan mereka.

**Jadual 3.8:** Peratus Taburan Mengikut Pendapatan Bulanan Graduan 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 berbanding Semasa Konvo


Pendapatan Bulanan	Graduan 2006		Graduan 2007	
	Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)	Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)
RM500 ke bawah	5.3	1.5	5.3	1.9
RM501 - RM1000	23.8	8.8	22.9	14.2
RM1001 - RM1500	22.2	15.6	21.8	24.2
RM1501 - RM2000	22.1	16.3	21.1	20.1
RM2001 - RM2500	13.6	21.4	12.6	19.3
RM2501 - RM3000	6.0	18.3	7.1	11.3
RM3001 ke atas	7.0	18.1	9.2	9.0
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**Jadual 3.9:** Peratus Taburan Mengikut Pendapatan Bulanan Graduan (Ijazah Pertama & Diploma) 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 berbanding Semasa Konvo


Pendapatan Bulanan	Ijazah Pertama				Diploma			
	Graduan 2006		Graduan 2007		Graduan 2006		Graduan 2007	
	Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)	Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)	Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)	Semasa KONVO	Kedudukan Sekarang (2008)
RM500 ke bawah	2.9	0.9	3.1	1.1	7.6	3.3	6.7	2.7
RM501 - RM1000	14.9	6.0	13.5	7.8	39.5	17.6	40.2	21.0
RM1001 - RM1500	21.5	12.6	21.4	15.9	35.1	30.4	35.0	38.7
RM1501 - RM2000	31.7	14.8	29.9	19.6	11.5	28.0	11.8	25.1
RM2001 - RM2500	18.9	25.3	17.7	28.7	3.1	13.4	3.3	8.5
RM2501 - RM3000	6.2	22.8	8.4	17.1	1.3	4.1	1.3	2.2
RM3001 ke atas	4.1	17.6	6.0	9.8	1.9	3.3	1.7	1.9
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Rajah 3.5a :** Peratus Taburan Mengikut Pendapatan Bulanan Graduan Ijazah Pertama 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 dan Semasa Konvo



**Rajah 3.5b :** Peratus Taburan Mengikut Pendapatan Bulanan Graduan Diploma 2006 dan 2007 pada Tahun 2008 dan Semasa Konvo



### 3.5 PEKERJAAN PERTAMA GRADUAN 2006 DAN 2007

Bahagian ini cuba melihat dan memahami dengan lebih mendalam lagi beberapa aspek berkaitan corak pekerjaan graduan 2006 dan 2007. Oleh kerana tempoh graduan berada dalam pasaran kerja agak singkat, fokus analisis adalah tertumpu kepada berapa lama graduan mengambil masa bagi mendapat pekerjaan pertama, peratus yang kekal pada pekerjaan pertama dan kekerapan bertukar kerja.


#### 3.5.1 Tempoh Menunggu bagi Mendapat Pekerjaan Pertama

Rajah 3.6a menunjukkan tempoh yang diambil oleh graduan peringkat Diploma untuk mendapatkan pekerjaan pertama. Dapat dilihat sekitar 50 peratus mendapat pekerjaan dalam tempoh tiga bulan setelah tamat pengajian. Terdapat juga graduan Diploma yang mendapat tawaran kerja sebelum tamat pengajian,


iaitu 12.3 peratus bagi graduan 2007 dan 18.4 peratus bagi graduan Diploma 2006. Umumnya dalam kalangan graduan Diploma yang bekerja, 86 peratus menyatakan mereka telah mendapat pekerjaan pertama dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian.

Tempoh graduan peringkat Ijazah Pertama menunggu bagi mendapatkan pekerjaan pertama dipaparkan dalam Rajah 3.6b. Seperti graduan Diploma, hampir 50 peratus mendapat pekerjaan pertama dalam tempoh 3 bulan dan sekitar 20 peratus mendapat tawaran sebelum tamat pengajian. Umumnya, 87 peratus bagi graduan 2007 dan 85 peratus bagi graduan Ijazah Pertama 2006 yang bekerja mendapat pekerjaan pertama dalam tempoh 6 bulan setelah tamat pengajian.

**Rajah 3.6a :** Peratus Taburan Mengikut Tempoh Menunggu bagi Graduan Diploma (2006 & 2007) mendapat Pekerjaan Pertama



**Rajah 3.6b :** Peratus Taburan Mengikut Tempoh Menunggu bagi Graduan Ijazah Pertama (2006 & 2007) mendapat Pekerjaan Pertama




### 3.5.2 Tempoh Berada dalam Pekerjaan Pertama

Bagi meninjau berapa lamakah graduan Ijazah Pertama dan Diploma kohort 2006 dan 2007 kekal berada dalam pekerjaan pertama, taburan graduan yang kekal dalam pekerjaan pertama semasa kajian konvokesyen dan susulan dipaparkan dalam Rajah 3.7. Dapat dilihat semasa konvokesyen dijalankan, 72.5 peratus graduan 2006 dan juga graduan 2007 yang bekerja memaklumkan mereka

masih berada pada pekerjaan pertama. Bagaimanapun selepas setahun (iaitu bagi kohort graduan 2007), peratusnya menurun kepada 41.4 peratus, dan bagi graduan 2006 pula, peratusnya menurun kepada 35.5 peratus. Data ini memberi gambaran hampir 30 peratus graduan meninggalkan pekerjaan pertama dalam tempoh 3 – 6 bulan selepas tamat pengajian, 59.6 peratus selepas kira-kira setahun dan 64.5 peratus selepas kira-kira dua tahun.

**Rajah 3.7 :** Peratus yang Kekal pada Pekerjaan Pertama pada Tahun 2008 dan Semasa Konvokesyen






### 3.5.3 Kekerapan Pertukaran Pekerjaan Sehingga kepada Pekerjaan Sekarang

Responden Bekerja juga diminta menyatakan sama ada pekerjaan semasa merupakan pekerjaan yang pertama, kedua atau seterusnya. Ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran tentang dinamik kerjaya mereka. Rajah 3.8a menunjukkan kekerapan graduan Ijazah Pertama bertukar pekerjaan sebelum menjawat jawatan sekarang. Sekitar 62.1 peratus graduan Ijazah Pertama kohort 2007 telah bertukar

pekerjaan sekali berbanding 56.6 peratus bagi kohort 2006. Bagi graduan Ijazah Pertama 2007, peratus yang bertukar pekerjaan sebanyak 2 kali ialah 26.8 peratus dan 29.3 peratus bagi graduan Ijazah Pertama 2006. Peratus graduan Ijazah Pertama 2007 yang bertukar pekerjaan sebanyak dua kali dan lebih adalah rendah sedikit daripada graduan 2006. Peratus yang sudah bertukar pekerjaan lebih daripada dua kali pula ialah 11.1 peratus bagi graduan 2007 dan 14.1 peratus bagi graduan 2006.


**Rajah 3.8a :** Peratus Taburan Responden Mengikut Kekerapan Bertukar Pekerjaan Sehingga kepada Pekerjaan Sekarang (Graduan Ijazah Pertama 2006 dan 2007)



Bagi graduan Diploma kohort 2007 (Rajah 3.8b), peratus yang sudah bertukar pekerjaan sekali adalah tinggi sedikit daripada kohort 2006, iaitu 54.8 peratus berbanding 51.1 peratus. Peratus graduan Diploma yang bertukar pekerjaan sebanyak dua kali dan lebih daripada dua kali adalah lebih tinggi daripada graduan Ijazah Pertama. Bagi

kohort 2006 peratus yang yang bertukar pekerjaan sebanyak dua kali ialah 31.5 peratus dan lebih daripada dua kali ialah 17.4 peratus. Manakala bagi graduan Diploma 2007, peratusan yang bertukar dua kali ialah 28.7 peratus dan 16.6 peratus telah bertukar lebih daripada dua kali.

**Rajah 3.8b** : Peratus Taburan Responden Mengikut Kekerapan Bertukar Pekerjaan Sehingga kepada Pekerjaan Sekarang (Graduan Diploma 2006 dan 2007)




### 3.5.4 Sebab Meninggalkan Pekerjaan Pertama


Pelbagai sebab yang diberi oleh graduan mengapa mereka meninggalkan pekerjaan pertama. Empat sebab utama yang dinyatakan oleh graduan Ijazah Pertama ialah kerana mendapat tawaran gaji yang lebih baik (19 – 22%), diikuti

kerana mencari pekerjaan yang lebih selesa (14 – 16%), mendapat tawaran yang setaraf dengan kelayakan (12 – 14%) dan kerana tamat kontrak (11 – 14%). Graduan Diploma juga memberi sebab mengikut keutamaan yang hampir sama seperti graduan Ijazah Pertama (Rajah 3.9a dan Rajah 3.9b).

**Rajah 3.9a** : Peratus Taburan Mengikut Sebab Graduan Ijazah Pertama 2006 dan 2007 Meninggalkan Pekerjaan Pertama



**Rajah 3.9b :** Peratus Taburan Mengikut Sebab Graduan Diploma 2006 dan 2007 Meninggalkan Pekerjaan Pertama




### 3.6 GRADUAN YANG MEMPUNYAI PEKERJAAN SAMPINGAN


Rajah 3.10a menunjukkan peratus graduan bekerja, yang menyatakan mereka menjalankan pekerjaan lain sebagai kerja sampingan. Dapat diperhatikan sekitar 14 peratus graduan yang bekerja mempunyai pekerjaan

sampingan. Rajah 3.10b memaparkan antara sebab-sebab yang diberi oleh graduan yang membuat kerja sampingan adalah untuk menambah pendapatan, iaitu 67.7 peratus daripada graduan 2007 dan 64.7 peratus graduan 2006. Sekitar 16 – 20 peratus adalah bagi tujuan menambah pengalaman, dan sekitar 11 – 12 peratus untuk mengisi masa lapang.

**Rajah 3.10a :** Peratus Taburan Graduan 2006 dan 2007 yang Mempunyai Kerja Sampingan



**Rajah 3.10b :** Peratus Taburan Mengikut Sebab Graduan 2006 dan 2007 Menjalankan Kerja Sampingan




### 3.7 GRADUAN BEKERJA YANG MASIH AKTIF Mencari PEKERJAAN LAIN


Rajah 3.11a menunjukkan peratus graduan bekerja yang masih mencari pekerjaan lain secara aktif, iaitu 55.7 peratus bagi graduan 2006 dan 64.5 peratus bagi

graduan 2007. Peratus yang aktif mencari pekerjaan lain mengikut peringkat Ijazah Pertama dan Diploma dipaparkan dalam Rajah 3.11b. Peratus graduan Diploma yang aktif mencari pekerjaan lain didapati lebih tinggi berbanding graduan Ijazah Pertama, iaitu antara 72 – 74 peratus bagi graduan Diploma dan 52 – 60 peratus bagi graduan Ijazah Pertama.

**Rajah 3.11a :** Peratus Taburan Mengikut Graduan 2006 dan 2007 Bekerja yang Masih Mencari Pekerjaan Lain



**Rajah 3.11b :** Peratus Taburan Mengikut Graduan 2006 dan 2007 (Bekerja) Ijazah Pertama dan Diploma yang Masih Mencari Pekerjaan Lain



Bagi graduan kohort 2006, sebab utama mereka mencari pekerjaan lain ialah untuk mendapat gaji lebih tinggi (26.3%), manakala bagi kohort 2007 pula, sebab utama yang diberikan ialah untuk mencari

pekerjaan tetap (25.5%). Hampir 20 peratus graduan menyatakan mereka mencari pekerjaan lain bagi mendapat pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan mereka (Jadual 3.10).

**Jadual 3.10:** Peratus Taburan Mengikut Sebab Graduan 2006 dan 2007 Mencari Pekerjaan Lain

Sebab Mencari Pekerjaan Lain	Graduan 2006	Graduan 2007
Mendapat gaji yang lebih tinggi	26.3	21.0
Mencari pekerjaan tetap	23.2	25.5
Mencari pekerjaan yang setaraf dengan kelayakan	19.5	19.8
Mencari pekerjaan yang lebih selesa	9.0	9.5
Mencari pekerjaan yang berkaitan dengan bidang pengajian	8.7	11.3
Mencari pekerjaan yang lebih mencabar	6.4	6.3
Pekerjaan sekarang tidak sesuai	0.8	1.2
Lain-lain	6.2	5.5
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 3.8 CARA GRADUAN MENDAPATKAN PEKERJAAN

Jadual 3.11 memaparkan cara yang digunakan oleh graduan (Diploma dan Ijazah Pertama) 2006 dan 2007 mendapatkan pekerjaan sekarang. Dalam jadual yang sama juga ditunjukkan dapatan berasaskan kajian SKPG I. Diperhatikan, rakan, keluarga atau pensyarah dan media merupakan sumber yang paling digemari bagi mencari pekerjaan semasa selepas tamat pengajian dahulu dan kaedah ini masih menjadi cara utama walaupun setelah berada lebih daripada satu tahun dalam pasaran pekerjaan.

Bagaimanapun didapati peratus yang menggunakan internet meningkat secara menyeluruh, iaitu daripada sekitar 10 – 15 peratus semasa konvo kesyenan kepada 21 – 24 peratus pada tahun 2008 bagi graduan Ijazah Pertama dan Diploma 2006. Penggunaan internet untuk mencari pekerjaan juga meningkat dengan ketara dalam kalangan graduan 2007. Diperhatikan perkhidmatan Jabatan Tenaga Kerja, unit kaunseling dan pesta kerjaya sebagai kaedah untuk mencari pekerjaan kurang mendapat perhatian dalam kalangan graduan Ijazah Pertama dan juga Diploma.

**Jadual 3.11:** Peratus Taburan Mengikut Cara Graduan 2006 dan 2007 Mencari Pekerjaan

Cara Mencari Pekerjaan	Graduan 2006				Graduan 2007			
	Ijazah Pertama		Diploma		Ijazah Pertama		Diploma	
	Semasa KONVO	Sekarang Tahun 2008	Semasa KONVO	Sekarang Tahun 2008	Semasa KONVO	Sekarang Tahun 2008	Semasa KONVO	Sekarang Tahun 2008
Internet	15.2	23.8	10.2	21.6	19.1	21.5	11.9	22.4
Media cetak	20.3	15.0	18.3	12.0	13.3	12.2	15.0	11.3
Media elektronik	2.4	1.5	1.3	1.5	2.0	1.3	1.5	0.8
Unit Kaunseling/ Kerjaya	1.8	0.8	1.9	-	1.4	1.0	1.9	1.1
Jabatan Tenaga Kerja	1.2	1.6	1.7	1.5	0.9	2.2	1.4	3.4
Agensi Pekerjaan	2.9	3.2	3.3	3.1	2.6	3.2	3.1	3.2
Pesta Kerjaya	2.1	2.4	1.2	0.9	3.2	2.4	1.7	1.9
Rakan/Keluarga/ Pensyarah	32.4	31.5	46.1	43.4	32.3	35.3	42.1	40.4
Tawaran daripada penaja pengajian	6.9	7.7	1.9	1.7	3.3	6.1	2.4	1.3
Lain-lain	14.7	12.5	14.1	14.2	21.9	14.8	19.0	14.3
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>


Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 3.9 HUBUNG KAIT ANTARA PEKERJAAN SEKARANG DENGAN BIDANG PENGAJIAN DI IPT

Bagi mendapat gambaran perkaitan antara bidang pengajian yang diikuti semasa di IPT dengan bidang tugas semasa, responden yang bekerja ditanya sama

ada pengajian di IPT membantu atau tidak dalam pekerjaan mereka. Rajah 3.12 menunjukkan sekitar 82 – 89 peratus graduan 2006 dan 84 – 89 peratus graduan 2007 menyatakan bidang pengajian yang diikuti di IPT membantu dalam pekerjaan mereka.

**Rajah 3.12 :** Peratus Taburan Mengikut Sejahter manakah Bidang Pengajian Membantu dalam Dunia Pekerjaan Semasa bagi Graduan 2006 dan 2007



**BAB 4**

*Graduan Tidak Bekerja*

TINGGI MALAYSIA



## 4.0 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan dapatan kajian berasaskan maklumat berkaitan graduan yang tidak bekerja. Antara maklumat yang dihuraikan dalam bab ini adalah profil demografi, pencapaian akademik, sebab tidak bekerja, program latihan tambahan yang diperlukan, pilihan utama sektor pekerjaan dan kekerapan menghadiri temuduga. Perkara lain yang turut dibincangkan ialah gaji yang diharapkan dan pengalaman responden yang pernah mengikuti latihan keusahawanan sebelum ini.

Secara keseluruhannya, bilangan graduan yang menyatakan tidak bekerja semasa kajian dijalankan adalah seramai 2,935 orang (Jadual 4.1). Sebahagian besar adalah terdiri daripada graduan 2007, iaitu sebanyak 36.4 peratus, diikuti graduan tahun 2008 sebanyak 29.3 peratus dan graduan tahun 2006 sebanyak 17.8 peratus. Manakala graduan dalam kumpulan tahun 1970 hingga 2005 menunjukkan peratus terendah, iaitu 16.5 peratus (Jadual 4.1).

**Jadual 4.1:** Peratus Taburan Graduan Tidak Bekerja Mengikut Tahun Tamat Pengajian

Tahun	Bil.	Peratus
1970 - 2005	473	16.5
2006	511	17.8
2007	1,047	36.4
2008	843	29.3
<b>Jumlah</b>	<b>2,874</b>	<b>100</b>

Apabila diitinjau mengikut IPT dan tahun tamat pengajian (Jadual 4.2), peratus responden yang tidak bekerja kebanyakannya adalah dalam kalangan graduan IPTA. Peratus paling tinggi adalah graduan IPTA kohort 2006 (73.2%), diikuti 63.2 peratus graduan 1970 – 2005 dan 53.5 peratus graduan tahun 2007. Bagi tahun 2008, majoriti graduan tidak bekerja adalah lulusan Politeknik.

**Jadual 4.2:** Peratus Taburan Graduan Tidak Bekerja Mengikut IPT dan Tahun Tamat Pengajian

IPT	1970 - 2005	2006	2007	2008
	n=473	n= 511	n= 1,047	n= 843
IPTA	63.2	73.2	53.5	25.4
IPTS	23.0	14.3	13.7	9.5
Politeknik	9.5	9.6	26.5	53.3
Kolej Komuniti	1.3	2.2	5.5	11.6
Institusi Luar Negara	3.0	0.8	0.9	0.2
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

## 4.1 PROFIL GRADUAN TIDAK BEKERJA

### 4.1.1 Latar Belakang Demografi

Jadual 4.3 menunjukkan latar belakang responden tidak bekerja mengikut gender, etnik, pendapatan keluarga dan umur. Dapat diperhatikan peratus responden perempuan (62.0%) dalam

kalangan yang tidak bekerja melebihi lelaki (38.0%). Hampir 90 peratus responden terdiri daripada graduan Melayu. Kebanyakan (29.3%) responden melaporkan pendapatan bulanan keluarga mereka adalah di antara RM501 hingga RM1000 dan 13.8 peratus dalam kumpulan pendapatan RM500 dan ke bawah. Mengikut umur pula, hampir

50 peratus adalah dalam lingkungan 25 hingga 30 tahun, diikuti yang berumur 19 hingga 24 tahun sebanyak 44.9 peratus dan hanya 1.4 peratus responden berumur 37 tahun dan ke atas.

**Jadual 4.3:** Peratus Taburan Latar belakang Graduan Tidak Bekerja

Latar belakang Responden	Kategori	Peratus
<b>Jantina</b>	Lelaki	38.0
	Perempuan	62.0
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>
<b>Bangsa</b>	Melayu	89.6
	Cina	2.8
	India	1.1
	Lain-lain	6.5
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>
<b>Pendapatan Keluarga</b>	RM500 ke bawah	13.8
	RM501 - RM1000	29.3
	RM1001 - RM1500	19.2
	RM1501 - RM2000	12.8
	RM2001 - RM2500	8.1
	RM2501 - RM3000	8.0
	RM3001 - RM5000	5.8
	RM5001 ke atas	3.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	
<b>Umur</b>	19 - 24	44.7
	25 - 30	49.3
	31 - 36	4.6
	37 ke atas	1.4
	<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Taburan responden tidak bekerja mengikut tahun tamat pengajian menunjukkan bagi kesemua kategori tahun, peratus graduan perempuan melebihi lelaki (Jadual 4.4).

**Jadual 4.4:** Peratus Taburan Graduan Tidak Bekerja Mengikut Jantina dan Tahun Tamat Pengajian

Jantina	1970 - 2005 n = 473	2006 n = 511	2007 n = 1047	2008 n = 843
Lelaki	32.3	36.0	36.6	44.1
Perempuan	67.7	64.0	63.4	55.9
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Taburan mengikut bangsa dan tahun tamat pengajian seperti dalam Jadual 4.5 menunjukkan graduan Melayu mewakili kumpulan paling ramai dengan peratus tertinggi dicatatkan bagi tahun 2008 (92.2%), diikuti 89.4 peratus bagi tahun 1970 – 2005.

**Jadual 4.5:** Peratus Taburan Graduan Tidak Bekerja Mengikut Bangsa dan Tahun Tamat Pengajian

Bangsa	1970 - 2005 n = 473	2006 n = 511	2007 n = 1,047	2008 n = 843
Melayu	89.4	86.3	89.1	92.2
Cina	1.7	5.7	3.0	1.4
India	0.8	0.6	1.1	1.7
Lain-lain	8.0	7.4	6.9	4.7
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

Jadual 4.6 menunjukkan taburan graduan tidak bekerja mengikut negeri bermastautin. Diperhatikan sebahagian besarnya bermastautin di negeri Selangor (15.3%), diikuti Kedah (11.3%) dan Kelantan (10.7%). Manakala bilangan terendah adalah graduan yang bermastautin di Wilayah Persekutuan Labuan (0.1%), diikuti Wilayah Persekutuan Putrajaya (0.5%).

**Jadual 4.6:** Peratus Taburan Graduan Tidak Bekerja Mengikut Negeri Bermastautin

Negeri	Peratus n = 2,866
Johor	9.8
Kedah	11.3
Kelantan	10.7
Melaka	4.2
Negeri Sembilan	4.5
Pahang	6.6
Pulau Pinang	4.5
Perak	10.4
Perlis	1.6
Selangor	15.3
Terengganu	7.4
Sabah	4.8
Sarawak	4.0
WP Kuala Lumpur	4.3
WP Labuan	0.1
WP Putrajaya	0.5
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>

Taburan graduan tidak bekerja mengikut negeri bermastautin dan IPT (Jadual 4.7) menunjukkan kebanyakan graduan IPTA (16.6%) dan IPTS (19.7%) bermastautin di negeri Selangor. Dalam kalangan graduan Politeknik pula, peratus tertinggi bermastautin di negeri Kedah (12.5%), diikuti Kelantan (11.7%) dan Selangor (11.6%), sementara graduan Kolej Komuniti pula tertumpu di negeri Perak (17.9%), Kedah (17.3%) dan Johor (12.7%).

## 4.2 LATAR BELAKANG AKADEMIK RESPONDEN TIDAK BEKERJA

### 4.2.1 Bidang Pengajian Utama

Jadual 4.8 menunjukkan taburan responden tidak bekerja mengikut tahun tamat pengajian. Diperhatikan graduan lulusan Sastera & Sains Sosial merupakan kumpulan yang paling tinggi, melebihi 40

**Jadual 4.7:** Peratus Taburan Negeri Bermastautin Graduan Tidak Bekerja Mengikut IPT

Negeri	IPTA n = 1,447	IPTS n = 401	Politeknik n = 816	Kolej Komuniti n = 173
Johor	8.8	10.2	10.5	12.7
Kedah	10.4	9.2	12.5	17.3
Kelantan	11.5	8.2	11.8	4.0
Melaka	2.9	4.7	5.4	7.5
Negeri Sembilan	3.6	5.2	5.5	5.8
Pahang	6.3	7.2	7.2	5.8
Pulau Pinang	3.9	3.5	5.0	7.5
Perak	10.3	6.7	11.0	17.9
Perlis	1.9	1.5	1.2	1.2
Selangor	16.6	19.7	11.6	11.0
Terengganu	7.5	6.5	8.5	4.6
Sabah	5.5	5.2	4.0	1.7
Sarawak	5.3	3.0	3.1	1.2
WP Kuala Lumpur	4.6	8.2	2.2	1.7
WP Labuan	0.1	-	-	-
WP Putrajaya	0.6	0.7	0.4	-
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Jadual 4.8:** Peratus Taburan Graduan Tidak Bekerja Mengikut Bidang Pengajian Utama dan Tahun Tamat Pengajian

Bidang Pengajian Utama	1970 - 2005 n = 468	2006 n = 489	2007 n = 993	2008 n = 819	Jumlah n = 2,769
Sastera & Sains Sosial	40.2	42.5	45.4	34.4	40.8
Sains	15.8	13.1	10.3	5.7	10.4
Teknikal	22.0	24.3	31.1	46.3	32.8
Teknologi Maklumat & Komunikasi	18.4	17.8	11.9	12.1	14.1
Pendidikan	3.6	2.2	1.3	1.5	1.9
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

peratus bagi setiap tahun tamat pengajian kecuali bagi tahun 2008, iaitu sebanyak 34.4 peratus. Dalam kalangan graduan yang tamat pengajian tahun 2008, graduan daripada bidang Teknikal merupakan kumpulan yang terbesar yang tidak bekerja, iaitu sebanyak 46.3 peratus.

Jadual 4.9 dan Rajah 4.1, menunjukkan taburan responden yang tidak bekerja


mengikut jenis IPT dan bidang pengajian utama. Diperhatikan bagi IPTA, lulusan bidang Sastera & Sains Sosial mencatat peratus tertinggi (55.2%) berbanding bidang lain. Bagi graduan IPTS, lulusan bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi dan bidang Sastera & Sains Sosial mencatat peratus tertinggi, iaitu masing-masing 31.5 peratus dan diikuti bidang Teknikal sebanyak 26.6 peratus.

**Jadual 4.9:** Peratus Taburan Responden Tidak Bekerja Mengikut Bidang Pengajian Utama dan IPT

Bidang Pengajian Utama	IPTA n = 1376	IPTS n = 394	Politeknik n = 801	Kolej Komuniti n = 169	Institusi Luar Negara n = 29
Sastera & Sains Sosial	55.2	31.5	24.6	24.3	27.6
Sains	17.8	4.8	2.0	1.8	13.8
Teknikal	15.5	26.6	62.4	49.7	27.6
Teknologi Maklumat & Komunikasi	10.5	31.5	10.5	21.3	6.9
Pendidikan	1.1	5.6	0.5	3.0	24.1
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Rajah 4.1 :** Peratus Taburan Responden Tidak Bekerja Mengikut Bidang Pengajian Utama dan IPT



Bagi graduan lepasan Politeknik, peratus tertinggi yang tidak bekerja adalah terdiri daripada lulusan bidang Teknikal (62.4%) diikuti lulusan Sastera & Sains Sosial (24.6%). Corak ini sejajar dengan keluaran tahunan graduan Politeknik, iaitu graduan bidang Teknikal merupakan kumpulan terbesar. Keadaan yang serupa juga diperhatikan dalam kalangan graduan Kolej Komuniti, iaitu graduan dalam bidang Teknikal (49.7%) dan diikuti Sastera & Sains Sosial (24.3%) merupakan kumpulan terbesar.

#### 4.2.2 Taburan Mengikut Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik responden tidak bekerja yang dipaparkan dalam Jadual 4.10 menunjukkan kebanyakannya berada dalam selang PNGK 2.50 – 2.99, iaitu 42.2 peratus dan PNGK 3.00 – 3.49, (39.3%). Kumpulan graduan tidak bekerja yang berada dalam kumpulan PNGK 3.50


**Jadual 4.10:** Peratus Taburan Responden Tidak Bekerja Mengikut Pencapaian Akademik

CGPA	Peratus n = 2,707
2.00 - 2.49	10.1
2.50 - 2.99	42.3
3.00 - 3.49	39.3
3.50 - 4.00	8.3
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>

dan ke atas adalah terkecil, iaitu sebanyak 8.3 peratus.

Corak pencapaian akademik bagi graduan IPTA dan IPTS yang tidak bekerja hampir serupa (Rajah 4.2), iaitu majoriti graduan berada dalam selang PNGK 2.50 – 2.99, 49.8 peratus bagi IPTA dan 42.5 peratus bagi IPTS. Sebaliknya bagi Politeknik, peratus tertinggi (50.1%) tidak bekerja berada dalam selang PNGK 3.00 – 3.49.

**Rajah 4.2 :** Peratus Taburan Responden Tidak Bekerja Mengikut Pencapaian Akademik dan IPT



#### 4.2.3 Taburan Responden Tidak Bekerja Mengikut Peringkat Pengajian

Taburan responden tidak bekerja mengikut peringkat pengajian menunjukkan graduan Ijazah Pertama merupakan kumpulan terbesar, iaitu mewakili 40.5 peratus daripada keseluruhan responden yang tidak bekerja (Jadual 4.11). Graduan Diploma merupakan kumpulan kedua terbesar (36.3%) dan seterusnya diikuti oleh pemegang Sijil (21.5%). Mengikut tahun tamat pengajian, kebanyakan yang tidak bekerja bagi kohort 2008 adalah pemegang Diploma (64.4%), manakala graduan Ijazah Pertama merupakan kumpulan tertinggi yang tidak bekerja bagi tahun-tahun selainnya.

**Jadual 4.11:** Peratus Taburan Responden Mengikut Peringkat Pengajian dan Tahun Tamat Pengajian

Peringkat Pengajian	1970 - 2005 n = 473	2006 n = 511	2007 n = 1,047	2008 n = 843
Ph.D.	0.2	-	-	-
Sarjana	2.3	1.2	1.1	0.6
Diploma Lepas Ijazah	0.8	-	-	-
Ijazah Pertama	53.5	52.4	42.5	23.3
Diploma Lanjutan	0.2	-	0.1	0.2
Diploma	33.0	36.2	32.3	43.2
Profesional	0.4	-	0.2	0.1
Sijil	9.5	10.2	23.9	32.6
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Jadual 4.12:** Peratus Taburan Responden Tidak Bekerja Mengikut Peringkat Pengajian dan Bidang Pengajian Utama

Peringkat Pengajian	Sastera & Sains Sosial n = 1,129	Sains n = 287	Teknikal n = 910	Teknologi Maklumat & Komunikasi n = 390	Pendidikan n = 53
Ph.D.	0.1	-	-	-	-
Sarjana	1.2	2.8	0.5	1.0	3.8
Diploma Lulusan Ijazah	0.2	-	0.1	-	1.9
Ijazah Pertama	56.2	69.7	14.6	28.7	28.3
Diploma Lanjutan	0.1	-	0.1	0.5	-
Diploma	32.3	23.3	43.4	43.6	34.0
Profesional	0.2	0.3	-	0.3	1.9
Sijil	9.7	3.8	41.2	25.9	30.2
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

Taburan graduan tidak bekerja mengikut peringkat dan bidang pengajian menunjukkan peratus tertinggi yang tidak bekerja adalah terdiri daripada graduan Ijazah Pertama dalam bidang Sastera & Sains Sosial dan bidang Sains, iaitu masing-masing mencatat sebanyak 56.2 peratus dan 69.7 peratus. Bagi bidang Teknikal, Teknologi Maklumat & Komunikasi dan bidang Pendidikan, lulusan Diploma mencatatkan peratus tertinggi dengan peratus masing-masing sebanyak 43.4 peratus, 43.6 peratus dan 34.0 peratus (Jadual 4.12).

### 4.3 SEBAB TIDAK BEKERJA

Jadual 4.13 menyenaraikan sebab yang diberikan oleh graduan mengapa mereka tidak bekerja. Majoriti responden (58.1%) yang tidak bekerja memaklumkan mereka sedang mencari pekerjaan, 14.3 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan dan 10.3 peratus menyatakan kerana tamat kontrak. Sebab lain yang dinyatakan oleh responden adalah kerana pekerjaan yang ditawarkan tidak sesuai (0.9%), tanggungjawab terhadap keluarga (1.6%), kurang keyakinan diri (0.6%), memilih untuk tidak bekerja (0.2%) dan tidak minat untuk bekerja sebanyak 0.1 peratus.

**Jadual 4.13:** Peratus Taburan bagi Sebab-sebab yang diberi oleh Responden Mengapa Tidak Bekerja

Sebab Utama Tidak Bekerja	Peratus n = 2,854
Memilih untuk tidak bekerja (surirumah)	0.2
Memilih opsyen Skim Berhenti Sukarela (VSS)	0.3
Diberhentikan kerja	1.6
Sedang menunggu panggilan kerja	14.3
Sedang menunggu untuk melanjutkan pengajian	4.2
Sedang mencari pekerjaan	58.1
Pekerjaan yang ditawarkan tidak sesuai	0.9
Pekerjaan yang ditawarkan tidak setaraf dengan kelayakan	0.3
Pekerjaan yang ditawarkan tidak berkaitan dengan bidang pengajian	1.0
Gaji yang ditawarkan tidak setaraf dengan kelayakan	0.6
Tanggungjawab terhadap keluarga	1.6
Tidak berminat untuk bekerja	0.1
Kurang keyakinan diri untuk memasuki dunia pekerjaan	0.6
Tidak mahu berpindah ke tempat lain	0.3
Lain-lain	5.5
Tamat kontrak	10.3
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>


Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

#### 4.4 PROGRAM LATIHAN TAMBAHAN YANG DIPERLUKAN OLEH GRADUAN TIDAK BEKERJA

Dalam kajian ini, responden yang tidak bekerja diminta mengenal pasti tiga program latihan tambahan yang difikirkan perlu bagi membantu mereka meningkat kemahiran diri dan seterusnya memudahkan mendapat pekerjaan. Kursus yang disarankan ialah kemahiran

Interpersonal, Bahasa Inggeris, ICT, keusahawanan, pembangunan kerjaya dan kursus lain yang dikenal pasti oleh responden sendiri. Maklum balas yang diterima menunjukkan kemahiran Bahasa Inggeris menjadi pilihan utama dengan lebih 70 peratus memilih program ini (Rajah 4.3). Ini diikuti program pembangunan kerjaya (61.8%) dan 56.8 peratus bagi Kemahiran Interpersonal.

**Rajah 4.3 :** Peratus Taburan bagi Program Latihan Tambahan yang diperlukan oleh Graduan Tidak Bekerja



Secara umumnya graduan semua IPT memilih kursus Bahasa Inggeris sebagai pilihan utama (Jadual 4.14). Pilihan seterusnya ialah Kemahiran

Interpersonal bagi graduan IPTA, dan bagi graduan IPTS, Politeknik dan Kolej Komuniti pula, pilihannya ialah Program Pembangunan Kerjaya.

**Jadual 4.14:** Peratus Taburan bagi Program Latihan Tambahan yang diperlukan oleh Graduan Tidak Bekerja Mengikut IPT

Program Latihan Tambahan	IPTA	IPTS	Politeknik	Kolej Komuniti
Kemahiran Bahasa Inggeris	68.8	72.1	76.7	65.3
Kemahiran Interpersonal	63.1	49.4	51.5	46.8
Kemahiran ICT	54.4	56.3	58.7	57.8
Latihan Keusahawanan	53.9	52.8	48.3	56.1
Pembangunan Kerjaya	61.9	61.7	60.5	63.0
Lain-lain	3.5	7.4	4.1	4.0



Perbandingan pemilihan latihan tambahan mengikut bangsa (Jadual 4.15) menunjukkan majoriti graduan Melayu (72.3%) memilih program Kemahiran Bahasa Inggeris sebagai program tambahan yang

diperlukan, graduan Cina memilih Kemahiran Interpersonal (75%) dan bagi sebahagian besar graduan keturunan India memilih latihan dalam Pembangunan Kerjaya (81.3%).

**Jadual 4.15:** Peratus Taburan Pilihan Latihan Tambahan Mengikut Bangsa

Program Latihan Tambahan	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Kemahiran Interpersonal	56.3	75.0	59.4	56.9
Kemahiran Bahasa Inggeris	72.3	40.0	37.5	72.3
Kemahiran ICT	55.6	58.8	68.8	59.0
Latihan Keusahawanan	51.8	56.3	46.9	58.0
Pembangunan Kerjaya	61.6	68.8	81.3	56.4

Taburan mengikut peringkat pengajian menunjukkan 73.3 peratus graduan peringkat Diploma dan 67.9 peratus Ijazah Pertama lebih memilih Bahasa Inggeris, manakala bagi lulusan Sarjana pula lebih cenderung memilih Kemahiran Interpersonal (81.8%) (Jadual 4.16). Peratus graduan Ijazah Pertama (61.2%)

dan graduan Diploma (63.2%) yang memilih kursus Pembangunan Kerjaya adalah lebih tinggi daripada graduan Sarjana (51.5%). Bagaimanapun bagi kursus Kemahiran Interpersonal, peratus graduan Sarjana yang memilihnya adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak 81.8 peratus.

**Jadual 4.16:** Peratus Taburan Latihan Tambahan Mengikut Peringkat Pengajian

Program Latihan Tambahan	Sarjana	Ijazah Pertama	Diploma
Kemahiran Interpersonal	81.8	61.7	56.8
Kemahiran Berbahasa Inggeris	63.6	67.9	73.3
Kemahiran ICT	69.7	53.4	54.8
Latihan Keusahawanan	45.5	54.1	51.5
Pembangunan Kerjaya	51.5	63.2	61.2

Apabila ditinjau mengikut bidang pengajian utama (Jadual 4.17), didapati Bahasa Inggeris merupakan pilihan utama bagi graduan dalam semua bidang pengajian dan Latihan Keusahawanan merupakan

pilihan terakhir bagi kebanyakan bidang pengajian. Sekitar 70 peratus memilih kursus Bahasa Inggeris sebagai latihan tambahan yang diperlukan.

**Jadual 4.17:** Peratus Taburan Latihan Tambahan Mengikut Bidang Pengajian Utama


Program Latihan Tambahan	Sastera & Sains Sosial	Sains	Teknikal	Teknologi Maklumat & Komunikasi	Pendidikan
Kemahiran Interpersonal	59.3	62.4	52.4	58.7	35.8
Kemahiran Bahasa Inggeris	72.5	71.8	68.5	71.5	71.7
Kemahiran ICT	52.2	54.4	56.4	65.9	66.0
Latihan Keusahawanan	52.1	53.3	54.0	48.7	50.9
Pembangunan Kerjaya	63.2	58.5	62.4	57.9	56.6

#### 4.5 KEKERAPAN MENGHADIRI TEMU DUGA

Graduan yang tidak bekerja juga ditanya berkaitan kekerapan menghadiri temu duga pekerjaan. Hasil kajian mendapati sebahagian besar (81.9%) menyatakan pernah menghadiri temu duga. Rajah 4.4 memaparkan kekerapan responden tidak bekerja menghadiri temu

duga. Majoriti (70.3%) graduan pernah menghadiri sesi temu duga antara 1 – 5 kali, manakala 29.7 peratus graduan pernah menghadiri sesi temu duga lebih daripada 5 kali. Bagaimanapun terdapat sebanyak 17.6 peratus yang menyatakan tidak pernah menghadiri temu duga.

**Rajah 4.4:** Peratus Kekerapan Menghadiri Temu Duga



Kekerapan hadir temu duga mengikut tahun tamat pengajian mendapati 21.7 peratus graduan 2008 telah menghadiri temu duga lebih daripada lima kali. Manakala bagi graduan tahun 2007, 2006 dan 1970 – 2005 peratus yang pernah menghadiri temu duga

lebih daripada lima kali adalah antara 29 – 42 peratus. Bagaimanapun terdapat juga sekitar 10 – 19 peratus yang pernah hadir temu duga sekali sahaja (Jadual 4.18).

**Jadual 4.18:** Peratus Taburan Kekerapan Temu Duga Mengikut Tahun Tamat Pengajian

Kekerapan	1970 - 2005 n = 410	2006 n = 429	2007 n = 845	2008 n = 654
1 kali	9.8	13.1	15.7	18.5
2 kali	16.3	23.1	22.7	26.1
3 kali	17.1	17.5	18.6	19.7
4 kali	10.2	8.9	8.3	9.8
5 kali	4.6	5.6	5.8	4.1
Lebih daripada 5 kali	42.0	31.9	28.9	21.7
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

Corak kekerapan menghadiri temu duga bagi graduan lelaki dan perempuan adalah hampir sama. Peratus graduan lelaki yang menyatakan pernah menghadiri temu duga lebih daripada lima kali adalah 27.4 peratus dan bagi perempuan ialah 31.0 peratus (Jadual 4.19).

Jadual 4.20 menunjukkan kekerapan menghadiri temu duga mengikut kaum. Diperhatikan 42.9 peratus graduan keturunan Cina menyatakan telah menghadiri temu duga lebih daripada 5 kali berbanding kaum India sebanyak 31 peratus dan kaum Melayu sebanyak 29.2 peratus.

**Jadual 4.19:** Peratus Taburan bagi Kekerapan Menghadiri Temu Duga Graduan Tidak Bekerja Mengikut Jantina

Kekerapan	Lelaki n = 843	Perempuan n = 1495
1 kali	16.3	14.2
2 kali	25.1	21.2
3 kali	18.9	18.2
4 kali	8.3	9.6
5 kali	4.0	5.7
Lebih daripada 5 kali	27.4	31.0
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Jadual 4.20:** Peratus Taburan bagi Kekerapan Menghadiri Temu Duga Graduan Tidak Bekerja Mengikut Bangsa

Kekerapan	Melayu n = 2,090	Cina n = 63	India n = 29	Lain-lain n = 156
1 kali	15.3	19.0	17.2	9.0
2 kali	22.3	15.9	24.1	28.8
3 kali	18.0	11.1	13.8	15.4
4 kali	9.2	6.3	13.8	9.0
5 kali	5.1	4.8	-	6.4
Lebih daripada 5 kali	29.2	42.9	31.0	31.4
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

Mengikut bidang pengajian (Jadual 4.21), graduan semua bidang kecuali Pendidikan menyatakan telah menghadiri temu duga lebih daripada 5 kali. Graduan

Teknologi Maklumat & Komunikasi (32.9%) adalah kumpulan tertinggi yang telah menghadiri temu duga lebih daripada lima kali.

**Jadual 4.21:** Peratus Taburan Kekerapan Menghadiri Temu Duga Graduan Tidak Bekerja Mengikut Bidang

Kekerapan	Sastera & Sains Sosial n = 955	Sains n = 237	Teknikal n = 688	Teknologi Maklumat & Komunikasi n = 325	Pendidikan n = 44
1 kali	11.8	14.3	19.0	16.9	29.5
2 kali	21.9	22.4	25.7	19.1	18.2
3 kali	19.1	17.7	18.3	15.7	29.5
4 kali	9.6	9.7	7.8	10.8	4.5
5 kali	6.1	7.2	3.6	4.6	2.3
Lebih daripada 5 kali	31.5	28.7	25.4	32.9	15.9

#### 4.6 GAJI YANG DIHARAPKAN OLEH GRADUAN TIDAK BEKERJA

Bagi bahagian ini, analisis dilakukan terhadap graduan mengikut peringkat peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Pertama sahaja.

##### 4.6.1 Gaji yang Diharapkan Oleh Graduan Peringkat Sijil

Dalam kalangan graduan lepasan Sijil, kebanyakannya (56.3%) mengharapkan gaji dalam selang RM1001 – RM1500

diikuti RM501 – RM1000 (20.5%) dan RM1501 – RM2000 (17.5%). Peratus yang mengharapkan gaji lebih daripada RM2000 adalah kecil. Lebih 20 peratus responden tidak bekerja mengharapkan gaji lebih daripada RM1500. Peratus yang mengharapkan gaji yang lebih daripada RM1500 adalah lebih tinggi dalam kalangan graduan lelaki (29.4%) berbanding perempuan iaitu sebanyak 16.4 peratus (Jadual 4.22).

**Jadual 4.22:** Peratus Taburan Gaji yang diharapkan oleh Graduan Sijil Mengikut Jantina

Gaji diharapkan	Lelaki n = 323	Perempuan n = 293	Jumlah n = 616
RM501 - RM1000	14.9	26.6	20.5
RM1001 - RM1500	55.7	57.0	56.3
RM1501 - RM2000	22.3	12.3	17.5
RM2001 - RM2500	5.3	2.7	4.1
RM2501 - RM3000	1.5	0.7	1.1
RM3001 - RM5000	0.3	0.7	0.5
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Gaji yang diharapkan mengikut pencapaian akademik (Jadual 4.23) bagi lulusan peringkat Sijil menunjukkan graduan yang mempunyai pencapaian

akademik yang baik mempunyai kecenderungan untuk mengharap gaji yang lebih tinggi.

**Jadual 4.23:** Peratus Taburan Gaji yang diharapkan oleh Graduan Sijil Mengikut Pencapaian Akademik

Gaji diharapkan	2.00 - 2.49 n = 20	2.50 - 2.99 n = 185	3.00 - 3.49 n = 267	3.50 - 4.00 n = 78	Jumlah n = 550
RM501 - RM1000	25.0	20	19.5	19.2	19.8
RM1001 - RM1500	65.0	57.8	58.1	51.3	57.3
RM1501 - RM2000	10.0	20.0	16.5	21.8	18.2
RM2001 - RM2500	-	1.6	4.5	5.1	3.5
RM2501 - RM3000	-	0.5	1.1	1.3	0.9
RM3001 - RM5000	-	-	0.4	1.3	0.4
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

#### 4.6.2 Gaji yang Diharapkan Oleh Graduan Peringkat Diploma

Gaji yang diharapkan dalam kalangan graduan Diploma mengikut jantina (Jadual 4.24) menunjukkan majoriti graduan lelaki

dan juga perempuan mengharap gaji dalam selang RM1001 – RM1500. Data dalam Jadual 4.25 menunjukkan bagi graduan Diploma, pencapaian akademik tidak begitu mempengaruhi gaji yang diharapkan.

**Jadual 4.24:** Peratus Taburan Gaji yang diharapkan oleh Graduan Diploma Mengikut Jantina

Gaji diharapkan	Lelaki n = 441	Perempuan n = 595	Jumlah n = 1,036
RM501 - RM1000	4.1	9.1	6.9
RM1001 - RM1500	39.5	49.7	44.3
RM1501 - RM2000	34.7	30.4	32.2
RM2001 - RM2500	13.8	8.9	11.0
RM2501 - RM3000	5.9	2.7	4.0
RM3001 - RM5000	1.8	0.8	1.3
RM5001 ke atas	0.2	0.2	0.2
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Jadual 4.25:** Peratus Taburan Gaji yang diharapkan oleh Graduan Diploma Mengikut Pencapaian Akademik

Gaji diharapkan	2.00 - 2.49 n = 106	2.50 - 2.99 n = 374	3.00 - 3.49 n = 406	3.50 - 4.00 n = 107	Jumlah n = 993
RM501 - RM1000	7.5	9.4	5.4	5.6	7.2
RM1001 - RM1500	47.2	44.1	44.3	43.0	44.4
RM1501 - RM2000	30.2	29.9	33.3	35.5	31.9
RM2001 - RM2500	8.5	12.0	11.3	10.3	11.2
RM2501 - RM3000	5.7	3.5	4.2	4.7	4.1
RM3001 - RM5000	0.9	0.8	1.2	0.9	1.0
RM5001 ke atas	-	0.3	0.2	-	0.2
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

#### 4.6.3 Gaji yang Diharapkan Oleh Graduan Peringkat Ijazah Pertama

Dalam kalangan graduan Ijazah Pertama pula, taburan gaji yang diharapkan mengikut jantina menunjukkan majoriti graduan lelaki atau perempuan mengharapkan gaji dalam selang RM 1501-RM2000 (Jadual 4.26). Peratus

graduan lelaki yang mengharapkan gaji yang melebihi RM2000 adalah lebih tinggi sedikit berbanding perempuan. Seperti graduan peringkat Sijil, graduan yang Ijazah Pertama mendapat pencapaian akademik yang lebih tinggi mempunyai kecenderungan mengharapkan gaji yang lebih tinggi juga (Jadual 4.27).

**Jadual 4.26:** Peratus Taburan Gaji yang diharapkan oleh Graduan Ijazah Pertama Mengikut Jantina

Gaji diharapkan	Lelaki n = 306	Perempuan n = 849	Jumlah n = 1,155
RM501 - RM1000	1.0	2.6	2.2
RM1001 - RM1500	13.1	20.8	18.8
RM1501 - RM2000	39.9	47.9	45.8
RM2001 - RM2500	29.1	22.0	23.9
RM2501 - RM3000	11.4	5.3	6.9
RM3001 - RM5000	3.9	1.1	1.8
RM5001 ke atas	1.6	0.2	0.6
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Jadual 4.27:** Peratus Taburan Gaji yang diharapkan oleh Graduan Ijazah Pertama Mengikut Pencapaian Akademik

Gaji diharapkan	2.00 - 2.49 n = 146	2.50 - 2.99 n = 562	3.00 - 3.49 n = 364	3.50 - 4.00 n = 30	Jumlah n = 1102
RM501 - RM1000	3.4	2.3	1.9	-	2.3
RM1001 - RM1500	15.8	21.0	18.0	3.3	18.9
RM1501 - RM2000	44.5	46.3	47.8	22.3	45.9
RM2001 - RM2500	27.4	23.0	22.8	36.7	23.9
RM2501 - RM3000	6.2	6.4	6.6	23.3	6.9
RM3001 - RM5000	2.1	0.9	2.2	10.0	1.7
RM5001 ke atas	0.7	0.2	0.5	3.3	0.5
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.



**BAB 5**

*Graduan Melanjutkan  
Pengkajian*

TINGGI MALAYSIA



## 5.0 PENDAHULUAN

Bab ini memaparkan beberapa analisis berkaitan responden yang sedang melanjutkan pengajian. Antara perkara yang dibincangkan ialah latar belakang demografi dan akademik responden, bidang pengajian yang diikuti, penaja pengajian, sebab utama melanjutkan pengajian dan juga institusi melanjutkan pengajian. Daripada 13,810 responden kajian, 2,777 orang atau 20.1 peratus menyatakan mereka sedang melanjutkan pengajian (dengan 2 responden tidak memaklumkan). Bagaimanapun terdapat beberapa responden yang tidak menjawab semua soalan yang ditanya. Dengan itu jumlah responden bagi setiap jadual mungkin tidak sama.

## 5.1 PROFIL GRADUAN MELANJUTKAN PENGAJIAN

### 5.1.1 Latar Belakang Demografi

Jadual 5.1 menunjukkan profil demografi graduan yang melanjutkan pengajian. Di dapati peratus graduan yang melanjutkan pengajian adalah lebih tinggi bagi graduan perempuan, iaitu 52.5 peratus berbanding 47.5 peratus graduan lelaki. Peratus mengikut bangsa menunjukkan 84 peratus responden adalah terdiri daripada bangsa Melayu, 9.8 peratus berbangsa Cina dan 2.8 berbangsa India. Taburan mengikut pendapatan bulanan keluarga menunjukkan sebanyak 22.4 peratus adalah graduan yang mempunyai pendapatan keluarga dalam selang RM501 – RM1000, diikuti 17.0 peratus dalam selang RM1001 – RM1500 dan seterusnya sebanyak 13 peratus dalam selang pendapatan RM1501 – RM2000. Hanya 7.3 peratus terdiri daripada graduan yang berpendapatan keluarga RM5001 dan ke atas. Majoriti graduan yang melanjutkan pengajian adalah berstatus bujang (90.2%) dan hanya 9.6 peratus telah berkahwin.

Jadual 5.2 memberi taburan mengikut tahun tamat pengajian dan jantina. Majoriti adalah terdiri daripada graduan 2007, diikuti graduan 2006 dan 2008. Manakala hanya sekitar 6 peratus terdiri daripada graduan 1970 – 2005. Peratus lelaki yang melanjutkan pengajian adalah lebih tinggi sedikit dalam kalangan yang tamat pengajian pada tahun 2005 dan sebelumnya. Tetapi bagi kumpulan yang tamat pengajian pada tahun 2006 – 2008, peratus graduan perempuan melebihi sedikit daripada lelaki.

**Jadual 5.1:** Peratus Taburan Latar belakang Demografi Responden yang Melanjut Pengajian

Latar belakang Responden	Bil.	%
Lelaki	1,318	47.5
Perempuan	1,459	52.5
<b>Jumlah (%)</b>	<b>2,777</b>	<b>100</b>
Melayu	2,334	84.0
Cina	271	9.8
India	78	2.8
Lain-lain	94	3.4
<b>Jumlah (%)</b>	<b>2,777</b>	<b>100</b>
RM500 ke bawah	277	10.0
RM501 - RM1000	622	22.4
RM1001 - RM1500	472	17.0
RM1501 - RM2000	362	13.0
RM2001 - RM2500	284	10.2
RM2501 - RM3000	263	9.5
RM3001 - RM5000	295	10.6
RM5001 ke atas	202	7.3
<b>Jumlah (%)</b>	<b>2,777</b>	<b>100</b>
Bujang	2,506	90.2
Berkahwin	266	9.6
Bercerai/berpisah/balu/duda	5	0.2
<b>Jumlah (%)</b>	<b>2,777</b>	<b>100</b>

**Jadual 5.2:** Peratus Taburan Graduan Melanjutkan Pengajian Mengikut Jantina dan Tahun Tamat Pengajian

Jantina	1970 - 2004 n = 104	2005 n = 59	2006 n = 690	2007 n = 1,315	2008 n = 609	Jumlah n = 2,777
Lelaki	51.9	50.8	48.6	45.6	49.1	47.5
Perempuan	48.1	49.2	51.4	54.4	50.9	52.5
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

### 5.1.2 Taburan Responden Mengikut Peringkat Pengajian Sebelumnya

Jadual 5.3 menunjukkan graduan yang melanjutkan pengajian mengikut peringkat pengajian. Diperhatikan kebanyakannya adalah terdiri daripada lulusan Diploma (45.1%) dan diikuti dengan

graduan lulusan Ijazah Pertama (31.1%) dan Sijil (20.9%). Peratus graduan lelaki adalah tinggi sedikit daripada perempuan dalam kalangan graduan Diploma dan bagi Ijazah Pertama pula, peratus graduan perempuan mengatasi sedikit daripada lelaki.

**Jadual 5.3:** Peratus Taburan Responden Melanjut Pengajian Mengikut Peringkat Pengajian

Peringkat Pengajian	Lelaki n = 1,318	Perempuan n = 1,459	Jumlah n = 2,777
Ph.D.	0.2	0.1	0.1
Sarjana	2.3	2.7	2.5
Diploma Lulusan Ijazah	0.2	0.1	0.1
Ijazah Pertama	25.5	36.2	31.1
Diploma Lanjutan	0.2	-	0.1
Diploma	46.8	43.5	45.1
Profesional	0.1	0.1	0.1
Sijil	24.8	17.3	20.9
<b>* Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 5.1.3 Taburan Responden Mengikut Bangsa dan Tahun Tamat Pengajian

Jadual 5.4 mempamerkan taburan responden mengikut bangsa dan tahun tamat pengajian. Bagi setiap kumpulan

tahun tamat pengajian, majoriti adalah graduan keturunan Melayu, diikuti dengan graduan keturunan Cina, India, dan bangsa lain.

**Jadual 5.4:** Peratus Taburan Responden Mengikut Bangsa dan Tahun Tamat Pengajian

Bangsa	1970 - 2004 n = 104	2005 n = 59	2006 n = 690	2007 n = 1,315	2008 n = 609	Jumlah n = 2,777
Melayu	83.7	86.4	76.7	85.6	88.8	84.0
Cina	8.7	5.1	16.7	8.7	4.9	9.8
India	5.8	1.7	2.6	2.6	3.1	2.8
Lain-lain	1.9	6.8	4.1	3.1	3.1	3.4
<b>* Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

## 5.2 LATAR BELAKANG AKADEMIK RESPONDEN

### 5.2.1 Taburan Responden Mengikut Bidang Pengajian Utama

Majoriti yang melanjutkan pengajian adalah terdiri daripada graduan dalam bidang pengajian Teknikal, iaitu sebanyak 41.5 peratus diikuti bidang pengajian Sastera & Sains Sosial (30.2%), Sains (13.8%), Teknologi Maklumat & Komunikasi (12.2%) dan Pendidikan sebanyak 2.2 peratus (Jadual 5.5).

Taburan responden mengikut bidang pengajian dan IPT menunjukkan bagi graduan IPTA, IPTS dan IPT lulusan luar negara, peratus tertinggi yang melanjutkan pengajian adalah graduan dalam bidang Sastera & Sains Sosial.

**Jadual 5.5:** Peratus Taburan Responden yang Melanjutkan Pengajian Mengikut Bidang Pengajian Utama

Bidang Pengajian Utama	Peratus n = 2,715
Sastera & Sains Sosial	30.2
Sains	13.8
Teknikal	41.5
Teknologi Maklumat & Komunikasi	12.2
Pendidikan	2.2
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

Bagi graduan lulusan Politeknik dan Kolej Komuniti pula, bidang Teknikal mencatatkan peratus tertinggi, iaitu masing-masing 66.5 peratus dan 47.7 peratus (Jadual 5.6).

**Jadual 5.6:** Peratus Taburan Responden Mengikut Bidang Pengajian dan Jenis IPT

Bidang Pengajian Utama	IPTA n = 1,309	IPTS n = 272	Politeknik n = 948	Kolej Komuniti n = 172	Institusi Luar Negara n = 13	Jumlah n = 2,715
Sastera & Sains Sosial	33.8	37.5	25.3	16.9	46.2	30.2
Sains	26.8	5.1	0.8	0.6	7.7	13.8
Teknikal	25.4	29.4	66.5	47.7	30.8	41.5
Teknologi Maklumat & Komunikasi	10.5	25.4	7.3	33.1	-	12.2
Pendidikan	3.6	2.6	0.1	1.7	15.4	2.2
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 5.2.2 Taburan Responden Mengikut Pencapaian Akademik (PNGK)

Taburan graduan yang melanjutkan pengajian mengikut pencapaian akademik dipaparkan dalam Jadual 5.7. Dapat dilihat secara keseluruhan, peratus tertinggi (46.1%) yang melanjutkan pengajian adalah terdiri daripada graduan yang mempunyai selang PNGK 3.00 – 3.49 dan terendah (3.7%) adalah graduan yang mempunyai selang PNGK 2.00 –

2.49. Bagi graduan yang tamat pengajian dalam tahun 1970 – 2004 dan tahun 2005, kebanyakan yang melanjutkan pengajian adalah graduan dalam selang PNGK 2.50 – 2.99, tetapi bagi graduan 2006 – 2008, majoriti berada dalam selang PNGK 3.00 – 3.49. Diperhatikan juga peratus graduan dalam selang PNGK 3.50 – 4.00 yang melanjutkan pengajian adalah antara 11 ke 30 peratus, dan peratusnya meningkat bagi tahun-tahun kebelakangan ini.

**Jadual 5.7:** Peratus Taburan Responden Melanjut Pengajian Mengikut PNGK dan Tahun Tamat Pengajian

PNGK	1970-2004 n = 80	2005 n = 52	2006 n = 678	2007 n = 1,301	2008 n = 602	Jumlah n = 2,713
2.00-2.49	11.3	23.1	5.8	2.7	1.0	3.7
2.50-2.99	42.5	32.7	30.5	27.8	16.6	26.5
3.00-3.49	35.0	28.8	42.9	46.2	52.5	46.1
3.50-4.00	11.3	15.4	20.8	23.3	29.9	23.6
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 5.3 MAKLUMAT BERKAITAN PENGAJIAN YANG SEDANG DIIKUTI

Bahagian ini memaparkan beberapa maklumat lain berkaitan graduan yang melanjutkan pengajian, antaranya ialah perkaitan antara program pengajian yang sedang diikuti dengan yang sebelumnya, mod pengajian, IPT dan peringkat pengajian yang diikuti.

#### 5.3.1 Perkaitan di antara Program Pengajian yang sedang Diikuti dengan Sebelumnya

Daripada keseluruhan graduan yang melanjutkan pengajian, 78.9 peratus menyatakan program pengajian yang sedang diikuti berkaitan dengan pengajian sebelum ini (Jadual 5.8).

**Jadual 5.8:** Peratus Taburan Perkaitan Antara Program Pengajian Semasa dengan Sebelumnya

Perkaitan Program Pengajian Semasa dengan Sebelumnya?	Peratus *n = 2777
Ya	78.9
Tidak	21.1
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>

\*Nota : Seorang responden tidak memaklumkan

#### 5.3.2 Mod Pengajian

Jadual 5.9 menunjukkan mod pengajian yang sedang diikuti. Dapat dilihat

sebanyak 78.3 peratus menyambung pengajian secara sepenuh masa, 12.8 peratus secara separuh masa dan 4.3 peratus secara jarak jauh. Selebihnya mengikut mod pengajian yang lain.

**Jadual 5.9:** Peratus Taburan Mod Pengajian bagi yang Melanjut Pengajian

Mod Pengajian	Peratus n = 2,777
Sepenuh Masa	78.3
Pengajian Jarak Jauh	4.3
Separuh masa	12.8
Pembelajaran secara MAYA (online)	0.6
Fleksibel	1.3
Lain-lain	2.6
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

Jadual 5.10 menunjukkan mod pengajian yang sedang diikuti mengikut tahun tamat pengajian. Didapati bagi graduan yang tamat pengajian pada tahun 2005 – 2008, kebanyakannya mengikut mod pengajian secara sepenuh masa. Bagaimanapun bagi graduan yang lebih lama tamat pengajian (1970 – 2004), peratus yang mengikuti pengajian secara separuh masa melebihi daripada yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa.

**Jadual 5.10:** Peratus Taburan Mod Pengajian Semasa Mengikut Tahun Tamat Pengajian

Mod Pengajian	1970 - 2004 n = 104	2005 n = 59	2006 n = 690	2007 n = 1,315	2008 n = 609	Jumlah n = 2,777
Sepenuh masa	32.7	67.8	68.7	83.4	87.0	78.3
Pengajian Jarak Jauh	14.4	13.6	4.3	3.7	3.1	4.3
Separuh masa	41.3	11.9	20.3	9.0	7.6	12.8
Pembelajaran secara MAYA (online)	3.8	-	0.4	0.5	0.7	0.6
Fleksibel	7.7	3.4	2.6	0.6	0.2	1.3
Lain-lain	-	3.4	3.6	2.7	1.5	2.6
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 5.3.3 Sebab Utama Graduan Melanjutkan Pengajian

Jadual 5.11 menunjukkan sebab utama mengapa graduan memilih untuk melanjutkan pengajian. Sebanyak 34.2 peratus daripada responden menyatakan bagi tujuan meningkatkan tahap kelayakan akademik, diikuti dengan 28.9 peratus

memberikan sebab untuk mendapatkan prospek kerjaya yang lebih baik. Antara sebab sebab lain yang diberikan adalah kerana minat untuk menambah ilmu pengetahuan (19.0%), meningkatkan peluang mendapat pekerjaan (11.1%), sukar mendapat kerja (3.2%), dorongan keluarga (1.5%) dan belum bersedia memasuki dunia pekerjaan (0.9%).

**Jadual 5.11:** Peratus Taburan Sebab Utama Graduan Melanjutkan Pengajian

Sebab Utama	Peratus *n = 2,777
Minat untuk menambah ilmu pengetahuan	19.0
Meningkatkan tahap kelayakan akademik	34.2
Dorongan keluarga	1.5
Prospek kerjaya yang lebih baik	28.9
Meningkatkan peluang mendapat pekerjaan	11.1
Sukar mendapat kerja	3.2
Belum bersedia memasuki dunia pekerjaan	0.9
Lain-lain	1.1
<b>**Jumlah (%)</b>	<b>100</b>

Nota: \* Seorang responden tidak memaklumkan

\*\* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**BAB 6**

*Penglibatan dalam  
Aktiviti Ko-kurikulum*

TINGGI MALAYSIA

## 6.0 PENDAHULUAN

Aktiviti Ko-Kurikulum (Ko-K) merupakan satu aspek penting dalam proses pembelajaran di sekolah mahupun di IPT. Oleh itu kebanyakan IPT mempunyai pelbagai kemudahan dan prasarana untuk pelajar bergiat aktif untuk pembangunan diri melalui aktiviti Ko-K seperti Sukan, Persatuan dan Kelab. Walaupun begitu masih ramai beranggapan tahap penglibatan pelajar IPT dalam aktiviti Ko-K masih rendah. Justeru itu pelbagai mata pelajaran Ko-K telah diperkenalkan di IPT dan ada yang dijadikannya sebagai mata pelajaran wajib, iaitu setiap pelajar perlu mengambil sekurang kurangnya 6 kredit bagi memenuhi keperluan mendapatkan ijazah.

Satu daripada tujuan kajian ini ialah untuk melihat profil graduan yang terlibat dalam aktiviti Ko-K semasa di IPT. Analisis yang dijalankan ialah berdasarkan respons yang diberi oleh graduan. Di samping melihat profil graduan yang terlibat, analisis juga dibuat bagi meninjau persepsi dan penilaian graduan terhadap program dan aktiviti Ko-K yang mereka telah lalui. Seterusnya bab ini juga cuba melihat keberkesanan aktiviti Ko-K serta hubungkaitnya dengan pekerjaan

graduan seperti sektor pekerjaan, taraf pekerjaan dan pendapatan bulanan.

## 6.1 PENGLIBATAN GRADUAN DALAM AKTIVITI KO-KURIKULUM SEMASA DI IPT

Aktiviti Ko-K di IPT boleh dibahagi kepada tiga kategori, iaitu aktiviti dalam persatuan, kelab dan sukan. Di dalam kajian ini responden dipohon untuk menyatakan tahap keaktifan mereka dalam aktiviti ini semasa di IPT. Jadual 6.1 memaparkan taburan tahap penglibatan responden dalam aktiviti persatuan, kelab dan sukan. Bagi aktiviti persatuan dan kelab terdapat sekitar 34 – 37 peratus yang menyatakan mereka aktif atau sangat aktif dan 24 – 27 peratus yang menyatakan tidak aktif atau sangat tidak aktif. Bagaimanapun bagi sukan peratus yang menyatakan aktif dan sangat aktif adalah rendah sedikit, iaitu 27 peratus dan sebaliknya peratus yang tidak aktif dan sangat tidak aktif adalah lebih tinggi, iaitu 39 peratus. Di samping itu umumnya terdapat sekitar 33 – 39 peratus yang berada pada tahap keaktifan sederhana dalam semua aktiviti Ko-K.

Jadual 6.1: Peratus Taburan Tahap Keaktifan Graduan dalam Aktiviti Ko-K

Tahap Penglibatan	Persatuan * n=13,806	Kelab * n=13,806	Sukan * n=13,806
Sangat tidak aktif	8.6	10.0	16.2
Tidak aktif	15.8	17.4	23.1
Sederhana	38.5	38.7	33.8
Aktif	23.6	23.1	17.1
Sangat aktif	13.5	10.8	9.9
<b>** Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* 4 responden tidak memaklumkan


\*\* Dibundarkan kepada 100 peratus.

### 6.1.1 Profil Graduan yang Terlibat dalam Ko-Kurikulum

Rajah 6.1 memaparkan tahap keaktifan graduan yang terlibat dalam aktiviti Ko-K mengikut jantina. Seperti yang dilihat tahap keaktifan graduan lelaki melebihi sedikit sahaja daripada perempuan bagi aktiviti

persatuan dan kelab. Bagaimanapun bagi aktiviti sukan, peratus graduan lelaki yang menyatakan sangat aktif dan aktif adalah jauh lebih tinggi berbanding graduan perempuan. Sebaliknya peratus graduan perempuan yang tidak aktif dan sangat tidak aktif dalam aktiviti sukan adalah jauh lebih tinggi daripada graduan lelaki.


**Rajah 6.1 :** Peratus Taburan Penglibatan dalam Aktiviti Ko-Kurikulum Mengikut Jantina



Analisis yang ditunjukkan dalam Rajah 6.2a – Rajah 6.2c bertujuan untuk melihat pengaruh bidang pengajian yang diikuti terhadap tahap penglibatan dalam aktiviti Ko-K. Diperhatikan bagi aktiviti persatuan, peratus graduan bidang Pendidikan dan bidang Sastera & Sains Sosial yang berada dalam kategori aktif dan sangat aktif adalah lebih tinggi daripada bidang bidang lain.


Begitu juga diperhatikan bagi aktiviti kelab (Rajah 6.2b), graduan dalam bidang Sastera & Sains Sosial dan bidang Pendidikan menunjukkan tahap keaktifan yang lebih tinggi sedikit. Bagaimanapun bagi aktiviti sukan (Rajah 6.2c) pula, graduan dalam bidang Teknikal dan diikuti dengan bidang Pendidikan menunjukkan peratus keaktifan yang lebih tinggi daripada bidang bidang lain.

**Rajah 6.2a :** Peratus Taburan Penglibatan dalam Persatuan Mengikut Bidang Pengajian Utama






**Rajah 6.2b :** Peratus Taburan Penglibatan dalam Kelab Mengikut Bidang Pengajian Utama



**Rajah 6.2c :** Peratus Taburan Penglibatan dalam Sukan Mengikut Bidang Pengajian Utama




Satu lagi perkara yang sering dibahaskan ialah penglibatan pelajar yang terlalu aktif dalam aktiviti Ko-K boleh menjejaskan prestasi akademik mereka. Rajah 6.3a – Rajah 6.3c menunjukkan corak tahap penglibatan

graduan dalam aktiviti Ko-Kurikulum mengikut pencapaian akademik mereka. Secara umumnya, bagi aktiviti persatuan dan kelab, corak penglibatan bagi graduan mendapat pencapaian akademik (PNGK) dalam selang 3.5 – 4.00 tidak


menunjukkan perbezaan yang ketara berbanding selang PNGK yang lain. Sebaliknya peratus penglibatan bagi graduan dalam selang PNGK 2.00 – 2.49 yang terlibat secara aktif dan sangat aktif didapati lebih rendah bagi kedua dua

aktiviti ini. Bagaimanapun bagi aktiviti sukan, peratus yang sangat aktif dan aktif adalah rendah sedikit bagi graduan yang mendapat PNGK 3.50 – 4.00 berbanding graduan yang mendapat PNGK kurang daripada 3.00.


**Rajah 6.3a :** Peratus Taburan Penglibatan dalam Persatuan Mengikut PNGK



**Rajah 6.3b :** Peratus Taburan Penglibatan dalam Kelab Mengikut PNGK




**Rajah 6.3c :** Peratus Taburan Penglibatan dalam Sukan Mengikut PNGK




Rajah 6.4a – 6.4c menunjukkan perbandingan tahap penglibatan dalam aktiviti Ko-K mengikut jenis IPT. Data menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara satu jenis IPT dengan yang lain dalam kadar penyertaan graduan dalam aktiviti persatuan. Bagaimanapun, terdapat peratus graduan Politeknik

dalam kategori sangat aktif dan aktif (35.2%) bagi aktiviti ini adalah agak rendah sedikit berbanding graduan IPT lain. Bagi aktiviti kelab pula, peratus graduan Politeknik dan Kolej Komuniti yang berada dalam kategori sangat aktif dan aktif (37%) adalah lebih tinggi sedikit berbanding graduan IPTA dan IPTS.


**Rajah 6.4a:** Peratus Taburan Penglibatan Graduan dalam Aktiviti Persatuan Mengikut IPT



**Rajah 6.4b:** Peratus Taburan Penglibatan dalam Kelab Mengikut IPT



**Rajah 6.4c:** Peratus Taburan Penglibatan dalam Sukan Mengikut IPT



Kadar peratus penyertaan graduan Politeknik secara aktif dalam aktiviti sukan adalah jauh lebih tinggi berbanding graduan IPTA, IPTS dan Kolej Komuniti, iaitu 40.9 peratus bagi graduan Politeknik, 30.7 peratus bagi Kolej Komuniti, 23.7 peratus bagi IPTA dan 29.1 peratus bagi graduan IPTS.

### 6.1.2 Status Pekerjaan Graduan dan Aktiviti Ko-Kurikulum

Analisis seterusnya untuk melihat sama ada penglibatan dalam aktiviti Ko-Kurikulum di IPT membantu graduan dalam dunia pekerjaan secara umum. Bagi tujuan ini tahap penglibatan graduan semasa di IPT dipadankan dengan status

pekerjaan mengikut aktiviti persatuan, kelab dan sukan. Data dalam Jadual 6.2 menunjukkan peratus graduan yang bekerja umumnya tinggi sedikit bagi graduan yang aktif dan sangat aktif dalam aktiviti Ko-Kurikulum berbanding

graduan yang sederhana aktif dan tidak aktif. Bagaimanapun perbezaannya tidak begitu ketara. Peratus graduan tidak bekerja yang aktif ialah sekitar 19 peratus, sementara bagi yang tidak aktif pula penglibatannya adalah sekitar 22 peratus.

**Jadual 6.2:** Peratus Taburan Status Pekerjaan dan Penglibatan dalam Ko-Kurikulum

Aktiviti Ko-K	Status Pekerjaan	Sangat Tidak Aktif & Tidak Aktif	Sangat Aktif & Aktif	Sederhana
Persatuan	Bekerja dll	77.5	80.6	78.9
	Tidak bekerja	22.5	19.4	21.1
	<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
Kelab	Bekerja dll	77.6	80.8	78.9
	Tidak bekerja	22.4	19.2	21.1
	<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>
Sukan	Bekerja dll	77.7	80.7	79.7
	Tidak bekerja	22.3	19.3	20.3
	<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

### 6.1.3 Pendapatan Bulanan Mengikut Keaktifan dalam Aktiviti Ko-Kurikulum

Jadual 6.3a – Jadual 6.3c menunjukkan taburan pendapatan bulanan graduan bekerja mengikut tahap penglibatan dalam aktiviti persatuan, kelab dan sukan. Data ini tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dalam pendapatan bulanan antara graduan yang tidak aktif dan aktif semasa di IPT. Malahan terdapat dalam kalangan yang tidak aktif, pendapatan bulanan mereka lebih tinggi berbanding mereka yang aktif. Misalnya, bagi selang gaji melebihi RM3000, 14.5 peratus yang tidak aktif tergolong dalam kumpulan ini berbanding mereka yang aktif dan sangat aktif (9.2%) seperti yang dapat dilihat dalam

Jadual 6.3a. Corak yang sama dapat dilihat bagi penglibatan dalam aktiviti kelab dan sukan (Jadual 6.3b – Jadual 6.3c).

Seperti mana yang kita ketahui terdapat pelbagai faktor lain yang boleh mempengaruhi pendapatan graduan selain daripada penglibatan dalam aktiviti Ko-K. Bagi melihat pengaruh Ko-K terhadap pendapatan bulanan graduan mungkin memerlukan data yang lebih banyak dan pemerhatian yang lebih mendalam. Analisis pendapatan bulanan graduan dalam bahagian ini hanya memberikan gambaran umum tanpa mengambil kira faktor lain seperti bidang pengajian dan tempoh graduan berada dalam pasaran pekerjaan.

**Jadual 6.3a:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan dan Penglibatan dalam Ko-Kurikulum (Persatuan)

Pendapatan Bulanan	Sangat Tidak Aktif & Tidak Aktif	Sangat Aktif & Aktif	Sederhana
RM500 ke bawah	2.6	2.2	2.7
RM501 - RM1000	15.2	16.1	16.5
RM1001 - RM1500	20.6	24.5	26.1
RM1501 - RM2000	15.9	17.5	19.6
RM2001 - RM2500	18.2	17.3	15.8
RM2501 - RM3000	13.1	13.1	9.5
RM3001 - RM5000	11.7	8.1	8.3
RM5001 – ke atas	2.8	1.1	1.4
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota: \* Dibundarkan kepada 100 peratus.

**Jadual 6.3b:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan dan Penglibatan dalam Ko-Kurikulum (Kelab)

Pendapatan Bulanan	Sangat Tidak Aktif & Tidak Aktif	Sangat Aktif & Aktif	Sederhana
RM500 ke bawah	2.3	2.4	2.8
RM501 - RM1000	15.6	16.5	15.9
RM1001 - RM1500	20.9	24.9	25.9
RM1501 - RM2000	16.6	17.5	19.3
RM2001 - RM2500	17.9	16.8	16.3
RM2501 - RM3000	12.9	12.7	9.9
RM3001 - RM5000	10.9	8.0	8.8
RM5001 – ke atas	2.9	1.1	1.3
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**Jadual 6.3c:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan dan Penglibatan dalam Ko-Kurikulum (Sukan)


Pendapatan Bulanan	Sangat Tidak Aktif & Tidak Aktif	Sangat Aktif & Aktif	Sederhana
RM500 ke bawah	2.9	2.5	2.1
RM501 - RM1000	15.5	15.8	17.0
RM1001 - RM1500	21.9	25.6	25.7
RM1501 - RM2000	17.2	18.3	18.4
RM2001 - RM2500	17.5	16.4	16.6
RM2501 - RM3000	12.1	12.1	10.9
RM3001 - RM5000	10.7	8.1	8.0
RM5001 – ke atas	2.3	1.2	1.1
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

#### 6.1.4 Persepsi Graduan Terhadap Penglibatan dalam Aktiviti Ko-Kurikulum

Bagi meninjau pandangan graduan terhadap peranan aktiviti Ko-K dalam dunia pekerjaan, responden juga diminta memberi pandangan atau persepsi mereka sama ada Ko-K membantu atau tidak dalam mendapatkan pekerjaan. Rajah

6.5 menunjukkan 51.1 peratus daripada responden dalam kajian bersetuju bahawa pelajar yang aktif dalam Ko-K lebih mudah untuk mendapat pekerjaan. Namun demikian terdapat sekumpulan kecil (16.1%) berpendapat sebaliknya dan sekitar 32.8 peratus pula kurang pasti sama ada Ko-K membantu atau tidak dalam mendapatkan pekerjaan.

**Rajah 6.5 :** Peratus Taburan Pelajar yang Terlibat dalam Aktiviti Ko-Kurikulum Lebih Mudah untuk Mendapat Pekerjaan (Peratus)



**BAB 7**

*Latihan Industri (LI)*

TINGGI MALAYSIA



## 7.0 PENDAHULUAN


Latihan Industri (LI) telah menjadi satu komponen penting dalam kurikulum kebanyakan kursus di IPT terutamanya bagi peringkat pengajian Diploma dan Ijazah Pertama. Kebelakangan ini semakin banyak IPT telah memperkenalkan mata pelajaran LI. Walaupun kaedah pengendalian dan tempoh latihan mungkin berbeza-beza antara satu IPT dengan yang lain tetapi objektifnya adalah sama, iaitu untuk memberi pendedahan awal kepada bakal graduan terhadap alam pekerjaan. Melalui program LI diharapkan para graduan dapat meningkatkan tahap kebolehdapatan pekerjaan dan juga dapat menghadapi cabaran dunia pekerjaan dengan lebih baik lagi. Di dalam program LI, para pelajar ditempatkan di tempat kerja seperti di industri, di pejabat kerajaan, bank dan organisasi bukan kerajaan untuk beberapa tempoh tertentu, lazimnya antara 2 – 6 bulan. Seperti skim SLG, keberkesanan program LI juga belum dikaji secara mendalam terutamanya daripada perspektif para graduan yang telah mengikuti program LI semasa di IPT. Oleh itu di dalam kajian susulan ini, satu percubaan awal

dilaksanakan bagi meninjau pandangan graduan yang telah melalui LI dan sekarang suda berada dalam alam pekerjaan sebenar.

## 7.1 PROFIL RESPONDEN YANG TELAH MENJALANI LATIHAN INDUSTRI


Taburan responden yang pernah mengikuti LI semasa di IPT ditunjukkan dalam Rajah 7.1. Diperhatikan 73 peratus responden melaporkan pernah turut serta dalam program LI semasa di IPT. Apabila dilihat mengikut tahun tamat pengajian (Rajah 7.2), peratusnya meningkat daripada 50.3 peratus bagi kohort 1977 – 1999 kepada 85.4 peratus bagi kohort 2008. Ini memberi gambaran peratus pelajar yang terlibat dalam program LI meningkat setiap tahun. Rajah 7.3 pula menunjukkan tempoh LI yang telah dilalui oleh responden, didapati majoriti (iaitu 60.1%) responden menjalani program LI selama 4-6 bulan, 38.4 peratus selama 1 – 3 bulan dan hanya 1.5 peratus yang menjalani LI melebihi 6 bulan.

**Rajah 7.1 :** Peratus Taburan Responden yang Pernah Menyertai Latihan Industri




Nota: \* 4 orang responden tidak memaklumkan.

**Rajah 7.2 :** Peratus Taburan Penyertaan Latihan Industri Mengikut Tahun Konvokesyen



**Rajah 7.3 :** Peratus Taburan Responden Mengikut Tempoh Menjalani LI




## 7.2 TEMPOH LATIHAN MENGIKUT BIDANG PENGAJIAN UTAMA

Rajah 7.4 memaparkan tempoh LI yang diikuti oleh graduan mengikut bidang pengajian utama. Kebanyakan graduan dalam bidang Sains mengikut LI

bagi tempoh 1 – 3 bulan, manakala tempoh lazim bagi graduan bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi dan bidang Teknikal ialah 4 – 6 bulan. Bagi graduan bidang Sastera & Sains Sosial, hampir 53 peratus menjalankan LI bagi tempoh 4 – 6 bulan dan 46.4 peratus lagi bagi tempoh 1 – 3 bulan.

**Rajah 7.4 :** Tempoh Penyertaan Latihan Industri Mengikut Bidang Pengajian Utama



### 7.3 SEKTOR PEKERJAAN RESPONDEN YANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

Jadual 7.1 menunjukkan sektor pekerjaan industri di mana para graduan telah menjalani LI mengikut bidang pengajian utama graduan. Bagi bidang Sastra & Sains Sosial, 47.5 peratus menjalani LI dalam sektor swasta tempatan dan 28.4 peratus dalam sektor kerajaan. Graduan bidang Sains pula, kebanyakannya (51.1 %) menjalankan latihan industri dalam sektor kerajaan dan 25.5 peratus dalam sektor swasta

tempatan. Bagi bidang Teknikal 62 peratus menjalani LI dalam sektor Swasta tempatan dan 16.5 peratus dalam sektor kerajaan. Hampir 47 peratus graduan dalam bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi menjalani LI dalam sektor swasta tempatan dan 31 peratus dalam sektor kerajaan. Dapat diperhatikan sektor swasta tempatan dan kerajaan merupakan sektor utama yang menyediakan tempat LI bagi para pelajar IPT, manakala sektor multinasional menyediakan sekitar 6 peratus daripada keseluruhan tempat LI.

**Jadual 7.1:** Peratus Taburan Penempatan Pelajar LI Mengikut Sektor Pekerjaan dan Bidang Pengajian Utama

Sektor	Sastra & Sains Sosial n= 2,913	Sains n= 1,145	Teknikal n=4,132	Teknologi Maklumat & Komunikasi n = 1,363
Badan Bukan Kerajaan (NGO)	1.6	2.0	1.2	1.0
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	4.7	3.0	4.5	5.0
Swasta Asing	0.7	1.3	1.7	0.7
Swasta Tempatan	47.5	25.5	62.0	46.9
Swasta Multinasional	6.6	6.6	10.2	6.2
Badan Berkanun	10.5	10.5	3.8	9.2
Kerajaan	28.4	51.1	16.5	31.0
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

### 7.4 ELAUN SEMASA MENJALANI LATIHAN INDUSTRI

Sebanyak 54.1 peratus responden menyatakan mereka menerima elaun semasa menjalankan LI (Jadual 7.2). Didapati organisasi yang membekalkan latihan (42%) merupakan sumber utama yang menyediakan elaun kepada pelatih, diikuti oleh penganjur biasiswa atau pinjaman (4%) dan IPT (2%). Rajah 7.5 menunjukkan hampir 88 peratus graduan yang menjalani LI di syarikat swasta multinasional mendapat elaun daripada syarikat berkenaan, manakala hanya 10.2 peratus yang ditempatkan di jabatan kerajaan menerima elaun


daripada jabatan berkenaan. Penempatan peserta LI agak menyeluruh, merangkumi pelbagai kategori industri seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.6.

**Jadual 7.2:** Peratus Taburan Responden yang Menerima Elaun Latihan Industri


Adakah anda menerima sebarang elaun semasa mengikuti latihan industri/internship tersebut?	Peratus * n= 10,090
Tidak	45.9
Ya	54.1
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>

Nota: \* 5 responden tidak menyatakan

**Rajah 7.5 :** Peratus Taburan Responden yang Mendapat Elaun Mengikut Sektor Penempatan



**Rajah 7.6 :** Peratus Taburan Penempatan LI Mengikut Kategori Industri



## 7.5 STATUS PEKERJAAN RESPONDEN LATIHAN INDUSTRI

Jadual 7.3 memaparkan status pekerjaan bagi semua responden yang pernah menjalani LI semasa di IPT. Didapati 62.7 peratus menyatakan status mereka

adalah bekerja dan 6.1 peratus daripadanya bekerja separuh masa. Peratus yang tidak bekerja ialah 20.6 peratus. Daripada aspek status pekerjaan, didapati tidak ada perbezaan yang ketara di antara graduan yang pernah menjalani LI dan graduan yang tidak pernah mengikutinya.

**Jadual 7.3:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Responden yang Menyertai LI dan yang Tidak Menyertai LI

Status Pekerjaan	YA	TIDAK
	% n = 10,087	% n = 3,709
Bekerja sepenuh masa	56.6	61.1
Bekerja separuh masa	6.1	6.0
Menunggu penempatan pekerjaan	1.7	1.8
Tidak bekerja kerana melanjutkan pengajian	15.0	9.6
Tidak bekerja	20.6	21.4
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota:\* Dibundarkan kepada 100 peratus.

## 7.6 TARAF DAN SEKTOR PEKERJAAN RESPONDEN LATIHAN INDUSTRI

Jadual 7.4 menunjukkan sektor pekerjaan responden LI dan Jadual 7.5 pula memaparkan taraf pekerjaan

mereka. Didapati taraf dan juga sektor pekerjaan yang diceburi oleh responden LI juga tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dengan data bagi keseluruhan responden yang ditunjukkan dalam Jadual 2.19 dan Jadual 2.20.

**Jadual 7.4:** Peratus Taburan Sektor Pekerjaan Responden yang Menyertai LI dan Keseluruhan Responden

Sektor Pekerjaan	Menyertai LI	Keseluruhan Responden
	n = 6,319	n = 8,809
Kerajaan	24.7	26.8
Badan berkanun	8.2	8.2
Swasta (Multinasional/asing)	14.4	13.5
Swasta (tempatan)	41.1	40.0
Swasta-bukan tempatan	2.3	2.2
Perusahaan sendiri/perniagaan sendiri	3.8	3.8
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	4.8	4.7
Organisasi Bukan Kerajaan (NGO)	0.8	0.9
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**Jadual 7.5:** Peratus Taburan Taraf Pekerjaan Responden yang Menyertai LI dan Keseluruhan Responden

Taraf Pekerjaan	Menyertai LI	Keseluruhan Responden
	n = 6,319	n = 8,809
Tetap	65.8	66.5
Kontrak	20.8	20.6
Sementara	11.0	10.5
Bekerja Sendiri	1.5	1.5
Bekerja Dengan Keluarga	1.0	1.0
<b>*Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota:\* Dibundarkan kepada 100 peratus

## 7.7 PENDAPATAN BULANAN RESPONDEN LATIHAN INDUSTRI

Jadual 7.6 menunjukkan taburan pendapatan responden 2006 yang pernah menyertai LI bagi lulusan Ijazah Pertama dan lulusan peringkat Diploma. Dalam jadual yang sama juga dipaparkan pendapatan bulanan keseluruhan responden Ijazah Pertama dan Diploma

yang tamat pengajian dalam tahun 2006. Didapati bagi peringkat Diploma peratus responden 2006 yang berada dalam kategori pendapatan bulanan RM2001 ke atas adalah 12.6 peratus, iaitu lebih rendah berbanding 18.7 peratus bagi responden yang pernah mengikuti LI. Bagaimanapun bagi peringkat Ijazah Pertama perbezaan dalam pendapatan bulanan antara responden LI dan keseluruhan responden Ijazah Pertama 2006 tidak begitu ketara.

**Jadual 7.6:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan Responden 2006 yang Menyertai LI

Pendapatan Bulanan	Ijazah Pertama		Diploma	
	Responden 2006 yang Menyertai LI n = 1,336	Responden 2006	Responden 2006 yang Menyertai LI n = 267	Responden 2006
RM500 ke bawah	0.7	0.9	3.7	2.7
RM501 – RM1000	5.4	6.0	19.1	21.0
RM1001 – RM1500	12.4	12.6	31.5	38.7
RM1501 – RM2000	15.2	14.8	27.0	25.1
RM2001 – RM2500	25.5	25.3	12.4	8.5
RM2501 – RM3000	22.8	22.8	4.1	2.2
RM3001 – RM5000				
RM5001 – RM10,000	18.0	17.6	2.2	1.9
RM10,001 ke atas				
<b>*Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota:\* Dibundarkan kepada 100 peratus.



**BAB 8**

*Skim Latihan Graduan  
Menganggur (SLG)*

TINGGI MALAYSIA



## 8.0 PENDAHULUAN

Skim Latihan Graduan (SLG) merupakan satu program kerajaan yang diperkenalkan khusus untuk membantu para graduan terutamanya yang menganggur bagi meningkatkan kemahiran untuk memperluaskan peluang mendapatkan pekerjaan. Program ini pertama kali diperkenalkan pada tahun 2001. Fokus utama skim ini ialah terhadap para graduan pemegang Ijazah Pertama, Diploma atau Sijil yang telah tamat pengajian melebihi 6 bulan dan masih tidak mempunyai pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan. Daripada tahun 2001 hingga Ogos 2006, lebih 38,000 graduan telah mengikuti skim ini dengan peruntukan melebihi RM240 juta (*Berita Harian*: 16 Sept 2006). Selepas itu pihak kerajaan telah menambah peruntukan dari semasa ke semasa bagi meneruskan skim ini. Skim ini diselaraskan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM). Di samping itu terdapat juga beberapa agensi kerajaan lain serta syarikat berkaitan kerajaan yang mengendalikan pelbagai kursus yang selaras dengan objektif SLG. Di bawah skim ini para graduan yang mengikuti kursus diberi elaun sara

hidup, lazimnya antara RM500 – RM800 sebulan, dan tempoh program latihan adalah antara 3 – 6 bulan. Bagaimanapun ada juga program yang melampaui tempoh ini sehingga melebihi 1 tahun.

Walaupun program ini telah berjalan sekian lama dengan peruntukan kerajaan yang tinggi, namun sehingga kini penilaian terhadap keberkesanan skim ini belum dijalankan secara komprehensif dan mendalam. Oleh itu melalui kajian SKPG II ini terbuka satu peluang keemasan bagi mendapat pandangan dan penilaian daripada para graduan yang telah mengikuti pelbagai program dalam SLG. Diharap pandangan para peserta skim ini dapat memberi input berharga kepada pihak kerajaan dan pembekal latihan dalam memperbaiki skim ini pada masa hadapan.

Skim SLG ini terbahagi kepada 8 kategori seperti di dalam Jadual 8.1. Di bawah setiap kategori terdapat pelbagai kursus atau latihan yang ditawarkan. Jumlah keseluruhan latihan yang disediakan melebihi 48 jenis.

**Jadual 8.1:** Pembahagian Skim Latihan Graduan Menganggur Mengikut Kategori

Bil.	Nama Skim	Bil.	Nama Skim
1.	Skim Sangkutan dan Latihan	5.	Skim Sangkut Pembantu Penyelidik
2.	Skim Latihan ICT dan Bahasa untuk Siswazah	6.	Skim Sangkut dan Latihan Swasta
3.	Skim Melanjut Pengajian	7.	Skim Usahawan Tani Kormersial Siswazah
4.	Skim Sangkut Pembantu Pengajar	8.	Skim Sangkutan Meningkatkan Keupayaan PKS dan Bidang ICT


## 8.1 PROFIL GRADUAN YANG MENGIKUTI SLG

Daripada 13,810 graduan mendaftar dalam sistem kajian Susulan KPT (SKPG II), 866 atau 6.3 peratus memaklumkan pernah menghadiri skim latihan berkaitan siswazah menganggur. Daripada jumlah tersebut, hanya 6.4 peratus memaklumkan sedang mengikuti program berkenaan dan selainnya telah tamat latihan yang diikuti. Peratus tertinggi dalam kalangan responden yang mengikuti SLG ialah

graduan 2007 (31%) diikuti graduan 2006 sebanyak 27 peratus (Rajah 8.1). Jadual 8.2 menyenaraikan jenis latihan dalam skim SLG serta bilangan responden yang telah dan sedang mengikutinya.

Tempoh setiap program dalam skim ini berbeza-beza, bagaimanapun kebanyakan graduan (55%) terlibat dengan latihan yang mengambil masa 4 – 6 bulan, diikuti program 10 – 12 bulan (16%) dan 1 – 3 bulan, 16 peratus (Rajah 8.2).

**Rajah 8.1 :** Taburan Responden yang Pernah Ikuti SLG Mengikut Tahun Konvokesyen




**Jadual 8.2:** Taburan dan Peratus Jenis Program SLG yang Diikuti oleh Responden

Skim Latihan yang diikuti	Bil. Responden	Peratus	Skim Latihan yang diikuti	Bil. Responden	Peratus
Skim Latihan Siswazah	487	56.2	Skim Melanjutkan Pengajian	7	0.8
<i>PSDC-Graduate Reskilling Scheme (ICT/SME)</i>	40	4.6	Kursus Pengurusan Ladang	7	0.8
Sijil Bahasa Inggeris	36	4.2	<i>Graduate Reskilling Scheme in Contact/Call Center Management</i>	7	0.8
<i>Graduate Reskilling Scheme (Design &amp; Development)</i>	20	2.3	Skim Latihan Siswazah Pasaran Modal (CMGTS)	7	0.8
<i>Software Engineering</i>	16	1.8	Skim Pelatih Pengurusan	7	0.8
Skim Sangkutan Pembantu Pengajar (SSPP)	14	1.6	Sijil Perakaunan Perniagaan	6	0.7
<i>Industrial and Technology Management</i>	13	1.5	Profesional Rangkaian Bertauliah CISCO (CCNP)	6	0.7
Program Pembangunan Eksekutif Pemasaran	13	1.5	Skim Usahawan Tani Komersil Siswazah (SUTKS)	5	0.6
Jurutera Sistem Bertauliah Microsoft (MCSE)	13	1.5	<i>Industrial Automation Engineering</i>	4	0.5
Pentadbir Sistem Linux (LSA) dan Pembangunan Aplikasi Web se	13	1.5	<i>Computer Aided Engineering</i>	3	0.3
Program Informasi Teknologi (Multimedia & Animasi)	12	1.4	<i>Graduate Reskilling Scheme in Instructional Systems Design</i>	3	0.3
<i>Process Plants Safety and Health</i>	12	1.4	<i>Vibration Technology and Maintenance Management</i>	3	0.3
Skim Sangkutan Meningkatkan Keupayaan IKS Dalam Bidang ICT	11	1.3	Sijil Fotonik dan Fiber Optik	3	0.3
<i>Computer Integrated Manufacturing System (CIMS)</i>	11	1.3	<i>CNC Technology</i>	3	0.3

**Jadual 8.2:** Taburan dan Peratus Jenis Program SLG yang Diikuti oleh Responden...(Samb)

Program Francais Siswazah - Skim Latihan Usahawan Muda	11	1.3	Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN)	3	0.3
<i>Semiconductor Chip Design-Analogue</i>	10	1.2	<i>Automotive Manufacturing (Plant) Operation and Maintenance</i>	2	0.2
<i>Process Instrumentation &amp; Control Technology</i>	10	1.2	Program Inkubator Usahawan Siswazah [PIUS]	2	0.2
<i>Plastic Product and Mould Designing</i>	9	1.0	<i>Footwear Technology</i>	1	0.1
<i>Graduate Reskilling Scheme in Supply Chain Management - (GRS)</i>	8	0.9	Sijil Bioteknologi Makanan	1	0.1
<i>Printed Circuit Board (PCB) Design-Analogue</i>	8	0.9	Kursus Agen Zakat	1	0.1
<i>Engineering Support and Services</i>	8	0.9	<i>Computational Structural Analysis for Electronics Industry</i>	1	0.1
<i>Certified Quality Engineer</i>	8	0.9			
<b>JUMLAH</b>				<b>865</b>	<b>100</b>

**Rajah 8.2:** Peratus Taburan Responden Peserta SLG Mengikut Tempoh Latihan




## 8.2 LATAR BELAKANG DEMOGRAFI RESPONDEN YANG MENGIKUTI SLG

Bahagian ini memaparkan latar belakang responden yang terlibat dalam SLG. Antara perkara yang dibincangkan ialah taburan responden SLG mengikut, jantina, bangsa, negeri bermastautin, jenis dan tempoh latihan yang diikuti serta pendapatan keluarga. Secara keseluruhannya didapati bilangan responden

perempuan yang mengikuti skim SLG ialah seramai 538 orang perempuan (62.1%) berbanding 328 lelaki (37.9%). Rajah 8.3 menunjukkan peratus responden yang terlibat dalam SLG mengikut tahun konvokesyen dan jantina. Bagi tahun konvokesyen 1970 – 2004 dan tahun 2005, peratus responden perempuan yang mengikuti skim SLG didapati melebihi lelaki tetapi bagi tahun-tahun lain peratus lelaki melebihi perempuan.

**Rajah 8.3:** Peratus Taburan Responden Menyertai SLG Mengikut Tahun Konvo dan Jantina



Majoriti responden yang terlibat dalam skim latihan ini adalah terdiri daripada graduan Melayu, iaitu sebanyak 93.3 peratus. Penyertaan graduan kaum Cina hanyalah pada kadar 1.4 peratus, kaum India (0.2%) dan bangsa lain (5.1%). Mengikut pendapatan keluarga pula, 27 peratus daripada responden yang mengikuti skim ini terdiri daripada mereka dengan pendapatan bulanan keluarga kurang daripada RM1000 sebulan, manakala 19.7 peratus dalam selang pendapatan bulanan RM1001 – RM1500 dan hanya 14.9 peratus berpendapatan keluarga melebihi RM3000 (Jadual 8.3).


Antara skim yang popular dalam kalangan responden perempuan ialah Skim Latihan Siswazah, Skim Latihan Siswazah Pasaran Modal (CMGTS), Skim Pelatih Pengurusan dan Sijil Bahasa Inggeris. Bagi responden lelaki pula, skim latihan yang menjadi pilihan mereka ialah Skim Usahawan Tani Komersil Siswazah (SUTKS), *Computer Aided Engineering*, *Industrial Automation Engineering* dan Profesional Rangkaian Bertauliah CISCO (CCNP).

Rajah 8.4 menunjukkan taburan responden mengikut negeri bermastautin. Sebahagian besar daripada responden yang mengikuti skim SLG bermastautin di negeri Selangor (17.7%), diikuti Terengganu (14.7%), Kelantan (8.9%), Kedah (8.8%)

**Jadual 8.3:** Taburan Latar Belakang Demografi Responden yang Menyertai/Pernah Menyertai SLG

Jantina	Bil.	Peratus
Lelaki	328	37.9
Perempuan	538	62.1
<b>Jumlah</b>	<b>866</b>	<b>100</b>
<b>Bangsa</b>		
Melayu	808	93.3
Cina	12	1.4
India	2	0.2
Lain-lain	44	5.1
<b>Jumlah</b>	<b>866</b>	<b>100</b>
<b>Pendapatan Bulanan</b>		
RM500 ke bawah	64	7.4
RM501 – RM1000	170	19.6
RM1001 – RM1500	171	19.7
RM1501 – RM2000	135	15.6
RM2001 – RM2500	115	13.3
RM2501 – RM3000	82	9.5
RM3001 – RM5000	92	10.6
RM5001 ke atas	37	4.3
<b>Jumlah</b>	<b>866</b>	<b>100</b>

**Rajah 8.4:** Peratus Taburan Responden Peserta Skim SLG Mengikut Negeri Bermastautin



dan Johor (8.3%). Penyertaan responden dari negeri lain seperti Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak adalah kurang daripada 5 peratus.

### 8.3 LATAR BELAKANG AKADEMIK RESPONDEN SLG

Jadual 8.4 menunjukkan peratus taburan responden yang menyertai SLG mengikut bidang pengajian utama. Diperhatikan secara keseluruhan, sebahagian besar (iaitu sebanyak 35%) yang mengikuti SLG

adalah terdiri daripada graduan bidang Sastera & Sains Sosial, diikuti lulusan Teknikal (27.9%), 18.9 peratus daripada bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi dan 2.9 peratus bidang Pendidikan.

Taburan responden SLG mengikut jenis IPT yang dipaparkan dalam Jadual 8.5 menunjukkan 72.4 peratus adalah dalam kalangan graduan IPTA, diikuti graduan Politeknik dan IPTS, dengan peratus masing-masing adalah 13.9 peratus dan 12.6 peratus.

**Jadual 8.4:** Peratus Taburan Responden SLG Mengikut Tahun Konvokesyen dan Bidang Pengajian Utama


Bidang Pengajian Utama	1970 – 1999	2000 – 2004	2005	2006	2007	2008	Keseluruhan
Sastera & Sains Sosial	60.0	54.8	40.4	27.9	27.5	27.3	35.0
Sains	20.0	16.3	19.2	19.4	13.4	2.6	15.3
Teknikal	-	6.0	14.4	27.0	40.5	57.1	27.9
Teknologi Maklumat & Komunikasi	20.0	21.1	20.2	24.3	15.4	7.8	18.9
Pendidikan	-	1.8	5.8	1.4	3.2	5.2	2.9
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**Jadual 8.5:** Peratus Taburan Responden SLG Mengikut IPT

IPT	1970 – 1999	2000 – 2004	2005	2006	2007	2008	Keseluruhan
IPTA	60.0	81.4	71.0	87.8	65.6	34.2	72.4
IPTS	20.0	13.4	17.8	7.0	16.5	6.3	12.6
Politeknik	-	4.1	10.3	4.8	16.1	59.5	13.9
Kolej Komuniti	-	-	-	-	0.7	-	0.2
Institusi Luar Negara	20.0	1.2	0.9	0.4	0.7	-	0.8
IPG	-	-	-	-	0.4	-	0.1
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Rajah 8.5 menunjukkan responden yang menyertai SLG mengikut peringkat pengajian. Penyertaan paling tinggi adalah terdiri daripada graduan peringkat Ijazah Pertama yang mewakili 68.2 peratus, diikuti responden Diploma (27.9%).

Data di dalam Jadual 8.6 menunjukkan graduan Ijazah Pertama dan Diploma juga merupakan kumpulan terbanyak yang mengikuti SLG bagi setiap tahun konvokesyen.

**Rajah 8.5 :** Peratus Taburan Responden Skim SLG Mengikut Peringkat Pengajian**Jadual 8.6:** Peratus Taburan Graduan Menyertai Skim SLG Mengikut Tahun Konvokesyen


Tahun	Ph.D.	Sarjana	Diploma Lepas Ijazah	Ijazah Pertama	Diploma	Sijil	Jumlah
1970 – 1999	-	-	-	80.0	20.0	-	100
2000 – 2004	-	2.3	0.6	75.0	22.1	-	100
2005	0.9	1.9	-	68.2	29.0	-	100
2006	-	2.6	-	81.7	14.8	0.9	100
2007	-	3.3	0.4	63.0	31.1	2.2	100
2008	-	-	1.3	31.6	67.1	-	100
<b>Keseluruhan (%)</b>	<b>0.1</b>	<b>2.4</b>	<b>0.3</b>	<b>68.2</b>	<b>28.0</b>	<b>1.0</b>	<b>100</b>

### 8.4 STATUS PEKERJAAN GRADUAN YANG PERNAH MENYERTAI SLG

Status pekerjaan dalam kalangan responden yang telah menyertai Skim Latihan Graduan (Rajah 8.6) menunjukkan peratus yang bekerja termasuk yang bekerja separuh masa ialah 64.0 peratus dan yang tidak bekerja adalah 29.0 peratus. Status pekerjaan bagi seluruh responden seperti yang dipaparkan dalam Bab 2 (Jadual 2.16), menunjukkan peratus

yang bekerja ialah 63.9 peratus dan tidak bekerja ialah 20.8 peratus. Secara umumnya status bekerja, bagi kumpulan responden SLG tidak menunjukkan kedudukan yang lebih baik daripada status keseluruhan responden. Malahan peratus yang tidak bekerja dalam kalangan responden SLG adalah lebih tinggi daripada keseluruhan. Oleh itu boleh dikatakan dalam batasan kajian ini diperhatikan peserta SLG tidak mempunyai keistimewaan yang lebih baik daripada graduan lain.

**Rajah 8.6:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Responden SLG



### 8.5 TARAF PEKERJAAN RESPONDEN SLG

Taraf pekerjaan graduan yang telah mengikuti program SLG ditunjukkan dalam Jadual 8.7. Dapat dilihat 53.3 peratus bertaraf tetap, 30.6 peratus bekerja bertaraf kontrak dan 13.6 bertaraf sementara. Di dalam jadual yang sama dipaparkan juga taraf pekerjaan semasa bagi responden SKPG II (data daripada Jadual 2.19) untuk perbandingan. Diperhatikan bagi taraf tetap kedudukan keseluruhan graduan adalah lebih tinggi berbanding responden SLG.

**Jadual 8.7:** Peratus Taburan Taraf Pekerjaan Responden yang telah Mengikuti Program SLG dan Keseluruhan Responden

Taraf Pekerjaan	Graduan SLG n=553	Responden SKPG II
Tetap	53.3	66.5
Kontrak	30.6	20.5
Sementara	13.4	10.5
Bekerja Sendiri	1.8	1.5
Bekerja Dengan Keluarga	0.7	1.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

## 8.6 SEKTOR PEKERJAAN RESPONDEN SLG

Sektor pekerjaan yang diceburi oleh responden yang telah mengikuti SLG dan juga sektor bagi responden SKPG II ditunjukkan dalam Jadual 8.8. Umumnya perbezaan yang ketara hanya terdapat pada sektor Swasta (Multinasional/Asing), Kerajaan dan GLC & NGO.

**Jadual 8.8:** Peratus Taburan Sektor Pekerjaan Responden SLG dan Keseluruhan Responden

Sektor Pekerjaan	Graduan SLG n = 553	Responden SKPG II
	%	%
Kerajaan	25.9	26.8
Badan berkanun	9.2	8.2
Swasta (Multinasional/asing)	10.3	13.5
Swasta (tempatan) dan Swasta-bukan tempatan	42.5	42.2
Perusahaan sendiri/ perniagaan sendiri	3.6	3.8
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO)	8.5	5.6
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

## 8.7 PENDAPATAN BULANAN RESPONDEN SLG

Bagi membuat perbandingan antara pendapatan bulanan responden SLG dengan pendapatan responden keseluruhan, data dalam kalangan responden Ijazah Pertama dan Diploma sahaja dipilih. Perbandingan yang dibuat adalah berdasarkan pendapatan graduan kohort 2007, iaitu kumpulan yang telah berada di pasaran kerja dalam tempoh satu hingga dua tahun.

Analisis yang dipaparkan dalam Jadual 8.9 menunjukkan pendapatan bagi graduan SLG adalah umumnya lebih rendah berbanding graduan 2007 bagi peringkat Ijazah Pertama dan juga bagi peringkat Diploma. Contohnya bagi peringkat Ijazah Pertama, peratus yang mendapat pendapatan RM2001 ke atas adalah 55.6 peratus bagi graduan 2007 berbanding 36.6 peratus bagi graduan SLG. Bagi peringkat Diploma pula, peratus yang pendapatan bulannya RM1501 ke atas adalah juga lebih tinggi bagi graduan 2007. Oleh itu dari sudut pendapatan bulanan juga tidak menunjukkan kumpulan yang telah mengikuti SLG mempunyai keistimewaan berbanding graduan lain.

**Jadual 8.9:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan bagi Graduan SLG berbanding Graduan 2007

Pendapatan Bulanan	Ijazah Pertama		Diploma	
	Graduan SLG n=406	Graduan 2007	Graduan SLG n=127	Graduan 2007
RM500 ke bawah	2.0	1.1	4.7	2.7
RM501 – RM1000	17.0	7.8	25.2	21.0
RM1001 – RM1500	24.4	15.9	48.0	38.7
RM1501 – RM2000	20.0	19.6	19.7	25.1
RM2001 – RM2500	19.7	28.7	1.6	8.5
RM2501 – RM3000	12.8	17.1	-	2.2
RM3001 – RM5000	3.2	-	0.8	-
RM5001 – RM10,000	0.7	9.8	-	1.9
RM10,001 ke atas	0.2	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>




### 8.8 PERSEPSI GRADUAN TERHADAP PENGLIBATAN DALAM SLG


Beberapa soalan juga diajukan kepada responden yang tidak mengikuti SLG bagi mendapat gambaran sebab mereka tidak mengikuti skim berkenaan. Rajah 8.7 menunjukkan sekitar 62 peratus responden yang tidak mengikut SLG menyatakan mereka tidak tahu tentang kewujudan skim berkenaan. Di samping itu terdapat 38 peratus yang menyatakan mereka tahu tetapi tidak berminat mengikutinya.

Rajah 8.8 pula menunjukkan pandangan atau persepsi graduan yang mengikuti SLG dan juga dalam kalangan responden yang tidak mengikuti SLG. Dapat dilihat umumnya responden yang tidak pernah mengikuti SLG memberi persepsi lebih baik daripada kalangan yang pernah mengikuti skim berkenaan. Bagaimanapun graduan yang pernah mengikuti SLG juga mempunyai pandangan yang baik terhadap program berkenaan walaupun dari sudut pendapatan bulanan dan status pekerjaan tidak menunjukkan kumpulan SLG mempunyai keistimewaan yang lebih.

Rajah 8.7: Peratus Taburan Sebab Tidak Mengikuti SLG



Rajah 8.8: Peratus Taburan Pandangan dan Persepsi Graduan Terhadap SLG



**BAB 9**

*Graduan Orang Kurang/  
Kelainan Upaya (OKU)*

TINGGI MALAYSIA

## 9.0 PENDAHULUAN

Terdapat kesemuanya 50 orang graduan OKU yang mendaftar dalam SKPG II, 12 orang graduan 2008, 17 orang yang tamat pengajian pada tahun 2007, 13 graduan 2006, dan selebihnya telah tamat pengajian pada tahun-tahun sebelumnya. Walaupun bilangan responden dalam kalangan graduan OKU hanya 50 orang, bahagian ini cuba meninjau pelbagai aspek berkaitan dunia pekerjaan kumpulan ini. Ini mungkin merupakan usaha awal bagi memahami secara mendalam tentang senario dan cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dalam dunia pekerjaan semasa. Adalah diharapkan melalui usaha dan kajian yang berterusan, maklumat ini akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas agar kumpulan OKU dapat tempat dan peluang yang sama dalam menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh itu analisis yang dipaparkan adalah terbatas kepada maklumat 50 orang graduan yang memberi respon kepada kajian ini.

### 9.1 LATAR BELAKANG DEMOGRAFI RESPONDEN OKU


Jadual 9.1 menunjukkan profil demografi responden graduan OKU yang mendaftar dalam SKPG II, iaitu terdiri daripada 66 peratus (33 orang) graduan lelaki dan 34 peratus (17 orang) perempuan, 78 peratus (39 orang) berbangsa Melayu, 16 peratus graduan OKU Cina dan 6 peratus berketurunan India.

**Jadual 9.1:** Peratus Taburan Latar Belakang Demografi Graduan OKU

Variabel		Peratus n = 50
Tahun Konvo	1970 – 1999	6.0
	2000 – 2004	8.0
	2005	2.0
	2006	26.0
	2007	34.0
	2008	24.0
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>
Jantina	Lelaki	66.0
	Perempuan	34.0
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>
Bangsa	Melayu	78.0
	Cina	16.0
	India	6.0
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>

Pendapatan bulanan keluarga mereka pula didapati 56 peratus mempunyai keluarga dengan pendapatan bulanan kurang daripada RM1500 sebulan dan hanya 34 peratus daripada keluarga yang berpendapatan lebih daripada RM2500. Terdapat 10 peratus yang memaklumkan pendapatan bulanan keluarga kurang daripada RM500 (Rajah 9.1).

**Rajah 9.1:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan Keluarga bagi Graduan OKU



## 9.2 LATAR BELAKANG AKADEMIK RESPONDEN OKU


Peratus graduan OKU yang mendaftar mengikut bidang pengajian utama adalah 40 peratus dalam bidang Sastera & Sains Sosial, 36 peratus lulusan bidang Teknikal, lulusan Teknologi Maklumat & Komunikasi (6%), Sains (6%) dan bidang Pendidikan sebanyak lapan peratus (Rajah 9.2).

Sebahagian besar responden OKU yang turut serta dalam kajian SKPG II 2008 adalah terdiri daripada graduan IPTA (54%) dan graduan Politeknik (32%). Taburan mengikut peringkat pengajian menunjukkan majoriti adalah graduan Ijazah Pertama (48%), diikuti 26 peratus graduan Diploma, Sijil (20%) dan Sarjana (6%).

**Jadual 9.2:** Peratus Taburan Latar Belakang Akademik Graduan OKU

Variabel Akademik	Peratus n = 50
<b>Jenis IPT</b>	
IPTA	54.0
IPTS	8.0
Politeknik	32.0
Kolej Komuniti	2.0
Institusi Luar Negara	2.0
IPG	2.0
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>
<b>Peringkat Pengajian</b>	
Sarjana	6.0
Ijazah Pertama	48.0
Diploma	26.0
Sijil	20.0
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>

**Rajah 9.2:** Peratus Taburan Responden OKU Mengikut Bidang Pengajian Utama




Nota:\* 2 orang responden tidak memaklumkan bidang pengajian

Rajah 9.3 menunjukkan agensi yang menaja pengajian graduan OKU semasa di IPT, majoritinya mendapat tajaan daripada PTPTN (47%) dan

sebahagian lagi membiayai pengajian secara persendirian (17%) dan 14 peratus mendapat tajaan KPT.

**Rajah 9.3:** Peratus Taburan Responden OKU Mengikut Penaja Pengajian




### 9.3 STATUS PEKERJAAN RESPONDEN OKU

Daripada data status pekerjaan graduan OKU yang ditunjukkan dalam Rajah 9.4, 60 peratus melaporkan

telah bekerja di mana 56 peratus bekerja sepenuh masa dan enam peratus bekerja separuh masa. Terdapat 28 peratus tidak bekerja serta lapan peratus sedang melanjutkan pengajian.

**Rajah 9.4:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Graduan OKU



Jadual 9.3 mempamerkan taburan status pekerjaan responden mengikut jantina. Dalam kalangan graduan lelaki peratus yang bekerja secara sepenuh masa ialah 57.6 peratus dan secara separuh masa sebanyak 6.1 peratus. Bagi graduan OKU perempuan, status yang bekerja sepenuh masa ialah 52.9 peratus, separuh masa 5.9 peratus dan 35.3 tidak bekerja. Sebaliknya pula 24.2 peratus dalam kalangan graduan lelaki OKU adalah tidak bekerja. Jadual 9.4 memaparkan

status pekerjaan mengikut jenis ketidakupayaan dan Jadual 9.5 pula menunjukkan taburan status pekerjaan mengikut bidang pengajian utama yang diikuti semasa di IPT.

Dapat diperhatikan bahawa peratus yang bekerja dalam kalangan graduan yang cacat anggota fizikal dan pendengaran adalah lebih tinggi berbanding kumpulan graduan kurang upaya penglihatan.

**Jadual 9.3:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Responden OKU Mengikut Jantina

Status Pekerjaan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
	n = 33	n = 17	n = 50
Bekerja sepenuh masa	57.6	52.9	56.0
Bekerja separuh masa	6.1	5.9	6.0
Menunggu penempatan	3.0	-	2.0
Melanjutkan pengajian	9.1	5.9	8.0
Tidak bekerja	24.2	35.3	28.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**Jadual 9.4:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Graduan OKU Mengikut Jenis Ketidakupayaan

Status Pekerjaan	Jenis Ketidakupayaan		
	Penglihatan	Pendengaran	Anggota fizikal
	n = 8	n = 9	n = 33
Bekerja sepenuh masa	12.5	66.7	63.6
Bekerja separuh masa	12.5	-	6.1
Menunggu penempatan	-	-	3.0
Melanjutkan pengajian	12.5	11.1	6.1
Tidak bekerja	62.5	22.2	21.2
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Diperhatikan kebanyakan graduan OKU dalam bidang Sastera & Sains Sosial, bidang Sains, Teknikal dan bidang Pendidikan memaklumkan sudah bekerja. Kesemua graduan OKU dalam bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi yang mendaftar

dalam kajian ini juga memaklumkan sudah bekerja. Bagaimanapun, terdapat 35 peratus dalam kalangan lulusan bidang Sastera & Sains Sosial dan 38.9 peratus bagi graduan dalam bidang Teknikal yang tidak bekerja (Jadual 9.5).

**Jadual 9.5:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Graduan OKU Mengikut Bidang Pengajian Utama

Status Pekerjaan	Sastera & Sains Sosial n = 20	Sains n = 3	Teknikal n = 18	Teknologi Maklumat & Komunikasi n = 3	Pendidikan n = 4
Bekerja Sepenuh Masa	45.0	33.3	55.6	100	75.0
Bekerja separuh masa	10.0	33.3	-	-	-
Menunggu penempatan	-	-	5.6	-	-
Melanjutkan pengajian	10.0	33.3	-	-	25.0
Tidak bekerja	35.0	-	38.9	-	-
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota:\* Dibundarkan kepada 100 peratus.

Taburan status pekerjaan mengikut jenis IPT menunjukkan terdapat sekitar 15 peratus graduan IPTA dan 44 peratus graduan Politeknik yang tidak bekerja (Jadual 9.6).

Jadual 9.7 menunjukkan taburan status pekerjaan responden OKU mengikut pencapaian akademik.

Dalam kalangan yang mendapat PNGK dalam selang 3.50 – 4.00, 12.5 peratus yang tidak bekerja, iaitu lebih rendah daripada yang berada dalam selang PNGK yang lain. Peratus yang tidak bekerja tertinggi bagi kumpulan yang mendapat PNGK dalam selang 2.00 – 2.49.

**Jadual 9.6:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Graduan OKU Mengikut Jenis IPT

Status Pekerjaan	IPTA	IPTS	Politeknik	Kolej Komuniti
	% n = 27	% n = 4	% n = 16	% n = 1
Bekerja sepenuh masa	63.0	-	56.3	100
Bekerja separuh masa	11.1	-	-	-
Menunggu penempatan	-	25.0	-	-
Melanjutkan pengajian	11.1	25.0	-	-
Tidak bekerja	14.8	50.0	43.7	-
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

**Jadual 9.7:** Peratus Taburan Status Pekerjaan Graduan OKU Mengikut PNGK

Status	2.00 – 2.49	2.50 – 2.99	3.00 – 3.49	3.50 – 4.00
	% n = 3	% n = 17	% n = 18	% n = 8
Bekerja sepenuh masa	-	70.6	55.6	50.0
Bekerja separuh masa	-	-	11.1	12.5
Menunggu penempatan	33.3	-	-	-
Melanjutkan pengajian	-	5.9	5.6	25.0
Tidak bekerja	66.7	23.5	27.8	12.5
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota:\* Dibundarkan kepada 100 peratus.

#### 9.4 MAKLUMAT PEKERJAAN GRADUAN OKU

Analisis seterusnya ialah untuk melihat lebih mendalam pelbagai aspek mengenai pekerjaan responden OKU yang termasuk majikan, sektor, taraf pekerjaan (tetap, sementara atau kontrak) dan pendapatan bulanan.


Di samping itu juga bahagian ini melihat bagaimana graduan OKU mendapatkan pekerjaan, tempoh menunggu bagi mendapatkan pekerjaan pertama dan juga melihat sama ada jenis kecacatan mempengaruhi pendapatan, sektor pekerjaan dan tempoh bagi mendapatkan pekerjaan.

### 9.4.1 Tempoh Graduan OKU Menunggu Pekerjaan Pertama

Rajah 9.5 menunjukkan tempoh bagi graduan OKU menunggu untuk mendapatkan pekerjaan pertama. Diperhatikan lebih daripada 70 peratus graduan OKU memaklumkan mereka berjaya mendapat pekerjaan pertama dalam masa 3 bulan selepas tamat pengajian. Sementara peratus yang menunggu lebih daripada 6 bulan

adalah kecil, iaitu sekitar 11 peratus. Jadual 9.8 menunjukkan tempoh menunggu bagi mendapatkan pekerjaan pertama mengikut jenis ketidakupayaan. Oleh kerana data yang terhad, perbandingan mengikut jenis kecacatan tidak dapat memberi gambaran yang tepat. Walau bagaimanapun dapat dilihat lebih 50 peratus graduan bagi setiap jenis ketidakupayaan dapat memperoleh pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas tamat pengajian.

**Rajah 9.5:** Peratus Taburan Tempoh Menunggu untuk Mendapat Pekerjaan Pertama



**Jadual 9.8:** Peratus Taburan Tempoh Menunggu untuk Mendapat Pekerjaan Pertama Mengikut Jenis Ketidakupayaan

Tempoh Mendapat Pekerjaan Pertama	Jenis Ketidakupayaan		
	Penglihatan	Pendengaran	Anggota Fizikal
	% n = 2	% n = 6	% n = 23
Sebelum tamat pengajian	-	16.7	13.0
1 bulan	50.0	33.3	26.1
2 bulan	-	16.7	26.1
3 bulan	50.0	-	13.0
4 bulan	-	-	4.3
5 bulan	-	16.7	4.3
6 bulan	-	-	4.3
Lebih dari setahun	-	16.7	8.7
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Nota:\* Dibundarkan kepada 100 peratus.



#### 9.4.2 Cara Graduan OKU Mendapatkan Pekerjaan

Jadual 9.9 memaparkan kaedah yang digunakan oleh graduan OKU bagi mendapatkan pekerjaan. Diperhatikan bagi graduan yang cacat penglihatan dan yang cacat pendengaran, rakan atau

ahli keluarga merupakan kaedah utama yang digunakan. Bagi yang cacat anggota fizikal pula, internet dan rakan atau ahli keluarga merupakan kaedah utama. Selain itu ada juga yang menggunakan kaedah lain namun peratusnya adalah tidak besar.

**Jadual 9.9:** Peratus Taburan Kaedah Mendapat Pekerjaan Sekarang Mengikut Jenis Ketidakupayaan


Cara dapat kerja SEKARANG	Jenis Ketidakupayaan		
	Penglihatan	Pendengaran	Anggota fizikal
	% n = 2	% n = 6	% n = 22
Internet	-	-	22.7
Media cetak	-	-	9.1
Media elektronik (tv, radio, dll)	-	16.7	-
Jabatan Tenaga Rakyat	-	-	9.1
Karnival Kerjaya	-	-	9.1
Rakan/Keluarga	100	83.3	18.2
Tawaran daripada penaja pengajian	-	-	9.1
Lain-lain	-	-	22.7
<b>Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

#### 9.4.3 Sektor Pekerjaan Graduan OKU

Rajah 9.6 menunjukkan sektor pekerjaan yang diceburi oleh graduan OKU. Sebahagian besar, iaitu 39 peratus bekerja di sektor swasta tempatan, 13 peratus swasta multinasional/asing, sementara 35 peratus merupakan penjawat awam, diikuti 10 peratus dengan GLC serta selebihnya 3 peratus

mempunyai perniagaan/perusahaan sendiri.

Jadual 9.10 memaparkan sektor pekerjaan graduan OKU mengikut jenis ketidakupayaan. Diperhatikan majoriti OKU yang cacat anggota fizikal bekerja di sektor kerajaan dan yang cacat pendengaran pula bekerja di sektor swasta tempatan.

**Rajah 9.6 :** Peratus Taburan Sektor Pekerjaan Graduan OKU**Jadual 9.10:** Peratus Taburan Sektor Pekerjaan Graduan OKU Mengikut Jenis Ketidakupayaan

Sektor Pekerjaan	Jenis Ketidakupayaan		
	Penglihatan	Pendengaran	Anggota fizikal
	% n = 2	% n = 6	% n = 23
Kerajaan	-	16.7	43.5
Swasta (Multinasional/asing)	-	16.7	13.0
Swasta (tempatan)	50.0	66.7	30.4
Perusahaan sendiri/ perniagaan sendiri	50.0	-	-
GLC	-	-	13.0
<b>*Jumlah (%)</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>


Nota:\* Dibundarkan kepada 100 peratus.

#### 9.4.4 Taraf dan Jenis Pekerjaan Responden OKU

Rajah 9.7 menunjukkan kebanyakan, iaitu 71 peratus pekerjaan yang dijawab oleh graduan OKU bertaraf tetap. Selainnya 19 peratus bertaraf sementara dan 7 peratus

bertaraf kontrak. Taraf pekerjaan mengikut jenis ketidakupayaan yang dipaparkan dalam Jadual 9.11 menunjukkan majoriti graduan OKU mempunyai taraf pekerjaan tetap dan hanya seorang sahaja graduan OKU bekerja sendiri.

**Rajah 9.7:** Peratus Taburan Mengikut Taraf Pekerjaan Graduan OKU



**Jadual 9.11:** Peratus Taburan Taraf Pekerjaan Graduan OKU Mengikut Jenis Ketidakupayaan

Taraf Pekerjaan	Jenis Ketidakupayaan		
	Penglihatan	Pendengaran	Anggota fizikal
	% n = 2	% n = 6	% n = 23
Tetap	50	83.3	69.6
Kontrak	-	-	8.7
Sementara	-	16.7	21.7
Bekerja Sendiri	50	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100</b>	<b>100</b>

Jadual 9.12 pula menyenaraikan kumpulan dan jenis pekerjaan yang dijawat oleh graduan OKU mengikut jenis ketidakupayaan mereka. Dapat dilihat peratus yang bekerja dalam

kategori Pegawai Kanan dan Pengurus, dan Profesional adalah sekitar 25 peratus sahaja. Selainnya bekerja dalam kategori Perkeranian, Jurujual dan Profesional Bersekutu.

**Jadual 9.12:** Taburan Kekerapan Kumpulan dan Jenis Pekerjaan Graduan OKU Mengikut Jenis Ketidakupayaan


Jenis Ketidakupayaan	Kumpulan Pekerjaan Utama	Jenis Pekerjaan	Bil.
Anggota fizikal	Pegawai Kanan dan Pengurus	Pegawai Kanan Kerajaan dan Badan Berkanun	3
<b>Jumlah</b>			<b>3</b>
Anggota fizikal	Profesional	Profesional Komputing	3
		Arkitek, Jurutera dan Profesional yang Berkaitan	2
		Profesional Sains Hayat	1
		Profesional Perguruan Pra Universiti dan Pendidikan Menengah	1
		Profesional Perguruan yang Tidak Dikelaskan di Mana-mana	1
		Akauntan dan Juruaudit	1
<b>Jumlah</b>			<b>9</b>
Pendengaran	Juruteknik dan Profesional Bersekutu	Penyelia	2
Anggota fizikal		Juruteknik Sains Fizik dan Kejuruteraan	2
		Juruteknik Sokongan Komputer	1
		Guru Pendidikan Rendah	1
		Profesional Bersekutu Perangkaan Pentadbiran & yang Berkaitan	1
<b>Jumlah</b>			<b>7</b>
Cacat penglihatan	Pekerja Perkeranian	Kerani Pentadbiran	1
Pendengaran		Kerani Perakaunan dan Kewangan	1
		Kerani Perakaunan dan Kewangan	1
		Kerani Merekod Bahan	1
Anggota fizikal		Kerani Pengedaran Mel	1
		Setiausaha dan Kerani Pengendali Papan Kekunci	1
		Kerani Pentadbiran	1
		Kerani Perakaunan dan Kewangan	1
		Kerani Merekod Bahan	1
<b>Jumlah</b>			<b>10</b>
Pendengaran	Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai dan Jurujual	Jurujual di Kedai dan Penunjuk Cara	1
Anggota fizikal		Pekerja Perkhidmatan Perlindungan dan yang Berkaitan	1
		Jurujual di Kedai dan Penunjuk Cara	1
<b>Jumlah</b>			<b>3</b>
<b>JUMLAH BESAR</b>			<b>32</b>

### 9.4.5 Pendapatan Bulanan Responden OKU


Rajah 9.8 menunjukkan taburan pendapatan bulanan graduan OKU yang bekerja. Diperhatikan sebanyak 42 peratus berpendapatan RM1500 ke bawah, 20 peratus dalam selang pendapatan RM1501 – RM2500, 19 peratus dalam selang pendapatan bulanan RM2501 – RM3000, dan hanya 19 peratus berpendapatan melebihi

RM3000. Rajah 9.9 memaparkan pendapatan bulanan graduan OKU mengikut jenis ketidakupayaan. Kebanyakan graduan OKU yang cacat pendengaran mendapat gaji dalam selang RM1001 – RM1500. Manakala bagi graduan OKU yang cacat anggota fizikal pula, kebanyakannya (21.7%) mendapat gaji bulanan dalam selang RM2501 – RM3000.

**Rajah 9.8:** Taburan (Peratus) Pendapatan Bulanan Graduan OKU



**Rajah 9.9:** Peratus Taburan Pendapatan Bulanan Graduan OKU Mengikut Jenis Ketidakupayaan



# Glosari Akronim

1	ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi	19	SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
2	IPG	Institut Pendidikan Guru	20	UDM	Universiti Darul Iman
3	IPT	Institusi Pengajian Tinggi	21	UIAM	Universiti Islam Antarabangsa
4	IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam	22	UiTM	Universiti Teknologi MARA
5	IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta	23	UM	Universiti Malaya
6	KO-K	Ko-Kurikulum	24	UMP	Universiti Malaysia Pahang
7	KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia	25	UMS	Universiti Malaysia Sabah
8	KPT	Kementerian Pengajian Tinggi	26	UMT	Universiti Malaysia Terengganu
9	LI	Latihan Industri	27	UniMAP	Universiti Malaysia Perlis
10	MARA	Majlis Amanah Rakyat	28	UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak
11	OKU	Orang Kelainan/kurang Upaya	29	UPM	Universiti Putra Malaysia
12	Ph.D.	Doktor Falsafah	30	UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
13	PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif	31	USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
14	PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	32	USM	Universiti Sains Malaysia
15	SKPG I	Sistem Kajian Pengesanan Graduan 1	33	UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
16	SKPG II	Sistem Kajian Pengesanan Graduan 2	34	UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
17	SLG	Skim Latihan Graduan	35	UTM	Universiti Teknologi Malaysia
18	SMS	Sistem Pesanan Ringkas	36	UUM	Universiti Utara Malaysia
			37	WP	Wilayah Persekutuan

## Lampiran A

### PENGIRAAN SAIZ SAMPEL

Untuk menentukan saiz sampel yang diperlukan, rumus saiz sampel\* berikut digunakan:

$$\text{saiz sampel} = \frac{z^2 p(1-p)}{c^2} \text{ di mana}$$

$z$  = nilai  $z$  (contohnya 1.96 bagi selang keyakinan 95%)

$p$  = peratus pilihan yang diungkapkan dalam titik perpuhan (umpamanya 0.5 digunakan untuk saiz sampel yang diperlukan)

$c$  = selang keyakinan yang diungkapkan dalam titik perpuhan (contohnya,  $0.04 = \pm 4$ )  
(\*Sumber <http://www.surveysystem.com/sample-size-formula.htm>)

Misalannya, dengan menggunakan selang keyakinan 0.95 dan nilai populasi 158, 977 serta peratus graduan ijazah Pertama adalah 63.3 peratus (Sumber: Laporan Kajian Pengesanan Graduan, KPT 2007), nilai sampel Ijazah Pertama yang perlu boleh dikira menggunakan rumus di atas.

Oleh yang demikian, dengan selang keyakinan 95%, selang keyakinan 2 dan  $N = 158, 977$ , saiz sampel yang diperolehi daripada rumus di atas adalah lebih kurang 2,365. Pengiraan yang sama juga boleh diperolehi bagi graduan Diploma dan lain lagi.

Berdasarkan pengiraan ini bagi sampel berstrata mengikut peringkat pengajian dan menggunakan dapatan Kajian Pengesanan Graduan 2006 dan 2007 sebagai populasi, dapat dirumuskan bahawa sampel yang diperolehi dalam SKPG II sebanyak 13,810 adalah mencukupi dan mewakili populasi.

#### Sampel Saiz

Sebagai contoh, ujian hipotesis ke atas kumpulan Diploma pada aras keertian (*significance level*) 0.05

$H_0$  = Pecahan Diploma adalah 0.317 (31.7%)

$H_1$  = Pecahan Diploma adalah bukan 0.317 (31.7%)

### Statistik ujian

$$z = \frac{p - \pi}{\sqrt{\frac{\pi(1-\pi)}{n}}} \text{ dimana } p \text{ adalah pecahan sampel dan } \pi \text{ adalah pecahan populasi.}$$

$$= \frac{0.334 - 0.317}{\sqrt{\frac{0.317(1-0.317)}{1503}}} = 1.417$$

Didapati  $z_{\text{kira}} = 1.417 < 1.96 = z_{\alpha/2}$  (nol hipotesis  $H_0$  tidak ditolak pada aras keertian  $\alpha = 0.05$ ). Ujian hipotesis menunjukkan bahawa pecahan sampel responden diploma mewakili populasi. Ujian yang sama boleh dilakukan ke atas kumpulan responden lain mengikut peringkat pengajian masing-masing.

### Ujian hipotesis

Seterusnya, pengesanan saiz sampel kajian susulan ialah melalui ujian hipotesis. Data yang diperolehi daripada Kajian Susulan 2008 adalah merupakan data 'cross-sectional' dari tahun konvokesyen 1970 sehingga 2008. Taburan responden mengikut tahun konvokesyen dipaparkan dalam Jadual A.1 dengan peratus graduan bagi Tahun konvokesyen 2007 (39%) mencatatkan peratusan penglibatan tertinggi dalam kajian ini. Oleh yang demikian, untuk tujuan pengesanan anggaran saiz sampel, pangkalan data Kajian Pengesanan Graduan 2007 digunakan sebagai asas populasi dan data kajian susulan "Tahun Konvokesyen 2007" sebagai sampel.

**Jadual A.1:** Taburan Responden Kajian Susulan Mengikut Tahun Konvokesyen

Tahun konvo	Bil.	Peratus
1970 - 2004	1134	8.2
2005	583	4.2
2006	3616	26.2
2007	5386	39.0
2008	3091	22.4
<b>Jumlah Kecil</b>	<b>13810</b>	<b>100</b>
<b>Tiada Maklumat</b>	<b>197</b>	
<b>Jumlah Besar</b>	<b>14007</b>	

## Lampiran B

### BORANG SOAL SELIDIK



#### KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (SUSULAN)

//\*\* NAMA UNIVERSITI : drop down \*

PERHATIAN : Sila tandakan ( / ) dalam petak yang berkenaan dan isikan butiran yang tepat dengan menggunakan HURUF BESAR

#### BAHAGIAN A : MAKLUMAT LATAR BELAKANG RESPONDEN

//\* 1 Nama : (seperti dalam K/P)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

//\* 2 No. K/P : 

								-							
--	--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--
